

"DAPATKAH ASEAN memberikan rakyatnya keselamatan yang membolehkan mereka hidup dengan aman, stabil dan penghidupan yang bererti di samping memandang ke masa hadapan dengan harapan dan keyakinan." - Titah sempena Pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 pada 13 Mei 2004.

"BARANGSIAPA beriman kepada Allah dan Hari Akhirat (Kiamat), maka hendaklah ia berbuat baik kepada jiran tetangganya." - Maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (Riwayat Imam Muslim).

ANTARA  
YANG  
MENARIK

Haluan :

Jauhkan diri daripada perkara-perkara boleh cemarkan imej negara

- Muka 2

Cabaran dan isu wanita

- Muka 3

\$1.9 juta dibelanjakan membina 55 buah rumah untuk saudara baru

- Muka 6

Fokus:

Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu

- Muka 7

Keberangkatan ke Majlis Perkahwinan Diraja Jordan

- Muka 4, 5, 8 & 9

Laporan SUKMA

- Muka 13 & 14

Meningkatkan disiplin pelajar

- Muka 6 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PERBADANAN Kewangan Antara-bangsa atau International Finance Corporation (IFC) ditubuhkan pada bulan Julai 1956 sebagai sebuah perbadanan yang bergabung dengan Bank Dunia. IFC diserapkan sebagai pertubuhan khas PBB pada 20 Februari 1957. - Sumber: Buku Perspektif Hubungan Luar Negeri oleh Haji Mohd. Salleh Abdul Latif.

# Pengurusan pertahanan yang lebih profesional



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-43 ABDB. - Gambar oleh Pengiran Rafiee PDPHM.

TUTONG, 31 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, menyatakan bahawa dalam sedikit masa lagi Kementerian Pertahanan akan mengeluarkan Kertas Dasar Pertahanan dan serentak dengan itu juga akan melancarkan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Menurut baginda, langkah itu amatlah penting bagi menuju ke arah pengurusan pertahanan yang lebih fokus dan profesional kerana perancangan dan keputusan yang dibuat itu bukanlah boleh dibuat

Oleh  
Dk. Hajah Saidah  
PHOA

secara rambang dan mendadak, akan tetapi memerlukan metodologi dan pendekatan yang kemas.

"Kertas Dasar Pertahanan bukan sahaja menyumbang untuk membina keyakinan di rantau ini, malah juga untuk menyatukan kegiatan-kegiatan pertahanan yang akan turut dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain," titah baginda.

Dalam pada itu, titah baginda, Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan merupakan alat pengurusan untuk merancang perkembangan dan pembangunan angkatan-angkatan tentera secara bersepadu.

Kedua-dua usaha itu, titah baginda, diharapkan akan dapat menangani segala isu yang lebih spesifik di dalam Kementerian Pertahanan dan ABDB. Walau bagaimanapun baginda mengingatkan supaya tidak lupa perkembangan fizikal mestilah seimbang dengan perkembangan rohani atau spiritual. Ini kerana kejayaan hanyalah boleh dicapai dengan adanya dua kekuatan yang seimbang fizikal dan kerohanian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia merasa bangga melihat anggota ABDB berdiri dengan semangat patriotisme selaku benteng pertahanan negara untuk memelihara kedaulatan ugama, raja, bangsa dan negara.

Dalam pemerhatian baginda ketika mengadakan beberapa lawatan ke ABDB banyak kema-

juan yang dicapai oleh unit-unit ABDB, namun perkembangan tidaklah boleh berhenti setakat yang ada, negara mesti mencipta perubahan, sejajar dengan tuntutan masa, titah baginda di Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-43 yang berlangsung di Padang Kawad Penanjong Garison di sini.

"Mungkin sepuluh tahun yang lalu tidak siapa yang cenderung untuk meramalkan bahawa pergolakan dan penularan isu-isu keselamatan akan terjadi, namun sekarang ia adalah benar-benar berlaku," titah baginda.

Oleh kerana itulah baginda mengingatkan supaya jangan duduk diam dari melakukan sebarang perancangan untuk masa depan supaya negara tidak mendapati dirinya kecewa tanpa persiapan.



BAGINDA ketika berkenan memeriksa perbarisan terdiri 1,564 pegawai dan anggota ABDB di Majlis Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-43 di Padang Kawad Penanjong Garison. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

## Merealisasikan corak kepimpinan berorientasikan Islam

TUTONG, 31 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa sudah tiba masanya untuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menubuhkan sebuah unit atau cawangan bagi merealisasikan satu corak kepimpinan yang berorientasikan Islam, ugama yang direcai Allah.

Dengan cara itu insya Allah akan dapat memperolehi lebih keberkatan dan kekuatan. Baginda bertitah demikian di Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-43 yang berlangsung di Padang Kawad

Penanjong Garison di sini.

Menurut baginda, anggota dan kakitangan yang beriman, terlatih dan mempunyai motivasi tinggi adalah aset utama bagi Kementerian Pertahanan dan ABDB dan menjadi asas kepada pencapaian kejayaan.

Oleh yang demikian, baginda berharap Kementerian Pertahanan dan ABDB hendaklah menyedikan peruntukan dan kaedah yang lengkap bagi perkembangan anggota dan kakitangannya. Selain daripada itu motivasi dan keimanan mereka juga hendaklah dipelihara serta dipastikan sentiasa berkorbar kerana itu adalah satu tanggungjawab utama bagi pemerintahan.

Dalam pada itu baginda juga melahirkan kegemilangan apabila mengetahui kadar penyalahgunaan dadah di kalangan anggota tentera telah menurun secara signifikan dalam dua tahun kebelakangan ini.

Menurut baginda, perkara tersebut menandakan terdapatnya perubahan dalam yang membanggakan, di samping dasar ketat dan tegas yang telah dikuatkuasakan dan baginda yakin peningkatan kesedaran rohani sedang berlaku dengan pesatnya di kalangan anggota.

Oleh itu kepada pucuk pimpinan, baginda berharap supaya ia terus dipupuk dan dipelihara sehingga lebih subur dan berkekalan.



2 JUN 2004 BERSAMAAN 1425 13 ربيع الأخير

## KE ARAH PERTAHANAN NEGARA YANG PROFESIONAL

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mengumumkan mengenai rancangan besar Kementerian Pertahanan untuk menuju ke arah pengurusan pertahanan negara yang lebih fokus dan profesional sejajar dengan tuntutan masa, di samping sebagai persediaan rapi bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran yang dicetuskan oleh era globalisasi. Perancangan masa depan pertahanan itu ialah Kertas Dasar Pertahanan atau 'Defence White Paper' dan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Butiran terperinci mengenai kedua-dua perancangan itu akan dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan sedikit masa lagi.

Pengumuman baginda itu sesuatu yang tepat dan amat relevan bila mana pergolakan dan penularan isu-isu keselamatan kini telah berlaku di mana-mana pelusuk dunia termasuk di rantau Asia Tenggara. Pergolakan ini memberi impak dan kesan kepada dunia globalisasi tidak terkecuali Negara Brunei Darussalam. Begitu juga semenjak konsep Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) diterima oleh Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan dikuatkuasakan oleh banyak negara, maka isu sempadan laut kini menjadi penting. Langkah baginda yang murni itu ternyata bagi mempersiapkan Negara Brunei Darussalam dengan sistem pertahanan yang benar-benar profesional agar negara tidak mendapati dirinya kecewa tanpa persiapan.

Soal pertahanan bukanlah perkara kecil dan remeh-temeh. Perancangannya juga bukan dibuat secara ram-bang dan mendadak tetapi dirancang dengan lebih teliti dan sistematik. Lebih penting lagi ia memerlukan metodologi dan 'approach' yang kemas. Bagi Negara Brunei Darussalam, kita tidak perlu menunggu dan duduk diam tanpa berbuat sesuatu perancangan. Kalau diperhatikan sekeliling kita, negara-negara di Asia Tenggara sendiri juga kini telah berlumba-lumba untuk mengukuhkan dan memantapkan sistem pertahanan masing-masing. Mereka kini mengemaskinikan pertahanan negara masing-masing dengan memberikan peruntukan yang amat besar bagi membeli kelengkapan-kelengkapan pertahanan yang lebih canggih selain memantapkan anggota-anggota tentera mereka.

Kertas Dasar Pertahanan yang dirancang itu bukan sahaja menyumbang untuk membina keyakinan di rantau Asia Tenggara malah ia dihasratkan bagi menyatukan kegiatan pertahanan yang turut dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan pula adalah menjadi alat pengurusan bagi merancang dan membangun angkatan-angkatan tentera negara ini secara bersepadu. Harapan yang tersirat dalam kedua-dua usaha itu ternyata akan dapat menangani segala isu khusus dalam Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Memang benar kita telah sedia ada mempunyai satu pasukan angkatan bersenjata yang benar-benar mantap dan digaliti. ABDB juga telah mencapai perkembangan yang membanggakan sejak ia ditubuhkan 43 tahun yang lalu. Tetapi itu tidak bermakna kita sudah berpuas hati. Namun apa yang mustahak, kita mesti mencipta perubahan sejajar dengan tuntutan-tuntutan dan peredaran masa yang tidak menentu ketika ini. Maka wawasan yang baginda titahkan sempena ulang tahun penubuhan ke-43 ABDB dilihat sebagai 'signal' yang jelas betapa baginda sendiri selaku Pemerintah Tertinggi ABDB, ingin melihat angkatan bersenjata benar-benar dapat memainkan peranan dalam memelihara kedaulatan, menjaga keselamatan bangsa, raja dan negara di masa depan.

Tidaklah memadai dengan kita memiliki peralatan canggih dan kekuatan anggotanya, tetapi yang lebih dipentingkan ialah daya kepimpinan yang bijaksana yang berteraskan iman. Ini bererti perkembangan fizikal itu mestilah diseimbangkan dengan perkembangan rohani. Kedua-dua kekuatan ini iaitu fizikal dan rohani mesti diutamakan dalam angkatan tentera kerana ia boleh menjamin kejayaan yang diharapkan. Maka dalam hubungan ini, sudah tiba masanya bagi ABDB dalam merealisasikan corak kepimpinan berorientasikan Islam menubuhkan unit atau cawangan di masa mendatang. Selain daripada itu, disiplin ketenteraan yang tinggi digandungi dengan keimanan serta semangat yang berkobar-kobar juga menjadi penentu dalam kejayaan angkatan bersenjata kita.

Dengan perancangan yang lebih strategik, kita yakin angkatan bersenjata kita khususnya ABDB akan terus mampu untuk mengekalkan kesejahteraan dan kesen-tosaan yang dinikmati sekarang. Kewibawaan ABDB akan terus mantap dalam menjaga dan memelihara kedaulatan ugama, raja dan negara dengan semangat patriotisme. Wawasan perancangan pertahanan negara terkini yang diusahakan itu sudah sententunya akan membawa hala tuju ketenteraan kita lebih profesional serta lebih fokus bagi menghadapi cabaran dan perkembangan global. Insya-Allah, kita percaya, perancangan itu akan membuahkan hasil demi kesejahteraan Negara Brunei Darussalam di masa akan datang.

**SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-43  
PENUBUHAN ABDB - TERUS BERBAKTI KEPADA  
BANGSA DAN NEGARA.**

## HALUAN...

# JAUHKAN DIRI DARIPADA PERKARA-PERKARA BOLEH CEMARKAN IMEJ NEGARA

Bismillahir Rahmanir  
Rahim

Assalamualaikum  
Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**S**EGALA puji-pujian dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga kita sama-sama dapat berkumpul beramai-ramai di majlis yang penuh berkebakikan ini iaitu Majlis Penyampaian Sijil-sijil Kerakyatan Ke-16 kepada seramai lebih dari 200 orang penerima yang telah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat baginda secara pendaftaran melalui Bab 5 (1), 5 (6) dan 6 (1) dan secara penuangan melalui Bab 8 (1) Akta Taraf Kebangsaan.

Terlebih dahulu saya sukacita mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Penyampaian Sijil-sijil Kerakyatan Ke-16 kerana menjemput saya untuk hadir di majlis ini, yang mana adalah satu penghormatan yang saya hormai.

Saya juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tah-niah kepada semua penerima Sijil Kerakyatan pada petang ini di atas keberuntungan mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi rakyat baginda.

Saya penuh percaya para penerima sijil se-kalian di samping merasa gembira, sententunya juga menyedari bahawa pe-



**UCAPAN Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa di Majlis Penyampaian Sijil-sijil Kerakyatan Ke-16 pada hari Rabu, 10 Safar 1425/31 Mac 2004 di Dewan Serbaguna Jabatan Perkhidmatan Bomba.**

ngurniaan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam adalah satu kurnia yang tidak ternilai harganya.

Kita sebentar tadi telah menyaksikan para penerima Sijil Kerakyatan melafazkan ikrar sumpah taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Janganlah ikrar ini tinggal dilafazkan sahaja. Para penerima perlu meng-ingati bahawa pengurniaan taraf kerakyatan ini adalah satu kurnia yang boleh ditarik balik di bawah Akta Taraf Kebangsaan, sekiranya didapati bahawa seseorang rakyat berdaftar, telah khianat kepada ikrar sumpah taat setianya itu.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan bagi menasihati segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini untuk sentiasa sama-sama menjaga dan memelihara keamanan, ketenteraman dan kestabilan negara kitani dan tidak semata-mata menyerahkan tugas tersebut kepada pihak kerajaan sahaja.

Selaku rakyat yang semestinya cintakan negara, kita semua mempunyai tanggungjawab untuk sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di negara ini

supaya mana-mana rakyat yang berperanan dalam sektor swasta dengan mengusahakan pelbagai usaha yang berkebakikan supaya akan melitigandakan lagi usaha masing-masing kerana yang demikian adalah merupakan jasa yang besar artinya kepada negara.

Adalah diharapkan segala usaha yang diungkayahkan itu akan menambahkan lagi kepada usaha-usaha berterusan untuk meningkatkan kemakmuran negara dan mudah-mudahan juga akan membukakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini yang dengan sendirinya akan mengurangkan kadar pengangguran.

Seperti yang kita sama-sama maklum untuk dipertimbangkan menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, para pemohon semestinya telah memenuhi syarat-syarat mengikut bab-bab tertentu yang termaktub di dalam undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan khususnya Akta Taraf Kebangsaan dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan beberapa perubahan dasar yang berkaitan dengan soal kerakyatan para akhir-akhir ini.

Perubahan-perubahan dasar yang dimaksudkan itu ialah yang berkaitan dengan kelayakan ibu-ibu yang terdiri dari rakyat baginda dan bersuamikan warganegara asing untuk memohonkan taraf kerakyatan di bawah Bab 6 (1) untuk anak-anak mereka, yang mana perubahan ini baginda telah perkenankan pada tahun 2002.

Pada tahun 2003, baginda juga telah memperkenankan Ujian Lisan Bahasa Melayu bagi pemohon-pemohon yang kurang upaya untuk menduduki Ujian Bertulis, disebabkan tahap pendidikan yang tidak memungkinkan.

Segala perubahan tersebut sententunya banyak mendatangkan kemanfaatan kepada mereka yang

berkenaan dan saya percaya perubahan-perubahan tersebut disambut dengan penuh kesyukuran dan banyak-banyak menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh kesemua yang berkenaan.

Satu perkembangan baru yang ada kaitannya dengan isu kerakyatan ini ialah yang sehubungan dengan kurikulum kertas Ujian Bertulis Bahasa Melayu yang dikehendaki oleh Bab 5 dan Bab 8 dari Akta Taraf Kebangsaan.

Dalam kesempatan ini saya sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kurikulum kertas Ujian Bertulis Bahasa Melayu yang akan menjadi panduan bagi pemohon-pemohon yang memohon taraf kerakyatan di bawah Bab 5 dan Bab 8 dari Akta Taraf Kebangsaan yang mana kurikulum tersebut akan dilancarkan pada hari ini.

Buat mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi dengan penuh ikhlas mengucapkan tah-niah kepada para penerima Sijil-sijil Kerakyatan pada hari ini dan berdoa semoga akan menjadi rakyat yang berguna yang sentiasa menjaga keamanan dan kesejahteraan negara dan yang sentiasa melitigandakan usaha pada meningkatkan lagi kemakmuran negara ini.

Dalam kesempatan ini juga marilah kita bersama memperbaharui tekad taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala semoga baginda akan kekal karar memerintah di atas takhta singgasana Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan aman makmur dan sentosa dan sentiasa dikurniakan petunjuk, taufiq dan hidayah oleh-Nya jua.

Sekian, Wabillahi Tawfiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Brunei hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Komanwel

# CABARAN DAN ISU WANITA

BERAKAS, 28 Mei. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menghadiri Mesyuarat Ke-7 Menteri-menteri Komanwel yang bertanggungjawab dalam hal ehwal wanita di Nadi, Kepulauan Fiji pada 30 Mei hingga 3 Jun 2004.

Menurut siaran akhbar kementerian tersebut Mesyuarat Menteri-menteri Komanwel ini telah dihadiri oleh Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1990 ketika mesyuarat ini diadakan di Ottawa, Kanada. Negara Brunei Darussalam juga turut menyertai mesyuarat berkenaan yang telah diadakan di Cyprus dan juga di Trinidad dan Tobago.

Tema mesyuarat pada tahun ini ialah 'Partnership For Gender Equality'.

Di antara tujuan mesyuarat itu ialah untuk meneliti dan menyediakan draf baru bagi Commonwealth Plan of Action On Gender Equality 2005 - 2015. Di samping itu, beberapa topik perbincangan mengenai cabaran dan isu-isu wanita dan gender akan menjadi fokus utama dalam mesyuarat ini iaitu antara lainnya ialah 'Gender, Democracy, Peace, and Conflict', 'Gender, Human Rights and Law', 'Gender and Poverty', 'Gender and Trade', 'Gender and HIV/AIDS' dan juga membincangkan peranan kaum lelaki dalam pencapaian 'Gender Equality'.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sejurus sebelum berangkat ke Fiji. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

## Jabatan Penerangan terbitkan 3,000 poster

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dalam sama-sama memberikan dan menyemarakkan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-43 telah menerbitkan poster sempena sambutan hari berkenaan.

Sebanyak 3,000 keping poster diterbitkan untuk diedarkan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, agensi bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan dan Jabatan-jabatan Daerah di seluruh negara.

tersebut telah diadakan di Bilik Pehin Udana Khatib, Jabatan Penerangan, di sini hari ini.

Penyerahan poster telah disempurnakan oleh Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, Pengarah Penerangan.

Dalam ucapan alu-aluannya beliau menekankan mengenai pentingnya peranan dan tanggungjawab semua rakyat dan penduduk negara ini, bukan hanya sekadar untuk sama-sama memeriahkan sambutan berkenaan, tetapi juga mendukung dan menghayati tema sambutan iaitu 'Patriotisme dan Perpaduan Teras Keutuhan Pertahanan Negara'.

Majlis penyerahan poster-poster



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang menyerahkan poster kepada seorang penerima. - Gambar oleh Abdullah HAD.

## SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.



## BICARA IT

TEMA

## E-Kerajaan Wujudkan Perkhidmatan Efisien, Efektif dan Responsif

MEMBICARAKAN perkembangan Teknologi Maklumat bagi sektor awam di negara ini, kita sebaiknya mengimbas peranan Program TEMA (Teknologi Maklumat) bagi Perkhidmatan Awam yang dilancarkan dengan rasminya pada 2 Oktober 1995. Kesannya memperlihatkan agensi-agensi sektor awam telah memanfaatkan IT dan kini sedang giat melaksanakan 'e-kerajaan'.

Di antara hasil positif TEMA ialah setiap kementerian telah menubuhkan jawatankuasa IT masing-masing seperti yang dianjurkan. Jawatankuasa IT di peringkat kementerian dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap kementerian berkenaan atau wakilnya, manakala ahli-ahlinya terdiri dari jabatan-jabatan di bawahnya.

Menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melaksanakan e-kerajaan untuk memberikan perkhidmatan dan pengurusan kerajaan secara on-line agar Perkhidmatan Awam benar-benar efisien, efektif dan responsif. Ia juga diharapkan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara di samping memperkenalkan budaya kerja yang lebih produktif melalui perkhidmatan elektronik.

Bicara IT kali ini membawa pembaca melihat matlamat negara melaksanakan e-kerajaan di samping faedah-faedah yang dapat diperolehi melalui. Dalam hal ini ada baiknya kita mengimbas ucapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Hazair selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Program e-Kerajaan (EGPEC) di Seminar Penyediaan Bagi Pelaksanaan Projek-projek E-Kerajaan berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam pada 13 Mei 2003 yang antara lain menyatakan:

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) melalui e-kerajaan akan dapat meningkatkan keberkesanan dan efisiensi dalam pengurusan kerajaan dan membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan dapat diberikan secara lebih mudah, pantas dan murah.

Revolusi digital melalui ICT merupakan satu ketumbukan 'force' yang kuat serta merubah cara hidup dan memberikan kita akses yang terbuka kepada maklumat dan segala ilmu yang ada, di samping membantu mengembangkan bidang pendidikan termasuk sains dan teknologi.

Justeru penggunaan ICT memerlukan kepandaian dan kemahiran baru, pemikiran yang baru dan perubahan dalam dasar-dasar sosial dan ekonomi. Revolusi maklumat ini menghendaki sesiapa yang sudah mahir akan berusaha menjadi lebih mahir dan maju ke hadapan agar kita tidak tertinggal di belakang.

Perlaksanaan e-kerajaan sepenuhnya memerlukan kita melihat dari segi interaksi awam dengan kerajaan melalui 'integrated access management' dan 'single window service', proses 'reengineering' melalui perubahan reka bentuk semua organisasi atau 'redesigning organization' dan kerajaan yang rapi dan rapat di antara semua agensi kerajaan melalui 'collaborative decision making'.

Potensi e-government tidak persoalkan jika ia dapat dilaksanakan sepenuhnya. Ia boleh digunakan bagi peningkatan kecekapan dan keberkesanan Perkhidmatan Awam dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai dan sektor perniagaan yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan pembangunan ekonomi untuk membantu negara ke tahap pembangunan negara-negara yang telah maju.

Sementara itu dalam menghadapi ledakan ICT kita haruslah sentiasa berwaspada dan peka terhadap risiko-risiko yang bakal dibawa bersama yang bermaksud anggota Perkhidmatan Awam bukan hanya dilihat sebagai pengguna malahan pentadbir kepada kemajuan ICT itu sendiri bagi mewujudkan 'knowledge society' atau masyarakat yang berpengetahuan.

Pada waktu yang sama kita perlu mencerminkan diri dan mengimbas kembali bagaimana penggunaan e-kerajaan boleh membentuk perkhidmatan yang diberikan dan curahkan kepada negara dan orang ramai selain menilai diri sendiri setakat mana perancangan dan pengendalian terhadap projek e-kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan benar-benar mencapai misi dan aspirasi Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya.

Salah satu aspek yang perlu diberikan penekanan dalam pelaksanaan e-kerajaan ini ialah pengemaskinian terhadap sistem proses dan prosedur kerja. Ia amat penting bagi mengelakkan kerja yang bertindih dan seterusnya mempercepatkan proses membuat keputusan atau 'decision making'.

Dalam melaksanakan projek-projek e-kerajaan, Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa bersifat dinamik dan terbuka kepada keadaan semasa bagi membolehkan ia memainkan peranan penting dalam membawa perubahan paradigma dan perubahan minda serta sikap yang positif dalam menghadapi arus modenisasi dan kesan globalisasi yang rancak berjalan ketika ini.

Perlaksanaan e-kerajaan merupakan cabaran kepada kita dan tidak terdapat jalan pintas atau 'short cut' bagi pelaksanaannya. Ia bukan setakat berkisar kepada infrastruktur, 'hardwares', 'softwares' dan aplikasi tetapi juga melibatkan tenaga manusia yang memanfaatkan secara berterusan dengan sentiasa meningkatkan berkemahiran.

(Kelolaan: Sahari Akim dan Siti Aishah Haji Selamat / Sumber: Laman Web e-Kerajaan)

# KEBERANGKATAN KE PERAYAAN PERKAHWINAN DIRAJA JORDAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Duli Yang Teramat Mulia Putera Hashem dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi' mendengar sembah taklimat Presiden Universiti Jordan, Profesor Abdullah Al-Musa mengenai sejarah dan perkembangan universiti berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menandatangani buku lawatan.

## DPMM berangkat melawat Universiti Jordan

AMMAN, JORDAN, 26 Mei - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, hari ini berangkat melawat Universiti Jordan, yang terletak di Queen Rania Road, lebuh raya yang menghubungkan Amman dengan Suweilah iaitu 10 kilometer dari pusat bandar raya ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di perkarangan bangunan pentadbiran dijunjung oleh Presiden universiti berkenaan, Profesor Abdullah Al-Musa; Naib Presiden Hal Ehwal Akademik, Profesor Shetaawy dan Naib Presiden Hal Ehwal Pentadbiran, Profesor Jamil Smadi.

Duli Yang Teramat Mulia yang disertai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi kemudian dijunjung bersedar ke pejabat Presiden universiti bagi mendengar sembah taklimat oleh Profesor Abdullah Al-Musa mengenai sejarah dan perkembangan universiti berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menerima pesembah berupa lambang Universiti Jordan dan sebuah pesembah kecil oleh Profesor Abdullah Al-Musa bagi pihak universiti.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan me-

nandatangani buku lawatan di luar pejabat Presiden sejeurus selepas bergambar ramai bersama para pegawai pentadbiran universiti.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat melawat The School Dot.Com yang terletak di bangunan yang menempatkan 400 buah komputer yang disambung terus ke internet dan diangap yang terbesar di dunia. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pengarah Pusat Komputer, Profesor Riyadh Zabari yang juga menyampaikan penerangan ringkas di sepanjang lawatan itu.

Destinasi lawatan seterusnya ialah Makmal Teknologi Maklumat, Sekolah Teknologi Maklumat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Profesor Ahmad Zaber, Dekan sekolah berkenaan yang juga menyampaikan taklimat mengenai peranan sekolah itu selaku penyelia kepada projek-projek para penuntut universiti berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian melawat Pusat Bahasa, sebuah institusi pengajaran yang utama di Jordan dan rantau Timur Tengah. Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Profesor Ahmad Y. Maj-

doubah, Pengarah pusat berkenaan. Semasa lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan beramah mesra bersama beberapa penuntut luar negeri yang mengikuti pengajian bahasa Arab.

Pusat Bahasa yang ditubuhkan pada tahun 1979 atas perintah diraja, juga menyediakan kemudahan bagi para pelajar Arab mengikuti pengajian bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

Atur cara lawatan itu juga diselenggarakan dengan sesi ramah mesra bersama para penuntut Brunei yang sedang mengikuti pengajian di Jordan, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Dekan Pelajar, Bangunan Pentadbiran universiti.

Ketika ini terdapat seramai 14 orang penuntut Brunei mengikuti pengajian masing-masing di tiga buah universiti iaitu Universiti Jordan (dua orang di peringkat sarjana dan tiga di peringkat sarjana muda), Universiti Al al-Bayt, Mafrak (seorang di peringkat sarjana) dan Universiti Yarmouk, Irbed (tiga orang di peringkat sarjana dan lima orang di peringkat sarjana muda iaitu empat orang pelajar Universiti Brunei Darussalam yang mengikuti pengajian setahun di luar negeri dan seorang pelajar

persendirian).

Keberangkatan lawatan itu berakhir dengan Majlis Resepsi yang disempahkan oleh Profesor Abdullah Al-Musa bagi pihak universiti yang berlangsung di ruang legar Bangunan Pentadbiran Universiti Jordan.

Naib Presiden Hal Ehwal Akademik dan Naib Presiden Hal Ehwal Pentadbiran universiti, Konsultan, Pengarah Program Antarabangsa dan Dekan-dekan Fakulti juga hadir di majlis itu.

Universiti Jordan ditubuhkan dalam tahun 1962 sebagai sebuah universiti yang pertama di Jordan dan hanya mempunyai sebuah fakulti iaitu Fakulti Sastera dengan keramaian 167 orang pelajar. Ketika ini universiti berkenaan mempunyai 18 fakulti, dua dekan, masing-masing bagi Penyelidikan dan Hal Ehwal Pelajar, 11 buah pusat pengajian dan pelbagai kemudahan lain.

Ahli-ahli fakulti sepenuh masa pula seramai 1,086 orang. Manakala jumlah pelajar mencapai 32,000 orang, 4,000 orang daripadanya telah menerima ijazah, manakala 28,000 orang lagi masih mengikuti pengajian masing-masing. Sementara 12 peratus daripada keseluruhan jumlah pelajar universiti itu adalah pelajar dari 66 buah negara.



DULI Yang Teramat Mulia mendengar sembah taklimat mengenai kemudahan komputer dan teknologi maklumat yang disediakan di universiti berkenaan.

### Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid




DULI Yang Teramat Mulia meluangkan masa beramah mesra sambil mengetahui perkembangan para pelajar Negara Brunei Darussalam yang menuntut di tiga buah universiti di Jordan.




DULI Yang Teramat Mulia berkenan bergambar kenangan bersama sebahagian daripada 14 orang pelajar Negara Brunei Darussalam yang menuntut di universiti-universiti di Jordan.

# KEBERANGKATAN KE PERAYAAN PERKAHWINAN DIRAJA JORDAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diiringi Duli Yang Teramat Mulia Putera Hashem dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi berjalan sambil menikmati keindahan tembok-tembok tinggi yang berukir di beberapa tempat sepanjang 'Siq'.



DULI Yang Teramat Mulia dengan penuh minat mendengar taklimat daripada Tuan Mohom'D Al Salmeen, juru pandu pelancong sambil menyaksikan keindahan di kawasan berkenaan.



DULI Yang Teramat Mulia disebarkan taklimat mengenai salah satu keunikan yang terdapat di Al-Khazneh, sebuah monumen yang paling terkenal di kompleks berkenaan.

## Keberangkatan tiba di Aqaba

AQABA, JORDAN, 28 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di sini bagi menghadiri perayaan perkahwinan diraja.

Keberangkatan tiba baginda dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Hussein dijunjung oleh Gabenor Aqaba, Tuan Khaleed Awadallah Abu Zaid dan kemudian dijunjung berangkat ke At Diwan, Istana Aqaba, di mana baginda akan bersemayam.

Di sebelah tengah hari, baginda berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disempakan oleh Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi yang diadakan di Istana Puteri Basma. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II juga berangkat ke majlis itu.

Sementara di sebelah malam, baginda berangkat ke Majlis Santap Malam sempena perayaan-perayaan perkahwinan diraja Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah dan Yang Teramat Mulia Puteri Noor yang akan diadakan di Beit Al-Bahar, Istana Aqaba yang juga dihadiri sama kerabat-kerabat diraja dan jemputan-jemputan lain.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diiringi Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi turut berangkat ke majlis itu.

Sementara itu, sejurus sebelum keberangkatan baginda meninggalkan Istana Nadwa di Amman, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

## Keberangkatan ke Petra dan Laut Mati

xAMMAN, JORDAN, 25 Mei - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di sebelah pagi hari ini berangkat ke Petra, sebuah bandar purba, kira-kira 300 kilometer di selatan bandar raya ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi menggunakan pesawat helikopter dijunjung oleh Gabenor Petra, Abed Naime Al Sharmar. Berangkat sama mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Putera Hashem bin Al-Hussein.

Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan kemudian dijunjung menaiki kenderaan pacuan empat roda bagi meninjau kompleks berkenaan yang mengandungi monumen dan ukiran-ukiran bangunan yang amat mengagumkan.

Sejurus tiba di suatu kawasan, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan dijunjung berangkat berjalan kaki sejauh kira-kira 1.2 kilometer di sebuah lorong yang dberi nama 'Siq' yang merupakan pintu utama ke bandar purba itu.

Lorong yang dilalui berliku-liku dan keadaan muka buminya pula tinggi rendah. Manakala di kiri dan kanannya pula menjulang tembok dinding dengan ketinggian sehingga mencapai 100 meter dan di tempat-tempat tertentu diukir dengan ukiran yang mempunyai makna yang tersendiri.

Walau begitu, rasa lelah terubat sebab sampai di penghujung 'Siq' apabila seolah-olah tiba-tiba menjelma sebuah monumen yang amat mengagumkan yang dikenali sebagai Al-Khazneh (Khanzah).

Monumen setinggi 43 meter dan lebar sepanjang 30 meter dikatakan diilhamkan dari seni bina Hellenistic.

Di sepanjang menapaki Siq sehingga ke Al-Khazneh dan destinasi-destinasi berikut di lembah berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan disebarkan taklimat mengenainya oleh jurupandu pelancong, Mohom'D Al Salmeen.

Petra yang dikelilingi menara-menara berbukit yang turut menyumbang dari serangan para penceroboh juga dikenali dengan julukan 'Rock In The Rose City'. Bandar ini dikatakan dibina pertama kali sekitar abad ke-6 sebelum Masihi oleh orang-orang Arab Nabataean yang mendiami kawasan itu dan mengasaskan empayar perdagangan sehingga ke Syria.

Sebaik selesai menerima taklimat mengenai beberapa monumen yang berikutnya, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan dijunjung menaiki semula kenderaan bagi menikmati keindahan alam semula jadi persekitaran bandar berkenaan.

Sebaik sempurna lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan santap tengah hari bersama Duli Yang Teramat Mulia Putera Hashem bin Al-Hussein di sebuah hotel terkemuka di Petra.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan berangkat pula ke Laut Mati (The Dead Sea) di Jordan, kira-kira 40 minit penerbangan menggunakan helikopter.

Laut Mati merupakan sebuah tasik berkeluasan 50 batu panjang dan 11 batu lebar yang terletak antara Israel dan Jordan. Kawasan ini agak unik

dan menarik kerana ia berada

400 meter di bawah paras laut. Ia dinamakan laut disebabkan airnya yang masin menyamai rasa masin air laut atau lautan, bahkan tahap kemasinan airnya tujuh kali ganda yang boleh menyebabkan seseorang boleh mengapungkan diri di permukaan air. Khasiatnya pula dipercayai boleh menyembuhkan pelbagai penyakit kulit.

Juga berangkat sama di sepanjang lawatan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Kedua-dua lawatan berkenaan merupakan sebahagian acara lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke tempat-tempat menarik sebelum berangkat menghadiri upacara-upacara rasmi perkahwinan diraja Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah bin Al-Hussein dan Yang Teramat Mulia Puteri Noor Hamzah.

## KDYMM berangkat tiba di Jordan

AMMAN, JORDAN, 27 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Queen Alia bagi menghadiri perayaan-perayaan perkahwinan Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah Bin Al-Hussein dan Yang Teramat Mulia Puteri Noor Hamzah.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi, suami kepada Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal, yang kemudian mengiringi baginda berangkat dengan pesawat helikopter menuju Istana Nadwa, di mana baginda akan bersemayam.

Terdahulu sebelum itu, keberangkatan baginda turun dari pesawat khas dijunjung oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jordan, Tuan Yang Terutama Pehin Duta Harimaupadang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad dan Ketua Protokol Diraja Jordan, Yang Amat Mulia Al-Sharif Mohamed Alluhaymaq.

Di sebelah tengah hari, baginda dijangka akan menghadiri Majlis Santap yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II di kediaman Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti

Talal. Sementara di sebelah malam, Majlis Resepsi sempena perayaan-perayaan perkahwinan diraja itu akan diadakan di Istana Zahran. Perayaan itu akan diteruskan dengan Majlis Santap Malam yang akan diadakan di Beit Al-Bahar, Istana Aqaba di yang terletak di selatan Jordan, kira-kira 40 minit penerbangan menggunakan pesawat.

Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah Bin Al-Hussein merupakan putera Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hussein dan Permaisuri Noor. Duli Yang Teramat Mulia yang diputerakan pada 29 Mac 1980 adalah graduan Akademi Tentera Diraja Sandhurst dan Kapten dalam Angkatan Tentera Jordan. Duli Yang Teramat Mulia juga mengetuai Yayasan Al al Bayt bagi Pengajian Islam dan Presiden Kerhormat Persekutuan Bola Keranjang Jordan.

Manakala Yang Teramat Mulia Puteri Noor Hamzah ialah puteri Duli Yang Teramat Mulia Putera Asem Ben Nayef (sepupu Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hussein) dan Yang Teramat Mulia Puteri Firouzeh.

Yang Teramat Mulia yang dilahirkan pada 6 Oktober 1982 di Amman berkelulusan IGCSE dari King's College. Sepanyol sebelum meneruskan pengajian di peringkat universiti di Amerika Syarikat.

## Majlis Santap Tengah Hari

AMMAN, JORDAN, 27 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II di kediaman Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal.

Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Rania, Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi juga berangkat sama ke majlis itu.



DULI Yang Teramat Mulia disebarkan taklimat mengenai Laut Mati (The Dead Sea), Jordan.



DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan lebih dekat keindahan dan keunikan Laut Mati (The Dead Sea) semasa berangkat melawat kawasan berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika hadir di Majlis Perjumpaan Muhibbah Saudara-saudara Baru Senegara. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

## \$1.9 juta dibelanjakan membina 55 buah rumah untuk saudara baru

PULAU, 22 Mei. - Sejak tahun 1993 hingga tahun 2003, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memberikan bantuan rumah kediaman sebanyak 55 buah kepada saudara-saudara baru di seluruh negara dengan jumlah perbelanjaan kira-kira \$1.9 juta.

"Menyediakan prasarana rumah kediaman bagi saudara-saudara baru merupakan output utama Pusat Da'wah Islamiyah dalam melaksanakan fungsinya iaitu memberikan khidmat pemeliharaan kepada saudara-saudara baru," jelas Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah, Dayang Hajah Zasia di Majlis Perhimpunan Muhibbah Saudara-saudara Baru Senegara di jabatan berkenaan hari ini.

Katanya, keupayaan Pusat Da'wah Islamiyah dalam menyediakan prasarana mempunyai impak yang besar dan positif ke arah keberkesanan dakwah Islamiyah di negara ini.

Menurutnya, penyediaan keperluan asas saudara-saudara baru berupa rumah kediaman yang selesa merupakan bukti pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Oleh  
Samle Haji Jait

Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis berkenaan.

Yang Berhormat juga menyampaikan anak-anak kunci rumah bantuan kepada Awang Mohammed Ali bin Abdullah dan Awang Muhi. Nazri bin Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis juga menyaksikan majlis pengislaman bagi Awang Masdi Nyaran berasal dari Kampong Batang Pitan Kuala Ungar yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Masdi Abdul Latif.

Perhimpunan julung kali diadakan oleh Pusat Da'wah Islamiyah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad bagi tahun ini disertai kira-kira 300 orang saudara baru di seluruh negara.

Ia bertujuan bagi menyatupadukan saudara-

saudara baru seluruh negara dan memberi peluang untuk mengeratkan tali silaturahmi antara mereka yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa di negara ini.

Perhimpunan juga dihasratkan dijadikan sebagai wadah dalam mentarbiahkan saudara-saudara baru bagaimana cara berorganisasi yang benar dan betul dalam Islam.

Sepanjang perhimpunan selama dua hari, pelbagai aktiviti termasuk persembahan-persembahan keagamaan, tausiyah, qasidah, nasyid, Dikir Brunei dan hadrah dipersembahkan oleh persatuan berkenaan.

Pameran kegiatan dan perkembangan dakwah dari daerah-daerah, kraf tangan dan jualan hasil usaha saudara-saudara baru, ceramah mengenai pendaftaran dan pengurusan persatuan-persatuan di Negara Brunei Darussalam juga diadakan.

Para peserta juga berkesempatan untuk mengongsi pengalaman bersama tiga tokoh saudara baru yang telah banyak menyumbang jasa dalam penyebaran dakwah Islamiah di negara ini.



ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei pada setiap 31 Mei akan merayakan sambutan ulang tahun penubuhannya. Angkatan itu yang sebelum ini dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB) ditubuhkan dalam tahun 1961. Gambar kiri menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menyaksikan peralatan pasukan semboyan AMDB semasa Sambutan Ulang Tahun AMDB Ke-8 pada tahun 1969 yang diadakan di Bandar Brunei. - Sumber: PELITA BRUNEI, 11 Jun 1969. Bandar Brunei: Jabatan Penyiaran dan Penerangan. (1969:5).

## Urus perniagaan insurans dengan berhati-hati

Oleh  
Siti Aishah HS

JERUDONG, 12 Mei. - Syarikat Goh Hock Kee (GHK) telah mencapai 100 peratus ekuiti dalam Syarikat Insurans MBA Sendirian Berhad iaitu merupakan kejayaan cemerlang dalam sejarah industri insurans di Negara Brunei Darussalam, khususnya bagi Kumpulan Syarikat GHK dengan aspirasi nasional melalui penglibatan aktif dalam industri insurans tempatan.

Sementara rakan kongsi strategi MBA dengan Insurans Broker AON Sendirian Berhad, Malaysia adalah salah satu tanda penghargaan kepercayaan dalam bidang perniagaan dan potensi pelaburan Negara Brunei Darussalam bagi menambah peluang pekerjaan dan peralihan untuk mengetahui pengalaman dari orang tempatan sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar menyatakan perkara itu di Majlis Penandatanganan Perjanjian 2004 di antara Syarikat Insurans MBA Sendirian Berhad dan Insurans Broker AON (M)



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub (berdiri dua dari kiri) semasa menyaksikan penandatanganan perjanjian antara MBA dan Insurans Broker AON (M) Sendirian Berhad. - Gambar oleh HalimHS.

Sendirian Berhad, di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park Country Club.

Yang Mulia menekankan bahawa perniagaan di bidang insurans adalah berasaskan kepercayaan dan kontrak, yang melibatkan beberapa risiko yang perlu diurus dengan hati-hati, memerlukan kemantapan dalam pasaran dan perlu ada kepentingan keselamatan bagi orang ramai di setiap masa.

Di samping itu, menurut Yang Mulia, perlu ada penelitian, tanggungjawab dan keterbukaan di kalangan syarikat insurans, sebagai salah satu simpanan wang bagi orang awam, jaminan yang diperlukan

iaitu dalam mencapai kadar tertentu yang meliputi insurans kerugian bagi para pemegang polisi berkenaan.

Syarikat Insurans MBA yang merupakan syarikat terkemuka dan telah lama betapak di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1983, memulakan perniagaannya dengan hanya mempunyai empat orang kakitangan. Selepas 21 tahun, bilangan pekerjaannya meningkat kepada lebih 20 orang.

Sementara penglibatan Syarikat GHK adalah untuk menyediakan rangkaian-rangkaian perkhidmatan komprehensif kepada para pelanggan dan pen-

diduk Negara Brunei Darussalam, di samping mengadakan perkhidmatan kewangan yang ada sekarang.

Majlis penandatanganan dibuat di antara Syarikat Insurans MBA Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengarah Eksekutif GHK Sendirian Berhad, Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Awang Goh King Chin, manakala Insurans Broker AON (M) Sendirian Berhad diwakili oleh Pengarah Eksekutif AON, Encik Peter Jackson.

Pengerusi Syarikat Insurans MBA, Pengiran Haji Sharifuddin juga hadir di majlis itu.

### TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
(Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan)

#### BAHAGIAN IV

| Bil | Perkhidmatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | TPOR                                                                             |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Membukukan senarai pendaftaran bakal-bakal jemaah haji mengikut Pusat/Daerah untuk kegunaan Bahagian-bahagian Jabatan Urusan Haji : <ul style="list-style-type: none"> <li>Kebajikan Jemaah</li> <li>Pasport /Visa</li> <li>Kurnia Tambang</li> <li>Kursus/Bimbingan</li> <li>Pengurusan</li> <li>Pentadbiran</li> <li>Menyusun pentadbiran mengikut pendaftaran seluruh negeri untuk kegunaan semasa pembayaran tambang dan bank draf.</li> </ul> | 1 minggu setelah tarikh tutup pendaftaran di Daerah Belait, Tutong dan Temburong |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | 1 minggu setelah tarikh tutup pendaftaran di Jabatan Urusan Haji                 |

# SKIM RINTIS SISTEM PENDIDIKAN BERSEPADU

## USAHA MENGANGKAT MARTABAT PENDIDIKAN

**M**ENUNTUT ilmu adalah wajib ke atas lelaki dan perempuan. Demikian maksud dari sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam hadis ini Baginda telah menegaskan kewajiban menuntut ilmu kepada setiap lelaki dan perempuan tanpa menyatakan had umur dan tempoh seseorang itu yang sesuai untuk menuntut ilmu. Ini bermakna menuntut ilmu atau belajar adalah kewajiban seumur hidup - dari buaian hinggalah ke liang lahad. Dengan kata lain menuntut ilmu adalah bagi kesempurnaan kehidupan setiap insan di dunia dan juga di akhirat.

Ini hakikat yang tidak boleh ditolak. Dengan kata lain setiap individu mempunyai hak untuk menuntut ilmu dan diberikan ilmu. Maka kewajiban untuk berilmu itu terpekuk di atas bahu setiap individu dan juga negara. Dengan yang demikian pemerintah atau kerajaan sesebuah negara pula memikul tanggungjawab untuk menyediakan prasarana dan tenaga pengajar untuk membolehkan rakyat mendapat ilmu yang berguna bukan sahaja untuk kehidupan dunianya malah juga kehidupan akhiratnya.

Rakyat yang berilmu adalah aset negara yang paling berharga. Justeru, pendidikan dan pembelajaran merupakan pelaburan yang boleh memberi pulangan yang besar, bahkan salah satu sumber yang sangat penting kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara.

Memandang ilmu dan pendidikan keperluan sepanjang hayat, sudah tentu ia mesti berubah dan berkembang mengikut keperluan dan tuntutan zaman. Dalam tempoh 20 tahun sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984, bidang pendidikan telah banyak mengalami perubahan dan perkembangan. Pembentukan beberapa Dasar Pendidikan Negara digarap secara bijaksana sesuai dengan hasrat, matlamat dan aspirasi negara. Ini termasuklah dengan mengambil kira tuntutan dan perkembangan politik dan sosioekonomi serantau dan antarabangsa. Hasilnya ia bukan sahaja mengubah corak dan memberi wajah baru terhadap bidang pendidikan, malah lahirnya ramai cendekiawan tempatan yang memainkan peranan penting dalam mengangkat martabat bangsa dan negara.

Antara dasar pendidikan yang berjaya mencorak dan mewajahi negara kita sepanjang tempoh dua dekad itu ialah Dasar Pendidikan Dwibahasa yang diperkenalkan pada tahun 1985 dan Dasar Pendidikan Dua Belas Tahun (12) yang dilaksanakan pada tahun 1993. Dalam memasuki gerbang abad ke-21 Kementerian Pendidikan melaksanakan pula dua skim rintis iaitu Sekolah Sehari Sunkut dan Sistem Pendidikan Bersepadu sebagai langkah ke arah mengemaskinikan lagi sistem pendidikan negara yang berjalan pada masa ini.

Pendek kata semua negara atau bangsa mempunyai sistem pendidikannya sendiri yang digarap untuk memenuhi aspirasi bangsa dan negaranya. Namun untuk mencapainya pula bukanlah semudah yang diucapkan. Kerana dalam menjana kecermerlangan pendidikan itu banyak aspek yang perlu diambil kira dan banyak faktor yang turut menentukan keberkesanan dan kejayaannya.

Kita di Negara Brunei Darussalam memang wajar bersyukur, selain mempunyai sistem pendidikan yang jitu, raja kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri sangat mengambil perhatian yang berat terhadap perkembangan pendidikan di negara ini. Pihak yang berkenaan dalam kerajaan juga telah berkeupayaan melaksanakan perannya dengan cukup baik dalam memenuhi keperluan pendidikan. Pelajaran bukan sahaja diberikan secara percuma malah juga prasarana untuk kemudahan dan keselesaan rakyat untuk mendapatkan ilmu dan pendidikan tersedia dengan cukup baik. Kalau belum dapat diadakan di dalam negeri, penuntut-penuntut yang layak untuk meneruskan pengajian di institusi-institusi pendidikan luar negeri akan dihantar oleh kerajaan melalui pembiayaan dermasiswa.

Namun demikian, sebagaimana yang dikatakan di atas tadi, bidang pendidikan sentiasa berkembang mengikut arus kemajuan dan keperluan zaman terutamanya dalam era globalisasi di mana kita juga sebahagian daripadanya. Ini juga satu hakikat di mana kita perlu bertindak atau berbuat sesuatu yang relevan. Bukan pula bermakna kita akan akur kepada semua 'tuntutan globalisasi' sama ada berupa perubahan atau kemajuan. Dasar kita masih saja tetap dengan pegangan kita yang asas iaitu kita tidak mahu dikusai oleh perubahan tetapi sebaliknya kita yang menguasai dan mencorak perubahan.

Jelasnya mengenai perkara ini, kita memang akan menerima dan membuat perubahan, tetapi akan disesuaikan atau diadaptasikan dengan nilai-nilai luhur kehidupan kita yang tidak dapat membelakangkan agama dan jati diri sebagai orang Brunei sebagaimana yang sudah tersorot sebagai 'Calak Brunei'. Kita tidak perlu gusar atau 'ingau' dengan apa yang orang lain perkatakan mengenai sistem pendidikan kita, kerana selama ini ia sudah serasi dengan kehidupan dan keperluan kita. Bukan pula bermakna kita tidak berusaha 'mengusai', mengadun atau meningkatkannya.

Usaha itu memang ada dan sebagai rakyat khususnya penuntut dan ibu bapa sudah tentu dapat merasakan perkembangan demi perkembangan yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan. Perkembangan terkini ialah 'Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut' dan 'Skim Rintis Pendidikan Bersepadu' yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan.

### FOKUS

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

kan oleh Kementerian Pendidikan.

Setiap perkara yang baru biasanya memang menarik. Menarik untuk diikuti, menarik untuk diperkatakan malahan ada juga yang ragu atau keliru. Demikianlah halnya dengan kedua-dua skim yang baru diperkenalkan itu turut menjadi agenda percakapan orang ramai di majlis-majlis rasmi, perkahwinan, suka duka tidak ketinggalan di kedai-kedai kopi.

Berhubung perkara ini wakil PELITA BRUNEI telah membuat pendekatan baru-baru ini bersama Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Seri Begawan Suiy bin Haji Osman untuk menjelaskan lagi mengenai kedudukan sebenar skim-skim rintis berkenaan.

"Saya ingin menjelaskan secara ringkas nama yang digunakan bagi program-program berkenaan iaitu yang terkini yang mula dilaksanakan pada awal tahun ini dinamakan 'Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu' dan bukannya 'Skim Rintis Sekolah Bersepadu'."

Untuk memahami perkembangan sehingga wujudnya Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut dan seterusnya Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu, Yang Dimulikan berkata, kita perlu meninjau kembali perkembangan mengenai usaha-usaha Kementerian Pendidikan sehingga wujudnya Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu.

Timbalan Menteri Pendidikan menjelaskan, sebenarnya Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut telah mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1990 di dua buah sekolah menengah iaitu Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, kedua-duanya di Daerah Brunei dan Muara.

Seterusnya Yang Dimulikan menceritakan, apabila penempatan sepenuhnya sekolah-sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan yakni di bawah satu bumbung, maka satu skim yang dinamakan Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2002.

Jika dulu, kata Yang Dimulikan, persekolahan sehari suntuk hanya bagi sekolah menengah, tetapi melalui skim ini pelaksanaanannya diluaskan ke beberapa buah sekolah rendah dan juga menengah di seluruh negara.

"Skim yang dilaksanakan mulai tahun 2002 itu mempunyai perbezaan daripada yang sebelumnya. Dalam skim yang dijalankan sekarang sekolah agama dan sekolah umum diletakkan di bawah satu pentadbiran. Sedangkan sebelumnya, walaupun di bawah satu bangunan tetapi pentadbiran dijalankan secara berasingan," kata Yang Dimulikan lagi.

Ditanya mengenai bagaimana Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut menjalankan pembelajarannya, Yang Dimulikan menjelaskan: Murid-murid belajar mata pelajaran biasa di sebelah pagi dan di sebelah petangnya belajar mata-mata pelajaran agama, seperti yang ada sekarang. Maknanya persekolahan mereka adalah berterusan dari pagi hingga ke petang.

Melalui cara ini, kata Yang Dimulikan, murid-murid tidak lagi perlu berpegas pulang kerana hendak bersekolah agama, sebab pelajaran agama diadakan di sekolah yang sama. Untuk kemudahan dan keselesaan murid-murid di sekolah berkenaan ada disediakan kantin tempat makan, bahkan ibu bapa boleh makan bersama-sama dengan anak mereka (penuntut), tempat berhudud, tempat bersalin pakaian, surau dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan tersebut akan ditingkatkan dari masa ke semasa.

Ada juga ibu bapa yang bersungut mengenai buku-buku yang terlalu banyak terpaksa dibawa oleh penuntut setiap hari ke sekolah. Yang Dimulikan berkata, masalah itu sepatutnya tidak timbul kerana ada jadual harian yang menentukan buku-buku yang perlu dibawa yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Seterusnya Yang Dimulikan menjelaskan mengenai Skim Rintis Sistem Pendidikan Bersepadu di mana Kurikulum Pendidikan Bersepadu dimulakan. "Ini adalah objektif percantuman yang saya katakan tadi, di mana pendidikan biasa (seperti mempelajari mata pelajaran Sains, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Commerce dan sebagainya) dan pendidikan agama disatukan dalam satu jadual sekolah - bukan seperti Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut yang mula-mula tadi - pagi bersekolah biasa dan petang bersekolah agama. Tetapi kini mata pelajaran agama ada diajarkan sebelah pagi dan mata pelajaran biasa di sebelah petang mengikut jadual yang sudah diaturnya. Sekolah ini juga berjalan terus dari pagi hingga petang dengan kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan di atas tadi."

Namun, mungkin timbul juga masalah dari segi pemakanan bagi pelajar-pelajar daripada keluarga yang kurang mampu disebabkan setiap hari persekolahan mereka terpaksa membeli makanan di sekolah.

Mengenai perkara ini Yang Dimulikan berkata, kementerian telah menyediakan peruntukan lain untuk mengatasi masalah tersebut, iaitu mereka yang berkenaan boleh memohon bantuan melalui Skim Bantuan Makan Tengah Hari Bagi Penuntut-penuntut Yang Mengikuti Persekolahan Sehari Sunkut kepada Kementerian Pendidikan.

Yang Dimulikan memberi jaminan, insya-Allah pemohon-pemohon yang memenuhi syarat skim bantuan berkenaan akan dipertimbangkan sambil berharap skim ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Apa matlamat sekolah sehari suntuk dan apa pula sasaran yang hendak dicapai dari pendidikan bersepadu? Dalam menjawab soalan ini, Yang Dimulikan menjelaskan, sekolah



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Seri Begawan Suiy bin Haji Osman ketika ditemubual oleh wakil PELITA BRUNEI.

sehari suntuk adalah sebagai suatu langkah awal ke arah hasrat menyediakan pendidikan bersepadu.

Dalam Skim Rintis Sekolah Sehari Sunkut, kata Yang Dimulikan, penggunaan masa dimaksimumkan supaya waktu dari 7.30 pagi hingga 4.30 petang masa murid-murid di sekolah dapat digunakan sepenuhnya tanpa perlu balik ke rumah, makan tengah hari kemudian balik lagi ke sekolah agama hingga jam 5.30 petang. Yang pasti dalam skim ini murid-murid tidak banyak membuang masa di jalan raya untuk sampai ke rumah dan untuk ke sekolah agama.

Demikian juga halnya dengan ibu bapa atau penjaga murid, mereka tidak lagi sibuk menghantar dan mengambil anak-anak mereka ke sekolah biasa dan ke sekolah agama. Bayangkanlah kalau mempunyai anak yang ramai dan bersekolah di beberapa tempat, masa ibu bapa di pejabat sudah tentu banyak terbangun kerana urusan menghantar dan mengambil anak-anak sekolah. Dengan waktu persekolahan sampai 4.30 petang akan memberi waktu sedikit bagi murid-murid untuk berehat di sebelah petang untuk kegiatan ko-kurikulum atau membuat kerja-kerja sekolah yang lain.

Pendidikan Bersepadu pula matlamatnya untuk memastikan bahawa pendidikan agama itu mendapat tempat yang sama pentingnya dengan pendidikan biasa. Dengan pendidikan bersepadu akan dapat mengatasi masalah anak-anak yang tidak bersekolah agama dan juga yang tidak sampai Darjah VI sekolah agama. Maka dalam Pendidikan Bersepadu semua murid-murid Islam akan belajar agama - tidak ada yang terkecuali - dan bukan sahaja untuk enam (6) tahun malah bagi tempoh yang lebih panjang.

Sudah tentu dalam sistem ini murid-murid akan mempunyai peluang untuk mengikuti pelajaran agama dalam waktu yang panjang dan pendedahan yang cukup untuk mereka mendalam mata-mata pelajaran agama terutama mendalam fardu ain yang bukan sahaja penting untuk memenuhi keperluan duniawi malahan untuk bekalan di akhirat nanti.

Dalam kata lain, dengan mewujudkan Sistem Pendidikan Bersepadu, pendidikan agama dapat diperkuatkan lagi dari sudut bentuk kurikulum dan metodologi pengajaran dan pembelajaran yang bersifat dinamik, kreatif dan proaktif untuk memperkasa sikap dan peribadi pelajar.

Ramai ibu bapa yang masih tertanya-tanya, apakah dengan Sistem Pendidikan Bersepadu akan meniadakan terus sekolah agama? Yang Dimulikan menjawab: "Murid-murid di sekolah-sekolah yang mengikuti Kurikulum Bersepadu dengan sendirinya tidak lagi perlu bersekolah khas agama kerana mata-mata pelajaran agama ada diajarkan dengan lebih luas dan dalam bilangan tahun yang lebih panjang melalui persekolahan persekolahan mereka kini sehari suntuk."

Walau bagaimanapun, murid-murid di sekolah-sekolah yang belum mengikuti Kurikulum Bersepadu akan terus bersekolah agama seperti biasa, terutamanya murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah bukan kerajaan. Pada hakikatnya apabila Sistem Pendidikan Bersepadu ini sempurna dilaksanakan ia akan bersifat sekolah agama yang lengkap: Pelajaran agama yang merangkumi pelajaran akademik umum yang terdapat dalam kurikulum biasa.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan akan terdapat bangunan sekolah-sekolah agama tinggal kosong berikutan Kurikulum Bersepadu ini, Yang Dimulikan menjelaskan pada peringkat ini tidak timbul masalah mengenai apa akan terjadi dengan bangunan-bangunan sekolah agama yang ada sekarang. Bangunan sekolah agama tidak akan terbiar atau kosong malah dimanfaatkan bagi memperkembangkan budaya pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada. Bangunan-bangunan tersebut akan digunakan antara lain sebagai Pusat Sumber Guru, bilik-bilik darjah atas dan Pusat Pra Sekolah dan lain-lain kegunaan yang berhubung kait dengan pendidikan masih memerlukan bangunan tambahan.

Jikapun terdapat kekosongan selepas itu, bangunan sekolah-sekolah berkenaan akan terus digunakan bagi faedah-faedah pendidikan memandangkan pertumbuhan pelajaran yang semakin bertambah setiap tahun.

Sistem Pendidikan Bersepadu menggabungkan sekolah umum dengan sekolah agama atau pengajian Islam. Ramai yang ingin tahu sejauh manakah Jabatan Pengajian Islam yang dulunya di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama memainkan peranan dalam penggabungan tersebut.

Menurut Yang Dimulikan, Jabatan Pengajian Islam memang telah dari awal terlibat secara langsung dalam sistem pendidikan baru ini. Mula-mula dengan penempatan Bahagian Kenaziran, Bahagian Peperiksaan dan Bahagian Kurikulum yang di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama ke jabatan-jabatan yang sedia wujud dalam Kementerian Pendidikan.

Langkah ini menurut Yang Dimulikan adalah untuk mencapai keselarasan dalam semua aspek di antara Jabatan Pengajian Islam dengan jabatan-jabatan berkenaan. Dalam penggabungan kurikulum, contohnya, Jabatan Pengajian Islam banyak menyumbangkan buah fikiran dan cadangan yang konkrit yang diterima oleh Jawatankuasa Merangka Kurikulum Pendidikan Bersepadu.

Pada peringkat ini mungkin sukar untuk menilai keberkesanan sistem yang baru diwujudkan ini, tetapi yang jelas sistem ini satu evolusi ke arah menjana kekuatan sistem pendidikan negara sebagaimana yang dihasratkan untuk melahirkan insan berilmu, bermoral dan bijaksana serta berdisiplin seperti yang ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam beberapa siri titah baginda.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan lagi, sememangnya Sistem Pendidikan Bersepadu itu berasaskan kepada falsafah dan matlamat pendidikan untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkeperluan, bertakwa, amanah dan bertanggungjawab serta berakhlak mulia.

Manakala Yang Teramat Mulia 22 tahun, merupakan puteri bongsu Mulia Putera Assem Ben Nayef di bawah Duli Yang Maha Mulia Yang Teramat Mulia Puteri Fairouz



BAGINDA bersalaman sambil mengucap salam diperhatikan oleh Yang Teramat Mulia

# WINAN DYTM PUTERA MAHKOTA JORDAN



samping  
Majlis itu,  
Santap  
Maha Mulia  
bagin-

an Times  
di Majlis  
dan Eropah

Hamzah  
Al-Marhum  
Husein dan  
yang mertu-  
ahurst dan  
dalam  
Maha Mulia  
Duli  
Februari

Hamzah,  
Teramat  
Marhum  
Husein) dan



PASANGAN pengantin, Duli Yang Teramat Mulla Putera Mahkota Hamzah bin Al-Husein dan Yang Teramat Mulla Puteri Noor Hamzah berangkat melangkah masuk ke Royal Pavilion, Istana Zahrn, Amman bagi Majlis Resepsi Perkahwinan.



BAGINDA mengucapkan ucapan selamat kepada Yang Teramat Mulla Puteri Noor Hamzah sambil diperhatikan oleh Duli Yang Teramat Mulla Putera Mahkota Hamzah bin Al-Husein.



BAGINDA bergambar kenangan bersama Yang Teramat Mulla Puteri Basma binti Talal, Duli Yang Maha Mulla Permaisuri Rania, Kebawah Duli Yang Maha Mulla Raja Abdullah II dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismaili Al-Kurdi di Majlis Santap Tengah Hari di kediaman Yang Teramat Mulla Puteri Basma di Amman.

Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid



so selamat kepada Duli Yang Teramat Mulla Putera Mahkota Hamzah sambil  
for Hamzah.



PASANGAN pengantin, Duli Yang Teramat Mulla Putera Mahkota Hamzah bin Al-Husein dan Yang Teramat Mulla Puteri Noor Hamzah bersama dari kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulla Raja Abdullah II, Duli Yang Maha Mulla Permaisuri Rania, Duli Yang Maha Mulla Permaisuri Noor, Duli Yang Teramat Mulla Putera Assem Ben Nayef dan Yang Teramat Mulla Puteri Fairouzah.

BERAKAS, 26 Mei. - Jurukira Agung, Dato Paduka Haji Metassin bin Momin berkata, ketua jabatan sebagai 'pegawai pengawal' bertanggungjawab terhadap pelaksanaan tugas-tugas kewangan jabatan masing-masing dan mereka adalah pegawai-pegawai perkiraan menurut takrif Peraturan 15 (FR 14).

Beliau menyatakan perkara itu kepada pegawai-pegawai Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya di Sesi Taklimat Peraturan Kewangan dan Perkara-perkara Yang Berkaitan Dengannya anjuran Kementerian Kewangan berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan di sini.

Beberapa tajuk berkaitan kewangan meliputi peraturan kewangan, proses belanjawan, hal-ehwal pengauditan, peraturan-peraturan (kelakuan dan tatatertib) pegawai-pegawai kerajaan, proses penghapusan dari kira-kira harta benda kerajaan dan etika kerja menurut pandangan Islam disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan dan Pusat Da'wah Islamiah.

Katanya lagi, semua pegawai-pegawai perkiraan bertanggungjawab terhadap pemungutan dan

# Ketua jabatan 'pegawai pengawal' kewangan kerajaan

Oleh  
Haji Ahmad HS

penyimpanan yang sewajarnya semua wang-wang negara yang harus mereka terima selain pembayaran dan ketepatan kira-kira yang mereka hadapkan atau yang di bawah kuasa mereka (FR 17).

Dalam sesi taklimatnya, beliau juga menyentuh mengenai proses tatacara pembayaran (secara manual), proses pembayaran am (Sistem TAFIS), proses pembelian dan pembayaran melalui Sistem TAFIS dan pinjaman rumah (Sistem TAFIS).

Sementara itu tajuk Peraturan-peraturan (Kelakuan dan Tatatertib) disampaikan oleh Pengarah Perkhidmatan Personal, Awang Haji Johari bin Haji Awang antara lain menyentuh mengenai Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 19/1998 mengenai tatacara tindakan awal tatatertib yang

boleh diambil oleh ketua jabatan yang mana berpandukan Surat Keliling JPM19/1998 Perenggan 3: bagi yang terlibat dalam kes jenayah dan Perenggan 4: mengantung kerja apabila sabit kesalahan jenayah.

Dalam Bab 39, jelasnya, (pegawai yang tidak berpuan hati, sabit kesalahan di atas sesuatu tuduhan jenayah-jenayah dibuang kerja menurut peraturan ini dan Bab 44 (pegawai yang berpuan hati) dihukum sabit kesalahan di atas sesuatu tuduhan jenayah-jenayah kerja menurut peraturan ini.

Dalam hubungan itu, katanya, Bab 49 pula menyatakan diberi bersara dan perkhidmatannya ditamatkan serta-merta manakala menurut Bab 50 (b) pegawai yang terlibat akan ditahan daripada menjalankan kuasa-kuasa kewajipan jawatannya dan Bab 50 (c) pula pegawai yang terlibat gajinya dan elaun akan ditahan serta kerja juga ditahan dan di-



TAKLIMAT Peraturan Kewangan dan Perkara-perkara Yang Berkaitan Dengannya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Gambar oleh Masri Osman.

benarkan menerima sebahagian gaji dan elaun tidak kurang daripada sepuasnya.

Sesi taklimat kelima yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan adalah salah satu lagi usaha Kementerian Kewangan dalam memastikan semua peraturan yang berhubung kait dengan kewangan di-

fahami dan dipatuhi.

Sesi taklimat tersebut merupakan satu langkah proaktif yang diambil secara berterusan oleh Kementerian Kewangan dan ditujukan khas kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan termasuk ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam peng-

urusan kewangan dan harta benda kerajaan.

Tujuan utama sesi taklimat ialah untuk meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan kewangan.

Menurut siaran akhbar

Kementerian Kewangan, sesi taklimat serupa ini akan terus diberikan kepada semua Kementerian di mana sebelum ini Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah diberikan taklimat yang sama.

## Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004

Oleh  
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 19 Mei. - Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan akan mengajurkan Konvensyen Kebangsaan Promosi Kesihatan 2004 yang dijangka bermula 24 Julai hingga 1 Ogos 2004 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Majlis pembukaan rasmi pada tarikh pelancaran tersebut dijangka akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Demikian dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal di Majlis Sidang Akhbar di Kementerian berkenaan.

Konvensyen tersebut, katanya, mengandungi tiga komponen utama iaitu seminar/bengkel, Ekspo Kesihatan dan aktiviti-aktiviti sukan.

Isu-isu utama yang telah dikenal pasti turut dibentangkan dalam seminar teresbut itu, katanya, ialah inisiatif kawalan tembakau, kecergasan dan kegiatan fizikal, pemakanan, keselamatan makanan, kesihatan wanita, kes-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal semasa mengadakan sidang akhbar. - Gambar oleh Ramli Tengah.

hatan mental, kesihatan alam sekitar dan kesihatan pergigian.

Seminar/bengkel yang berlangsung selama empat hari bermula 26 hingga 29 Julai itu nanti, jelasnya, akan melibatkan beberapa orang pakar dan penceramah dari dalam dan luar negara khususnya dalam pembangunan kertas kerja mereka.

Manakala Ekspo Kesihatan yang dijadualkan berlangsung selama sembilan hari bermula 24 Julai hingga 1 Ogos nanti akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 'Health Fair' dan 'Trade Fair' dan akan dibuka untuk

kunjungan orang ramai.

Sementara dalam atur cara aktiviti kesukan dijadualkan bermula sebelum, semasa dan selepas konvensyen diadakan dan antara jenis-jenis sukan itu seperti pertandingan senamrobik, 'the great Brunei challenge', 'tele-match', bola tampar dan sebagainya.

Tujuan konvensyen ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah kesihatan di semua peringkat umur terutama sekali di sektor-sektor kerajaan dan bukan kerajaan, di samping akan dapat mendorong ke arah per-

ubahan minda dan tingkah laku ke arah amalan cara hidup sihat dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat dalam mempromosikan kesihatan.

Selain dari itu, konvensyen ini adalah sebagai langkah mempertingkatkan lagi usaha-usaha yang telah dijalankan dalam menangani peningkatan masalah kesihatan yang berhubung kait dengan cara hidup khususnya dalam mengelakkan dari terkena penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit yang semakin meningkat seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi, penyakit kanser, kencing manis dan masalah kegemukan.

**Melambungkan piramid makanan.** Pakar-pakar pemakanan mengesyorkan pengambilan makanan mengikut piramid makanan. Pemakanan yang sihat adalah diantara faktor yang penting dalam membentuk masyarakat yang sihat. Pemakanan yang tidak sihat dan seimbang boleh menyebabkan beberapa penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, penyakit jantung koronari dan tekanan darah tinggi.

**Melambungkan persekitaran yang sihat.** Persekitaran yang sihat adalah juga diantara faktor yang perlu diambil perhatian dalam membentuk masyarakat yang sihat.

**Melambungkan masyarakat yang sihat dan cergas.** Enam bentuk orang ini melambungkan enam program-program utama yang telah dikenalpasti iaitu kesihatan mental, kesihatan wanita, keselamatan makanan, kesihatan pergigian, inisiatif kawalan tembakau dan kegiatan fizikal.

# PENDEKATAN MENGENAI ISTIADAT MENGURNIAKAN GELARAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja

**B**ERTANGGUNGJAWAB memerhatikan hal-ehwal keadaan kedudukan kewangan dan perekonomian negara supaya sentiasa kukuh serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Mulia Dato Seri Utama John Lee pada 26 Jun 1970.

**Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja**

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kesihatan rakyat dan penduduk serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Mulia Dato Paduka Seri Laila Jaja Dr. P. I. Frank pada 3 Februari 1970.

**Pehin Orang Kaya Dato Petinggi Maha Kornia Diraja**

(a) Menjadi Ketua kepada Manteri Dagang.

(b) Memimpin orang dagang supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan negara serta memberikan sumbangan kepada perkembangan kemajuan negara serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang terkandung di dalamnya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini asalnya dikurniakan kepada Menteri Sarawak dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Utama Sir Dennis Charles White pada 20 April 1970.

**Pehin Dato Laila Didekan**

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal keadaan pelajaran dan pendidikan rakyat dan penduduk supaya sesuai dengan ajaran Islam serta mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan de-

ngannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jaja Awang A.D. Bumford pada 8 Oktober 1974.

**Pehin Orang Kaya Laila Wijaya**

Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal kesempurnaan rancangan kemajuan negara serta menyelidik dan mengkaji masalah yang terkandung di dalamnya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

Gelaran ini telah dikurniakan dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar pada 5 September 1977 yang ketika itu menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan.

Kewajipan Manteri Tambahan yang tidak disebutkan tidaklah dikehendaki kewajipan mereka melainkan kerana gelaran yang dikurniakan kepada mereka semata-mata untuk menyesuaikan dengan tugas jawatannya.

**Pelita Brunei:** Kali ini apakah jenis gelaran yang Dimuliakan hendak jelaskan?

**Yang Dimuliakan:** Berikut ini kita akan bincangkan mengenai gelaran dan kewajipan Manteri-manteri Ugama. Mereka itu terdiri daripada Ketua Kepala Manteri Ugama, Kepala Manteri Ugama dan Manteri-manteri Ugama.

**KEWAJIPAN KETUA KEPALA MANTERI UGAMA**

**Pehin Dato Seri Maharaja**

(a) Menjadi ketua kepada sekalian Manteri Ugama.

(b) Kedudukannya se-

bagai ulama yang menentukan fatwa-fatwa mengenai hukum-hukum Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafie dan pelaksanaannya, termasuk memerhatikan hal-ehwal perjalanan dan perkembangan ugama Islam serta keadaan fahaman orang-orang Islam supaya ajaran Islam sentiasa berjalan dengan sempurna.

(c) Membaca doa selamat di majlis beristiadat yang dihadiri oleh Sultan.

(d) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

**KEWAJIPAN KEPALA MANTERI UGAMA**

Pada masa ini kewajipan Manteri-Manteri Ugama ini telah diselaraskan dengan keperluan semasa.

**Pehin Dato Imam**

(a) Menjadi Imam Besar di masjid ibu negara.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan keadaan hal-ehwal imam-imam di seluruh negara supaya mereka itu sentiasa menjalankan tugas menurut hukum-hukum Islam Ahlis Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafie.

(c) Mengetuai Manteri Ugama dalam sesuatu majlis yang berborak ugama yang diadakan di dalam sesuatu majlis beristiadat.

(d) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

**Pehin Seri Raja (Siraja) Khatib**

(a) Menjadi Imam Kanan di masjid ibu negara dan menjadi pembantu terkakan kepada Pehin Dato Imam bagi mengetuai Manteri Ugama dalam sesuatu majlis yang berborak ugama yang diadakan di dalam sesuatu majlis beristiadat.

(b) Memerhatikan hal-ehwal pekerjaan Khatib, Mudim, Imam dan Bilal masjid di seluruh negara.

(c) Bertanggungjawab mengawasi dan memelihara masjid di ibu negara supaya sentiasa berkeadaan bersih dan teratur.

(d) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada

## SIRI KEENAM

Sultan sebagai nasihat.

**Pehin Tuan Imam**

(a) Menjadi Imam Kanan di masjid ibu negara dan menjadi pembantu kepada Pehin Dato Imam.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan hal-ehwal keadaan masjid di seluruh negara supaya sentiasa berkeadaan bersih dan teratur.

(c) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

**Pehin Udana Khatib**

(a) Menjadi Imam Kanan dan pembantu kepada Pehin Dato Imam.

(b) Memerhatikan hal-ehwal keadaan penyebaran dan pelajaran ugama Islam di seluruh negara.

(c) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

**KEWAJIPAN MANTERI UGAMA**

**Pehin Khatib**

(a) Bertanggungjawab menyediakan khutbah-khutbah.

(b) Memerhatikan kepatuhan rakyat dan penduduk negara terhadap ugama Islam dan pandangan itu dijadikan isi kandungan khutbah supaya semangat keislaman di kalangan rakyat dan penduduk Brunei sentiasa kukuh.

(c) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

**Mudim**

(a) Bertugas untuk bang (azan) di masjid ibu negara atau di tempat yang ditugaskan kepadanya.

(b) Bertanggungjawab memerhatikan perjalanan dan perkembangan syiar Islam di seluruh negara.

(c) Mengadakan penyelidikan dan kajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembahkan kepada Sultan sebagai nasihat.

**TUGAS-TUGAS MANTERI-MANTERI UGAMA**

(yang telah diselaraskan dengan keperluan semasa)

**Pehin Dato Seri Maharaja**

(a) Menjadi kepala sekalian Manteri Ugama.

(b) Menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang ditetapkan dalam peruntukan Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi Penggal 77 Tahun 1984.

(c) Membaca Doa dalam majlis-majlis yang dihadiri oleh Sultan.

(d) Mengetuai majlis-majlis yang berborak keugamaan di Istana atau di dalam sesuatu Majlis Beristiadat ketika Sultan hadir.

**Pehin Dato Imam**

(a) Menjadi Imam Sembahyang Jumaat di masjid ibu negara mengikut giliran-giliran yang ditentukan.

(b) Menjadi Imam Sembahyang Hari Raya Aidilfitri.

(c) Menyampaikan khutbah Jumaat mengikut giliran-giliran yang ditentukan.

(d) Membaca doa dalam Majlis-Majlis Beristiadat (jika Pehin Dato Seri Maharaja tiada).

(e) Mengepalai majlis-majlis yang berborak keugamaan di dalam Istana atau di dalam Majlis Beristiadat.

**Pehin Siraja Khatib**

(a) Menjadi Imam Sembahyang Jumaat di masjid ibu negara mengikut giliran yang ditetapkan.

(b) Menyampaikan khutbah Jumaat mengikut giliran yang ditetapkan.

(c) Menyampaikan khutbah Hari Raya Aidilfitri.

(d) Membaca doa dalam Majlis-Majlis Beristiadat (jika Pehin Dato Seri Maharaja dan Pehin Dato Imam tiada).

(e) Mengepalai majlis-majlis yang berborak keugamaan di Istana atau di Majlis Beristiadat yang lain (jika Pehin Dato Seri Maharaja dan Pehin Dato Imam tiada).

**Pehin Tuan Imam**

(a) Menjadi Imam Sembahyang Jumaat di masjid ibu negara mengikut giliran yang ditetapkan.

(b) Menyampaikan khutbah Jumaat di masjid ibu negara mengikut giliran yang ditetapkan.

(c) Menjadi Imam Sembahyang Sunat Hari

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

Raya Aidiladha.

(d) Membaca doa dalam Majlis-majlis Beristiadat (jika Pehin Dato Seri Maharaja, Pehin Dato Imam dan Pehin Siraja Khatib tiada).

(e) Mengepalai majlis-majlis yang berborak keugamaan di Istana atau Majlis-Majlis Beristiadat yang lain (jika Pehin Dato Seri Maharaja, Pehin Dato Imam dan Pehin Siraja Khatib tiada).

**Pehin Udana Khatib**

(a) Menjadi Imam Sembahyang Jumaat di masjid ibu negara mengikut giliran yang ditentukan.

(b) Menyampaikan Khutbah Jumaat mengikut giliran yang ditentukan.

(c) Menyampaikan khutbah Hari Raya Aidiladha.

(d) Membaca doa dalam Majlis-Majlis Beristiadat (jika Pehin Dato Seri Maharaja, Pehin Dato Imam, Pehin Siraja Khatib dan Pehin Tuan Imam tiada).

(e) Mengepalai majlis yang berborak keugamaan di Istana atau Majlis-Majlis Beristiadat yang lain (jika Pehin Dato Seri Maharaja, Pehin Dato Imam, Pehin Siraja Khatib dan Pehin Tuan Imam tiada).

Pada masa ini Pehin-phein Manteri yang lima di atas adalah pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan tugas dalam kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan yang tertentu dan tidak bertugas sepenuh masa di masjid seperti masa dahulu.

(a) Pehin Dato Seri Maharaja menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri (sejak 1 September 1994), sebelum itu menjadi Timbalan Mufti sejak 1 Januari 1989.

(b) Pehin Dato Imam adalah Kadi Besar Negara Brunei Darussalam dari tahun 1974 hingga tahun 1994. Sesudah bersara dilantik menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(c) Pehin Siraja Khatib menjawab jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama mulai bulan Oktober 1986. Sebelum itu menjadi Timbalan Pengetua Hal Ehwal Ugama.

(d) Pehin Tuan Imam

(sekarang telah dinaikkan pangkat menjadi Pehin Dato Seri Maharaja, Mufti Kerajaan).

(e) Pehin Udana Khatib menjawab jawatan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Pehin Khatib**

(a) Menjadi Imam sembahyang fardu lima waktu dan Jumaat mengikut giliran yang ditentukan.

(b) Menyampaikan khutbah Jumaat mengikut giliran yang ditentukan.

(c) Menjalankan tugas-tugas di masjid mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

(d) Membaca doa dalam Majlis-majlis Beristiadat dan majlis-majlis rasmi kerajaan mengikut kesesuaiannya.

(e) Menghadiri majlis-majlis keugamaan dan Adat Istiadat Diraja.

**Mudim-Mudim**

(a) Menjadi imam sembahyang waktu di masjid (pembantu kepada Pehin-phein Khatib) mengikut giliran yang ditentukan.

(b) Menyampaikan azan, iqamat sembahyang waktu, tarhim Subuh dan ma'syiral sembahyang Jumaat mengikut giliran.

(c) Menjalankan tugas-tugas di masjid sebagai pembantu kepada Pehin-phein Khatib mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

(d) Membaca doa dalam majlis-majlis keugamaan dan Adat Istiadat Diraja mengikut kesesuaiannya.

(e) Menghadiri majlis-majlis keugamaan dan Adat Istiadat Diraja.

Pada masa ini semua Pehin-phein Khatib dan Mudim-mudim menjawab jawatan Imam dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mereka menjalankan dua tugas iaitu adat istiadat dan tugas-tugas sebagai pegawai kerajaan sama seperti Pehin-phein Manteri Ugama yang lain.

**Bersambung**

# Hubungan Brunei - Itali terus dipertingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Carlo Azeglio Ciampi, Presiden Republik Itali dan kepada Tuan Yang Terutama

Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Republik Itali sempena Ulang Tahun Hari Republik Itali.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Itali. Baginda percaya keadaan sede-

mikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda berharap semoga TYT sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat negara berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Di dalam perutusan kepada Perdana Menteri Republik Itali, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat negara itu sempena Ulang Tahun Hari Republik Itali.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara

kedua-dua buah negara. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya baginda berharap semoga TYT sentiasa sihat sejahtera dan rakyat negara berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.



TYM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ketika berkenan mengurniakan ijazah kepada seorang doktor. (Berita lanjut di muka 16).

## Membangun potensi para doktor

BERAKAS, 24 Mei. - Kementerian Kesihatan percaya akan pentingnya pembangunan sumber manusia sebagaimana yang ditekankan dalam Pelan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan 2000 - 2010 dan Pelan Strategik Kementerian berkenaan yang menyediakan peluang-peluang bagi para kakitangan untuk menghadiri kursus singkat, seminar dan mesyuarat di samping membangun potensi-potensi para doktor dan doktor gigi dalam meneruskan latihan untuk menjadi ahli profesional yang berkelayakan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyatakan demikian di Majlis Pelancaran Kursus Latihan Asas Kepakaran Dalam Bidang Perigian (MFDS) bertempat di Kementerian Kesihatan di sini.

Yang Berhormat melahirkan rasa gembira atas usaha serius yang diambil oleh ketua-ketua jabatan untuk mendapatkan pengiktirafan maktab-maktab diraja seperti di United Kingdom kerana ia merupakan pendekatan dalam melaksanakan dan mengembangkan program-program latihan secara berterusan.

Ia bukan sahaja membolehkan dan menyediakan

latihan kepada ahli-ahli dan maktab-maktab diraja untuk dilaksanakan di Rumah Sakit RIPAS tetapi pada masa yang sama meletakkan jabatan-jabatan tersebut sebagai lambang bagi memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi dan latihan terbaik.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kunci utama untuk berjaya dalam program latihan adalah bersandarkan pada iltizam kepimpinan, kerjasama bersepadu dan usaha sama di antara jabatan-jabatan.

Seramai 14 orang graduan baru menyertai Perkhidmatan Perigian, Kementerian Kesihatan semenjak Julai 2001 selepas menamatkan latihan mereka dalam bidang perigian dari beberapa universiti luar negara termasuk di United Kingdom, Ireland dan New Zealand.

Kejayaan program berkenaan tercapai melalui visi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat

seberapa banyak ahli profesional tempatan dalam bidang perubatan dan perigian selain daripada ahli pembedahan perigian.

Program dua tahun ini adalah usaha Latihan Asas Khas Program Perigian bagi para pegawai muda yang mengandungi giliran klinikal dengan para pegawai kanan sama ada di hospital dan klinik perigian masyarakat dengan melibatkan latihan di Rumah Sakit RIPAS, Pusat Perigian Negara, Sungai Hanching dan Pusat Kesihatan Sengkunong.

Sementara itu untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan rawatan perigian pada 2015, peperiksaan MFDS dibentuk bagi para doktor untuk penilaian pengetahuan dan kemahiran perigian serta praktikal klinikal dalam jangka masa latihan profesional untuk memasuki latihan formal sebagai salah satu kepakaran dalam bidang tersebut.

## Peranan jurubahasa mahkamah penting

Oleh Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mei. - Juru-bahasa hendaklah cukup terlatih dalam menterjemahkan bahasa harian yang mereka ungkapkan sama ada dari satu perkataan atau bukan sahaja percakapan, makna keterangan dalam mahkamah, demi untuk mengelakkan kesilapan besar salah intepretasi yang boleh membawa akibat perundangan serius terhadap mereka yang menjalani perbicaraan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa di Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2004 yang berlangsung di Mahkamah Besar, dekat ibu negara di sini.

Yang Berhormat menambah, peranan jurubahasa mahkamah bukan sahaja mesti fasih dan lancar dalam bahasa yang mereka gunakan, bahkan juga mempunyai panca pendengaran yang jelas.

Di samping mempunyai jurubahasa yang terlatih, Yang Berhormat percaya bahawa Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam perlu memper-



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa di Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2004 ketika berucap. - Gambar oleh Hamadi HM.

kenalkan beberapa garis pandu etika dan peraturan kepada pengamal undang-undang swasta, demi kepentingan dan kepuasan hati pelanggan mereka.

Manakala Persatuan Undang-Undang juga bertanggungjawab memantau disiplin ahli pengamal undang-undang ketika mereka di dalam dan luar mahkamah termasuk tanggungjawab mengambil tindakan terhadap seseorang peguam kerana tingkah laku atau tindakannya yang boleh menjejaskan imej profesionalisme undang-undang secara umumnya.

Yang Berhormat per-

caya bahawa pengamal undang-undang yang akan ditubuhkan dipastikan peraturan disiplinnya jelas dan terang untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan pada pandangan umum.

Mengenai tahap kemampuan pengamal undang-undang awam, walaupun kelulusan peperiksaan dianggap sebagai pencapaian akademik yang cemerlang, kepakaran dan pengalaman dalam pengendalian pengadilan jenayah hendaklah juga dikuasai dengan baik.

Sehubungan dengan itu, dalam pengendalian pengadilan jenayah, Tim-

balan Pendakwaraya mempunyai tugas dan tanggungjawab mengarah dan memandu pegawai penyiasat polis dalam pengumpulan bukti, demi untuk memuaskan hati para hakim atau majistret hingga tidak timbul syak wasangka mengenai kesalahannya yang dilakukan oleh tertuduh.

Dalam membaharui ikrar untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang Negara Brunei Darussalam, beberapa undang-undang baru dibuat di antaranya Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam) 2003, Perintah Pendidikan 2003 dan Perintah Penyakit Berjangkit 2003.

Sementara itu, Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Tali Pinggang Keledar Bagi Kanak-Kanak) 2004, Perintah Akta Imigresen (Pindaan) 2004, Usaha Penyemakan Undang-Undang juga diadakan bagi tahun 2004.

Terdahulu majlis dimulakan dengan Barisan Kehormatan Polis Diraja Brunei diperiksa oleh Ketua Hakim Negara, Mohammad Saied yang berlangsung di luar perkarangan Mahkamah Besar diikuti dengan perkumpulan di Mahkamah Tinggi.

Hadir sama di majlis itu, ahli-ahli diplomatik, ahli-ahli badan undang-undang dan para peguam.

## Usaha mengangkat martabat pendidikan

Dari muka 7

Di samping itu, ujar Yang Dimulikan lagi, kita juga menghadapkan Skim Perkhidmatan baru bagi guru-guru dan pegawai pelajaran supaya bidang profesional guru akan lebih menarik dan bukannya sebagai 'last resort' sahaja. Kita juga terus berusaha untuk meningkatkan kualiti perguruan agar guru-guru kita mampu memberi pendidikan yang sebaiknya kepada

murid-murid. Langkah-langkah dalam sebenarnya terus diambil untuk mengangkat martabat pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hampir setiap kali keberangkatan baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung akan melawat sekolah-sekolah atau institusi-institusi pendidikan yang ada di mukim atau kampung-kampung berkenaan, sikap baginda itu tentu

membawa mesej penting terhadap pendidikan di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan berpendapat mesej yang jelas ialah pendidikan mustahak untuk sesebuah negara itu berkembang maju. Dan kita yang bertanggungjawab dalam pendidikan mesti sentiasa peka akan keperluan anak-anak murid bukan sahaja dari segi penyediaan prasarana seperti bangunan sekolah yang sesuai dan lengkap tetapi juga persekitaran yang kon-

disuf untuk belajar. Dan yang penting sekali ialah pengajaran dan pembelajaran yang efektif.

Pihak Kementerian Pendidikan, kata Yang Dimulikan, berbangsa menjunjung kasih atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap pendidikan di negara ini dan mengangapnya sebagai satu anugerah yang besar kerana ini jelas meletakkan pendidikan di atas

puncak yang tinggi sekali dalam usaha melahirkan rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran, beramal, bertaqwa dan yang taat setia kepada Raja untuk membangun negara dan terus berkembang maju bagi menjamin masa hadapan kita.

Maka dapatlah dirumuskan, bahawa Sistem Pendidikan Bersepadu itu merupakan produk terbaru yang akan menjadi wadah untuk memperkukuh dan memperkemas lagi sistem pendidikan dan seterusnya

meningkatkan martabat pendidikan di negara ini. Walaupun ia masih merupakan skim rintis tetapi isyarat dan mesejnya sudah jelas membawa misi yang besar untuk anak bangsa dan negara. Matlamatnya seiring dengan sejalan dengan keperluan dunia dan akhirat, iaitu untuk membina insan (penuntut) berilmu, berakhlak mulia, bertaqwa, beramal kebajikan dan berdaya saing.

Semua pihak sudah pasti menaruh harapan dan jang-

kaan yang tinggi apabila Sistem Pendidikan Bersepadu nanti dapat dilaksanakan sepenuhnya dan menjangkau apa yang hendak dicapainya. Namun niat baik dan perancangan yang konkrit ini masih belum dapat menjamin kejayaan yang total, kerana ia masih bergantung kepada komitmen pihak-pihak lain terutamanya para penuntut sendiri, guru-guru dan ibu bapa. Namun demikian kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk kejayaannya.

## ARENA SUKAN

# SKUAD NEGARA MENANG BESAR

KEMENANGAN besar skuad negara 4 - 0 ke atas TNB Kelantan pada perlawanan ketiga Liga Perdana Malaysia Kumpulan 'A' di Padang Jabatan Belia dan Sukan 30 Mei lepas berjaya mengubati kekalahan semasa pertemuan dengan Selangor dan PKNS Selangor yang lalu.

Kemenangan di luar dugaan itu memberi nafas baru kepada skuad bimbingan Haji Zainuddin untuk bersaing mendapatkan kedudukan terbaik selepas tercalar dengan kekalahan demi kekalahan serta pengunduran tunggal utama Mohd. Brian Iman.

Corak permainan skuad negara semasa pertemuan dengan TNB Kelantan pada awalnya agak lembab, manakala pasukan pelawat itu pula bersemangat dengan banyak melakukan percubaan bahaya sehingga hampir mendahului tuan rumah selepas sepakan bebas Matthew Imenogor melantun pada palang gol.

Beberapa minit selepas itu, nasib menyebelahi skuad negara apabila sepakan bebas yang dilakukan oleh Rosmin Haji Mohd. Kamis menerjah masuk ke pintu gol pelawat untuk mendahului 1 - 0.

Jaringan tersebut menyemarakkan semangat skuad negara menguasai permainan sepenuhnya dan berjaya menambahkan jaringan kedua (2 - 0) sebaik saja permainan separuh masa kedua bermula melalui gerakan solo Abang Norsilmy.

Selepas jaringan itu skuad negara berpeluang beberapa kali untuk menambahkan jaringan, namun penyerang utama tuan rumah Viban Francis Bayong gagal memanfaatkan peluangnya dengan berkesan.

Sebaliknya, Abang Norsilmy pula terus menyerlah dengan menghasilkan jaringan ketiga (3 - 0) melalui gerakan dari te-

Oleh  
Haji Ahat HI

ngah Fadlin Gelawat yang menolak bola ke arah Viban Francis dan terus pengumpan kepada Abang Norsilmy yang hanya menembak bola rendah masuk menewaskan penjaga gol TNB Kelantan, Md. Shahrizan Ismail.



MENGASAK ... Penjaga gol TNB Kelantan menangkap bola tinggi dengan diperhatikan oleh penyerang Negara Brunei Darussalam, Viban Francis Bayong semasa pertemuan yang berkesudahan skuad negara menang 4 - 0. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Meskipun ketinggalan 3 - 0 TNB Kelantan juga sekali-sekala cuba mengugut pertahanan tuan rumah melalui percubaan Marcel Tycki dan Mohd. Sairol Daud namun percubaan mereka berjaya digagalkan oleh penjaga gol, Mohd. Wardun Yusof.

Kedudukan selesa 3 - 0 itu belum berakhir begitu saja, malahan bertambah menjadi 4 - 0 apabila Abang Norsilmy yang ber-

ada dekat kotak penalti menolak bola ke arah Haji Muhd. Subhi untuk merembat masuk.

Kini, selepas memperolehi kemenangan mengejut itu tentunya akan menyuntik semangat yang tinggi untuk terus menyerlah dalam perlawanan selanjutnya.



## Selangor dan PKNS Selangor atasi skuad negara

Oleh  
Haji Ahat HI

SELANGOR bersama PKNS Selangor masing-masing berjaya memanfaatkan kelemahan skuad negara dalam saingan pusingan kedua Liga Perdana Malaysia Kumpulan 'A' untuk mencatatkan kemenangan di Padang Jabatan Belia dan Sukan.

Selangor yang menjadi tetamu pertama pada 23 Mei lalu begitu mudah menundukkan skuad negara 5 - 2, manakala PKNS Selangor yang bertandang pada 26 Mei pula juga merasa ceria sekalipun menang tipis 1 - 0.

Pada pertemuan dengan Selangor, skuad negara pada awalnya cukup meyakinkan lebih-lebih lagi berjaya mendahului pasukan pelawat pada awal permainan. Tetapi keceriaan itu hancur punah apabila pelawat berjaya menjejak kelemahan tuan rumah dan mengatasi 3 - 1 di separuh masa pertama.

Kemudian pasukan pelawat menambahkan lagi dua jaringan di separuh masa kedua, manakala skuad negara memperolehi satu jaringan menjadikan kedudukan terakhir 5 - 2.

Pada pertemuan selanjutnya dengan PKNS Selangor pula terdapat peningkatan terhadap corak permainan skuad negara dengan tidak memberi ruang kepada pasukan pelawat itu untuk menembusi gawang gol, begitupun pada minit-minit ter-

akhir permainan hendak ditamatkan, PKNS Selangor berhasil menembusi pintu gol yang dikawal oleh Mohd. Wardun Yusof.

Kelalaian barisan pertahanan mengekang gerakan penyerang pelawat membuka ruang kepada penyerang Sairolizam Siedin untuk melakukan rembatan kencang sekali gus memusnahkan impian tuan rumah untuk sekurang-kurangnya mendapat satu mata bagi keputusan seri.

Kekalahan dari dua perlawanan itu dilihat agak menyukarkan lagi kedudukan skuad negara dalam Kumpulan 'A'. Jurulatih

Haji Zainuddin perlu membuat pendekatan yang lebih berkesan pada semua bahagian yang nampak kurang mantap.

Pada dua perlawanan itu, barisan pertahanan begitu mudah dibolosi dengan percubaan bahaya penyerang pelawat yang memaksa penjaga gol lebih berperan menepis keluar kesemua percubaan tersebut.

Barisan tengah pula gagal berperanan dalam menyumbang gerakan serangan sehingga kebanyakan percubaan terlepas kepada kawalan pemain pelawat dan dalam pada itu juga gerakan barisan penyerang tidak terarah sehingga percubaan tersasar keluar atau mudah dikawal oleh pertahanan lawan.



FADLIN Gelawat cuba merampas bola semasa pertemuan dengan Selangor yang berkesudahan skuad negara tewas 5 - 2. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

## Futsal antara media Jogaton bertaja kutip \$9,000

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 23 Mei. - Pasukan NECAS RTB sekali lagi dinobatkan sebagai juara buat kali kedua di peringkat akhir kejohanan futsal antara media-media tempatan dan pasukan jempitan kali kedua anjuran Jabatan Penerangan sempena Penerbitan Akhbar PELITA BRUNEI yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Stadium Negara Hassanul

Bolkiah di sini.

Pasukan NECAS RTB pernah menjadi juara kali pertama dalam perlawanan yang sama tahun 2003 dan berjaya menewaskan pasukan Pusat Da'wah Islamiyah dengan jaringan 2 - 0 di peringkat akhir.

Sementara tempat ketiga dan keempat dikongsi bersama antara Jabatan Mufti Kerajaan dan Pusat Sejarah Brunei.

Hadiah-hadiah perlawanan akhir disampaikan oleh tetamu kehormat, Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Kejohanan yang disertai 13 pasukan itu dikendalikan sebagai memperingat penerbitan Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI yang akan menjelang 50 tahun tahun depan. Di samping itu ianya juga untuk mengeratkan silaturahim di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dengan media-media tempatan dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

KILANAS, 9 Mei. - Sejumlah \$9,000.00 telah berjaya dikutip menerusi Jogaton Bertaja anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Kilanas.

Kutipan itu merupakan hasil dari kutipan kad-kad jogaton menerusi Sekolah Rendah OKSB yang mengumpul \$4,079.96, Sekolah Agama PAPMND Kilanas mengutip \$1,747.80, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan mengumpul \$1,308.70 dan belia dan beliawanis Masjid Kampung Kilanas mengutip \$1,075.74. Sementara selebihnya adalah hasil sumbangan dari jemaah masjid dan orang perseorangan.

Hasil kutipan itu akan digunakan bagi memperbaiki kerosakan bangunan masjid dan persekitaran masjid kampung berkenaan, di samping bagi menambah kutipan bagi menampung perbelanjaan suka duka penduduk.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai jogaton bertaja Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Kilanas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sementara itu, kutipan berkenaan akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang penting di negara ini, Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Aktiviti kebajikan itu dihasratkan bagi meng-

gerak-ibatkan masyarakat khususnya penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya mengenai pentingnya sama-sama mendukung kekuatan dakwah Islamiyah dalam usaha memperkukuhkan lagi kehidupan beragama di negara ini.

Terdahulu, para peserta telah mengadakan larian sejauh 2.5 kilometer yang

bermula dan berakhir di Padang Sekolah Rendah OKSB Kilanas.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani menjadi tetamu kehormat majlis dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang acara jogaton itu.



JUARA ... Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang menyampaikan plakat rebutan Futsal antara media-media yang dimenangi oleh RTB. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

## ARENA SUKAN

# Brunei sertai 11 acara SUKMA

BERAKAS, 18 Mei. - Para atlet yang menyertai kontinjen negara pada Sukan Malaysia Ke-10 (SUKMA) diseru agar menjaga nama baik dan imej negara semasa berada di luar negeri dengan menunjukkan sifat-sifat ke-bruneian yang penuh dengan bersopan santun, berdisiplin dan mengamalkan semangat berpasukan yang tinggi dengan sikap saling bantu-membantu antara satu sama dengan lain.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, pengalaman yang diperolehi dari pertandingan itu akan menjadi sukatan kepada atlet bagi menilai sejauh mana tahap pencapaian yang sudah diperolehi, di samping menilai keberkesanan rancangan dan program latihan yang telah disediakan Jabatan Belia dan Sukan.

"Penyertaan pada kejohanan itu sangat memberi erti kepada atlet-atlet remaja tempatan untuk bersaing dan menimba pengalaman dan mengambil iktibar dari pertandingan itu nanti," jelas Yang Berhormat di Majlis Pe-

nyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Kontinjen SUKMA Ke-10 di Dewan Digadong Kementerian berkenaan di sini.

Yang Berhormat menyerahkan Bendera Kebangsaan kepada Ketua Kontinjen Negara, Awang Haji Mohammad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Yang Berhormat berharap agar lebih ramai lagi atlet-atlet belia remaja untuk tampil menyertai program-program perkembangan sukan remaja dalam usaha melahirkan lebih ramai lagi atlet-atlet yang bermutu tinggi dan dapat bersaing di arena antarabangsa pada masa-masa akan datang.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol berkata, penyerahan negara ke Sukan Malaysia pada tahun ini adalah kecil jika dibandingkan dengan penyertaan negara pada sukan serupa pada tahun lalu.

Menurutnya, jawatankuasa pemilihan dan penilaian atlet telah membuat keputusan muktamad untuk menyertai 11 jenis acara sukan termasuk bola sepak, baling padang, golf,



METERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SUKMA Ke-X di Negeri Sembilan.

karate do, lawan pedang, lumba basikal, olahraga, pencak silat, taekwondo, tenis baling dan tenis dengan keramaian 140 orang pegawai dan atlet.

Ketetapan menyertai 11 jenis sukan itu berdasarkan kepada latihan yang berterusan, mutu pencapaian dan prestasi yang memuaskan yang dicapai oleh atlet-atlet negara semasa mengadakan latihan sama di dalam dan beberapa siri latihan dan perlawanan dengan pasukan luar negara.

Selain daripada melihat kepada mutu pencapaian semasa mengadakan perlawanan di luar negara, jawatankuasa pemilihan atlet juga mensyaratkan dan mengutamakan aspek-

aspek lain sebagai kriteria yang membolehkan dan melayakkan atlet untuk menyertai kontinjen negara ke SUKMA termasuk fizikal dan tahap kecerdasan mental, komitmen dan disiplin.

"Kriteria pemilihan ini bertujuan agar penyertaan Negara Brunei Darussalam ke sukan-sukan serantau dan antarabangsa tidak lagi dikira sebagai pendudukan atau mencari pengalaman malah penyertaan negara untuk bersaing dan mendapatkan pingat kemenangan," jelasnya.

Beliau juga melahirkan harapan supaya semua atlet dan pegawai yang menyertai kontinjen negara akan

mempamerkan komitmen yang penuh untuk menunjukkan disiplin yang terbaik demi menjaga nama baik negara di arena sukan antarabangsa.

Para atlet negara kini telah membuat persediaan dengan mengadakan latihan secara berterusan sejak awal bulan Disember 2003 dan ketika ini sedang mengadakan latihan intensif dan latihan pusat dengan menempatkan mereka di perkampungan sukan.

Ini penyertaan kali ketiga bagi Negara Brunei Darussalam selepas dijemput oleh pihak Kerajaan Malaysia untuk menyertai Sukan Malaysia (SUKMA).



Liputan Samie HJ  
Gambar-gambar  
oleh Mohd. Zul-Izzi  
HD

## BAIZURRAH SUMBANG PERAK

NEGERI SEMBILAN, 26 Mei. - Skuad Lawan Pedang Negara sekali lagi memberi sumbangan berharga kepada negara apabila Nor Baizurrah Mohd. Rushdi berjaya mengalungi pingat perak pada perlawanan akhir Sabre Perseorangan Perempuan di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara, Chembong, petang tadi.

Selepas melalui pingat kelayakan dengan menampilkan aksi yang mencabar, Nor Baizurrah bijak melepaskan saingan peserta dari Sarawak, Rosida Hani dengan 15-5 dan seterusnya melangkah ke suku akhir dengan menumpaskan peserta Selangor, Siti Parkahanah kiraan 15 - 1.

Kemudian, Nor Baizurrah terus menampilkan

aksi menyakinkan selepas menundukkan mudah peserta Johor, Nurdiana Mohd. Isa dengan 15-2.

Bagaimanapun, peserta negara itu diberi tentangan hebat oleh peserta Perak, Nazurah Zairol dalam perlawanan akhir sehingga akur dengan kekalahan 15 - 9.

Turut memberi semangat kepada peserta negara pada perlawanan akhir itu ialah Ketua Kontinjen Negara, Awang Haji Mohammad.

"Baizurrah berjaya menampilkan persembahan yang menarik sekali pun gagal mencapai pingat emas. Beliau juga perlu diberi peluang untuk terus menimba pengalaman dan meningkatkan kemahiran dalam perlawanan ini," jelas jurulatih skuad lawan pedang, Rocky Poerawinata kepada wakil PELITA BRUNEI selepas perlawanan itu.

Katanya, peluang pemain negara itu memang ada bagaimanapun nasib lebih memihak kepada pemain lawan kerana perlawanan itu nampak seimbang dan keduanya menampilkan taktik yang hampir serupa.

Beliau juga berharap keputusan itu akan memberi pengajaran kepada semua peserta untuk membuat persediaan yang lebih mantap dan meningkatkan tahap permainan itu.

Sementara itu, kedua-dua peserta Foil Perseorangan Lelaki Negara terlepas peluang untuk mara ke peringkat suku akhir.

Iswandy Ahmad yang di dalam kedudukan ke 12 terbaik tewas kepada peserta Johor, Mohd. Zainal Abidin dengan kiraan 15 - 7, sementara Khairul Quddus pula dikalahkan oleh Nurib Haidar Ibi Rashid dari Perak 15 - 12.

Acara Foil Perseorangan Lelaki menyaksikan peserta dari Johor, Mohd. Zainal Abidin berjaya memperolehi pingat emas selepas menewaskan peserta senegara, Mohd. Noor Iskandar 15 - 6.

Sementara, Peserta Wilayah Persekutuan, Amir Mohd. Yunus dan Mohd. Azlan Muhammad dari Sarawak masing-masing memperolehi pingat gangsa.

## Berpasukan lawan pedang dua gangsa

REMBAU, Negeri Sembilan, 27 Mei. - Pasukan Epee Berpasukan Lelaki dan Sabre Berpasukan Lelaki menampilkan aksi membanggakan selepas masing-masing memberi sumbang dua lagi pingat gangsa kepada negara.

Kejayaan itu membantu menambahkan lagi kutipan pingat kepada kontinjen negara yang setakat ini kesemuanya disumbangkan melalui acara lawan pedang termasuk satu pingat perak menerusi Nor Baizurrah Rushdi dalam acara Sabre Perseorangan.

Kejayaan itu juga memberi suntikan semangat kepada skuad Sabre yang diwakili oleh Mohd. Yunus Haji Mohd. Hamid, Mohd. Hamzi Abdullah dan Yusmarizal Haji Yusof menang berjaya menewaskan pasukan negara jiran, Sabah yang dibarisi oleh Anthony Soong Ye, David Kong Sing Hoon dan Chon Khien Yuong dengan kiraan 45 - 37.

Bagaimanapun, trio Sabre negara itu tersentak dengan kehebatan pasukan Johor yang menyapu bersih kejohanan lawan pedang dengan 45 - 39 untuk meraih gangsa ketiga buat negara.

Kelmarin, trio peserta negara diwakili oleh Abdul Hakim Ibrahim, Mohd. Nashriq Moksini dan Abdul Azim Ibrahim memulakan kemaraan selepas menewaskan mudah pasukan Sarawak dengan kiraan 45 - 30 dalam acara Epee Berpasukan Lelaki.

Sebelum ini, pasukan negara yang berada dalam ranking ke-9 patut diberi pujian selepas mengejutkan pasukan ranking teratas dari Johor sekalipun hanya menang tipis 45 - 44 pada persaingan yang mendebarakan sekali gus membawa pasukan ke peringkat suku akhir.

Bagaimanapun, pasukan Selangor meng-

ambil kesempatan dari kepenatan pasukan Brunei untuk menafikan kemaraan skuad negara ke separuh akhir selepas tewas 39 - 45.



PASUKAN Sabre Berpasukan negara menerima kalungan pingat.

Namun hajat pasukan Selangor untuk mengucup emas tidak kesampaian apabila ditewaskan oleh pasukan Wilayah Persekutuan 45 - 42 pada peringkat akhir.



PASUKAN Sabre Berpasukan negara menerima kalungan pingat.

## Pingat gangsa acara Sabre Individu

PAROI, Negeri Sembilan, 25 Mei. - Atlet Lawan Pedang Brunei, Mohd. Yunus Haji Abdul Hamid berjaya menyumbangkan kutipan pingat sulung buat Negara Brunei Darussalam selepas berjaya meraih pingat gangsa dalam acara Sabre Individu Lelaki di Sukan Malaysia Ke-X (SUKMA), di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara, Chembong, Rembau, petang tadi.

Kalungan sulung pingat yang membakar semangat Skuad Lawan Pedang Kebangsaan itu diperolehi se-

lepas Mohd. Yunus mengalahkan peserta Wilayah Persekutuan, Tang Fong Wee dengan kiraan 15 - 13.

Mohd. Yunus terus mara ke suku akhir dengan menampilkan aksi pantas sebelum menewaskan peserta dari Perak, Mohd. Zharid Safwan untuk mara di separuh akhir.

Bagaimanapun, beliau terlepas peluang untuk mara ke akhir selepas tewas kepada peserta Perak, Husnul Ariq Bakri dengan kiraan 15 - 6.

"Saya sudah memberi persaingan kepada lawan tetapi beliau lebih pantas menyerang untuk lebih awal mengutip mata kemenangan," jelas Mohd. Yunus kepada wakil PELITA BRUNEI.

Bagaimanapun, beliau yakin pengalaman yang diperolehi dari kejohanan itu merupakan landasan yang terbaik untuk memperbaiki kemampuannya yang ada.

Beliau juga berharap akan dapat menyumbangkan yang terbaik lagi kepada

negara pada kejohanan-kejohanan yang lain nanti.

Sementara itu, peserta perseorangan negara, Mohammad Hamzi tepaksa akur di pusingan awal oleh Mohd. Zharif Safwan dengan 15 - 12.

Sementara itu, acara lawan pedang Sabre Individu Lelaki telah dijuarai oleh peserta dari Johor, Roslan Manap untuk mengutip pingat emas dan peserta dari Perak, Husnul Ariq mengalungi pingat Perak.



PESERTA lawan pedang Nor Baizurrah Mohd. Rushdi merangkul pingat gangsa acara Sabre Perseorangan Wanita.

ringkat akhir.

Sementara itu, dalam acara Foil Berpasukan Wanita, pasukan Brunei yang dibarisi oleh Norazimah Haji Latif, Rozana Mohd. Roalee dan Eleena Haji Anuar lebih awal terkandas selepas ditewas-

kan oleh pasukan gergasi lawan pedang SUKMA, Johor dengan kiraan 45 - 14.

Pasukan wanita Johor itu juga berjaya merangkul pingat emas selepas mengalahkan pasukan dari Sabah dengan kiraan 45 - 28 pada peringkat akhir.



PINGAT gangsa diperolehi oleh Mohd. Yunus Haji Abdul Hamid.

ARENA SUKAN

# LAWAN PEDANG RANGKUL PINGAT EMAS

REMBAU, 30 Mei. - Akhirnya, impian skuad lawan pedang yang bertekad untuk menyumbang pingat emas kepada negara terkabul apabila trio pasukan lawan pedang, Nor Baizurrah Mohd. Rushdi, Nurazima Abdul Latif dan Rozanna Mohd. Roslee berjaya menewaskan pasukan handalan dari Perak 45 - 44 di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara, Chembong, hari ini.

Tusukan emas trio lawan pedang negara itu juga disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam.

Kalangan emas yang dinanti-nantikan itu membantu bergemanya Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam buat julung kalinya di medan perlawanan pedang selepas menyaksikan penguasaan oleh pasukan Johor.

Rentak cemerlang pasukan Sabre negara bermula dengan menewaskan mudah pasukan Sarawak

yang membariskan Eveolina Harry. Kiroh, Rosida Hamdi dan Siti Hasna Zainal dengan kiraan 45 - 22.

Kemenangan itu terus membakar semangat Nor Baizurrah, Nurazima dan Rozanna ketika menentang pasukan Sabah yang juga bertekad untuk memenangi perlawanan sekali gus mengulang pingat pada peringkat separuh akhir.

Namun trio Sabre negara itu terus menampilkan aksi cemerlang dengan serangan pantas dan membuat pertahanan kental bagi mengelakkan dari ditembusi tusukan pemain-pemain berpengalaman dari Sabah menerusi gandingan Samanthan Decena, Mathilda Kison dan Evy James.

Kedua-dua pasukan berjaya menampilkan aksi yang cukup mendebarakan dengan saling berkejaran mata bagaimanapun pasukan Sabah tersentak dengan kekalahan satu mata kepada Brunei sekali gus menghalang dari melangkah ke peringkat akhir.

Kejayaan ke peringkat akhir itu terus membakar semangat juang skuad



Liputan  
Samle HJ  
Gambar-gambar oleh  
Mohd. Zul-Izzi HD

negara yang berdepan dengan pemain handalan dari Perak yang melangkah ke peringkat akhir dengan mudah selepas menewaskan pasukan Melaka dan Selangor.

Pasukan Perak menerusi gandingan Nazurah Zorol, Azrin Noraimi dan Ang Yiang Yiang lebih awal bijak mengutip mata dengan serangan bertubi-tubi menepati sasaran, namun Brunei tidak mudah menyerah kalah dengan melakukan gempuran untuk mengimbangi mata.

Kemasukan Noor Baizurrah yang bijak mencuri tusukan tepat di sebalik serangan lawan dari mengutip mata berjaya membawa kejayaan sulung buat skuad negara sekali-pada pada awalnya Perak hanya menunggu lima mata untuk merangkul

emas berbanding 27 mata yang baru diperolehi oleh Brunei.

Bagaimanapun, Perak akhirnya kempunan memperolehi emas apabila Noor Baizurrah bangkit membuat asakan bertalu sehingga lawannya kerap hilang punca dan tersungkur di saat akhir perlawanan 45 - 44.

"Kemenangan pingat emas ini juga hasil sokongan moral jitu semua rakan dan kemenangan ini adalah untuk negara seperti apa yang kami tekadkan," jelas Noor Baizurrah yang terharu dengan kejayaan itu.

Beliau mengakui untuk meraih pingat emas bukan satu perkara mudah kerana terpaksa melalui jalan yang sangat sukar apalagi berdepan dengan pemain lawan yang sudah berpe-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mengurniakan pingat kepada pasukan Sabre perempuan yang merangkul pingat emas.

ngalaman. Bagaimanapun beliau bersyukur dengan kegigihan, semangat dan sokongan semua pihak telah membantu mereka meraih pingat emas.

Beliau berharap kejayaan itu akan memberi suntikan semangat kepada atlet lain untuk berjaya memburu pingat yang lebih banyak kepada kontinjen negara pada kejohanan kali ini.

Sementara itu, Nurazima dan Rozanna yang menampilkan peningkatan

drastik pada pertandingan akhir itu melahirkan rasa terharu di atas kemenangan itu sambil berharap kejayaan itu menjadi pemangkin kepada kejayaan pasukan lawan pedang pada perlawanan peringkat serantau dan antarabangsa di masa akan datang.

Sebelum ini, skuad lawan pedang negara sudah menyumbang satu pingat perak menerusi Nor Baizurrah menerusi acara Sabre perseorangan Perempuan, manakala tiga pingat gangsa lagi diraih

acara Sabre perseorangan lelaki, Sabre berpasukan lelaki dan Epee berpasukan lelaki sekali gus menyumbang pungen pingat yang terbanyak kepada kontinjen negara.

Negara Brunei Darussalam menyertai dalam kategori Epee individu lelaki, Foil individu perempuan, Sabre individu lelaki, Sabre individu perempuan, Epee berpasukan lelaki, Foil berpasukan perempuan, Sabre berpasukan lelaki dan Sabre berpasukan perempuan.

## Perasmian SUKMA gilang-gemilang

PAROI, NEGERI SEMBILAN, 29 Mei. - Upacara perasmian gilang-gemilang yang penuh warna-warni di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi membuktikan lagi tekad kemampuan tuan rumah untuk menyelenggara Sukan Malaysia Ke-10 (SUKMA) yang terbesar di Malaysia pada edisi kali ini.

Perisytiharan perisytihannya telah disabdakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar ibni Tuanku Haji Abdul Rahman disambut dengan penuh gemuruh oleh lebih 7,000 para atlet dan pegawai dari 17 kontinjen serta kira-kira 50 ribu hadirin yang memenuhi Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi, malam ini.

Awal dari itu, majlis perasmian yang serba unik itu didahului dengan pembarakan membawa masuk bendera-bendera 17 kontinjen dan kemudian, setiap kontinjen menyerahkan bendera negara masing-masing kepada Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi SUKMA Ke-10.

Bendera Negara Brunei Darussalam telah diserahkan oleh Penolong Ketua Kontinjen, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud.

Perarakan masuk kon-

tinjen-kontinjen peserta dimulakan oleh Enam Maskot SUKMA Ke-10 iaitu Sang Rusa sebagai lambang binatang yang mempunyai pelbagai keistimewaan kepada Negeri Sembilan.

Sebanyak 17 buah kontinjen mewakili negeri-negeri di Malaysia termasuk pasukan dari Polis Diraja Malaysia dan pasukan dari Negara Brunei Darussalam menyertai temasya edisi ke-10 ini.

Upacara pengisytiharan Sukma Ke-10 bermula dengan perarakan menggunakan Tandu Puteri yang melambangkan penerapan budaya Negeri Sembilan Darul Khusus yang menerima gelaran

Negeri Tanah Beradat.

Kemudian, bekas jaguh 110 meter lari berpagar Malaysia, Nurherman Majid, bekas pemain hoki wanita, M. Maheswari dan pemain ragbi, Ahmad Farid diarak dengan kenaikan untuk menyalaikan api obor.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus diperkenankan kepada ketua-ketua kontinjen yang menyertai temasya berkenaan.

Negara Brunei Darussalam merupakan satu-satunya pasukan jemputan diketuai oleh Haji Mohammad bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.



LAGU Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkumandang di Temasya Sukan SUKMA Ke-X sejurus upacara pengurniaan pingat-pingat bagi acara lawan pedang.

KONTINJEN Negara Brunei Darussalam berdiri megah semasa Upacara Pembukaan Rasmi Temasya Sukan SUKMA Ke-X di Paroi, Negeri Sembilan.

## DYTM berikan sokongan moral

SEREMBAN, 30 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam berkenaan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemegang acara Lawan Pedang Perempuan Berpasukan di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara, Chembong, Rembau, petang tadi.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia merupakan suntikan semangat kepada pasukan negara yang mara ke peringkat akhir sehingga berjaya menewaskan pasukan Perak untuk merangkul pingat emas.

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia berkenaan berangkat menyaksikan perlawanan akhir acara karate do yang melibatkan peserta negara, Lim Hooi Siang yang beraksi dalam acara

kumite lelaki 80 kg ke atas di Dewan Majlis Perbandaran Seremban, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia kedua-dua venue berkenaan telah diiringi oleh Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad.

"Saya bagi pihak pasukan lawan pedang negara menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan perlawanan yang sekali gus menjadi penyuntik semangat kepada pemain-pemain sehingga mereka berjaya memperolehi pingat emas yang ditunggu-tunggu selama ini oleh negara," jelas pengurus lawan pedang, Haji Aini Haji Jukin kepada wakil PELITA BRUNEI.

Sementara itu, trio emas Sabre lawan pedang negara, Noor Baizurrah Mohd. Rushdi, Nurazima Abdul Latif dan Rozanna Mohd.

Roslee turut mengakui mendapat semangat di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia sekalipun pasukan lawan sudah hampir menggenggam pingat emas.

Sementara itu, Lim Hooi Siang yang beraksi dalam acara kumite lelaki 80 kg ke atas yang terpaksa akur dengan kekalahan kepada peserta berpengalaman Malaysia, S. Selvan bagaimanapun menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan pertandingan akhir itu.

"Inilah penyertaan sulung saya mewakili negara dalam perlawanan serantau. Saya mengakui terlalu kurang pengalaman apalagi dalam suasana peringkat akhir tetapi darah saya bergemuruh untuk memberi persaingan hebat sekalipun akhirnya tewas," jelasnya.



## DPMM dikurniakan D.P.K.T.

Oleh  
Dk. Hjh Saidah  
PHOA

TUTONG, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Baginda selaku Pemrintah Tertinggi Angkatan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengurniakan pingat berkenaan di Majlis Sambutan Ulang Tahun

ABDB Ke-43 di Mess Pegawai Penanjong Garison di sini. Tema sambutan ulang

tahun ABDB tahun ini 'Patriotisme dan Perpaduan Teras Keutuhan Pertahanan Negara'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Admiral Alan West KCB, DSC, ADC., First Sea Lord dan Ketua Angkatan Tentera Laut, United Kingdom.

## Kebawah DYMM menerima mengadap Ketua Angkatan Tentera Laut UK

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Admiral Alan West KCB, DSC, ADC., First Sea Lord dan Ketua Angkatan Tentera Laut, United Kingdom (UK) di Istana Nurul Iman.

Oleh  
Sahari Akim

Semasa mengadap, Admiral Sir Alan West diiringi oleh Tuan Yang Terutama Andrew Forbes Caie, Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama di Majlis Mengadap itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja

Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, Pemerintah Angkatan Bersenjata Di-

rajanya Brunei; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan.

## Kebawah DYMM berangkat pulang setelah hadiri Istiadat Perkahwinan Diraja Jordan

Oleh  
Abd. Karim HAB

Hussein bagi mengucapkan selamat berangkat.

Juga berada di lapangan terbang berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jordan, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Harimaupadang

AQABA, JORDAN, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat pulang meninggalkan Jordan setelah menghadiri Istiadat Perkahwinan Duli Yang Teramat Mulia Putera Mahkota Hamzah bin Al-Hussein dan Yang Teramat Mulia Puteri Noor Hamzah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Sayed Walid Ismail Al-Kurdi dan para pegawai kanan Jordan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad dan para pegawai kedutaan. Sementara itu di sebe-

lah pagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diiringi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II berangkat melawat Bandar Aqaba dan kawasan pembangunannya termasuk Pelabuhan Aqaba.

Dalam tempoh Januari 2004 hingga April 2004,

Lagi berita dan gambar-gambar di muka 4, 5, 8 dan 9

## Para doktor perlu kekalkan p'khidmatan yang tinggi

Oleh  
Siti Aishah HS

penting dalam memastikan percubaan dan mengekalkan terhadap penjagaan yang tinggi dalam perkhidmatan kesihatan.

Justeru itu, sabda Yang Teramat Mulia pembelajaran dalam latihan tidak seharusnya diambil ringan perubahan pesat dalam bidang perubatan adalah penting bagi memenuhi keperluan seorang doktor untuk menimba ilmu mengenai pembangunan kehidupan jangka panjang seperti program-program seumpamanya yang telah diikuti setentunya membuktikan kesediaan mereka untuk memperbaiki mutu dan tahap keyakinan profesion.

Yang Teramat Mulia juga melahirkan keyakinan yang Kementerian Kesihatan akan terus sedaya upaya untuk memperbaiki mutu dan tahap penjagaan kesihatan asas.

Seramai dua orang doktor lulusan Ijazah Sarjana Sains dan 11 orang doktor lulusan Diploma Lulusan Ijazah dalam Penjagaan Kesihatan Asasi menerima sijil mereka masing-masing di majlis itu yang di-

sempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Seramai 12 doktor bagi pengambilan pertama berjaya dianugerahkan dalam Diploma Lulusan Ijazah bagi Penjagaan Kesihatan Asasi pada tahun lepas, sementara pada tahun ini satu lagi sejarah dicipta dalam program berkenaan yang dilancarkan oleh Menteri Kesihatan dengan kerjasama Sekolah Perubatan St. George's, University London bersama UBD iaitu seramai 11 orang pelatih dan doktor penjagaan asasi berkelayakan menerima sijil mereka hari ini.

Manakala dua orang siswazah dari pengambilan pertama juga akan menerima sijil Sarjana Sains, yang merupakan mercu tanda dalam pembangunan program berkenaan.

Untuk itu, 11 doktor berdaftar mengikuti program pengambilan ketiga pada Februari tahun ini, kelolaan bersama Sekolah Hospital Perubatan St. George's, Universiti London dan Institusi Perubatan, Universiti Brunei Darussalam.

قَاتر يوتيسمر دان قرقادوان ترس كاوتوهر قرتاهنر نكارا  
PATRIOTISME DAN PERPADUAN TERAS KEUTUHAN PERTAHANAN NEGARA

دربيتكن اوله جباتن قراغن، جباتن قردان منترى دان دجيتق اوله جباتن قرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

# انبكا ANEKA

BILANGAN 22

RABU 2 JUN 2004

رابع 13 ربيع الآخر 1425

PERCUMA

مجلس دعاء كشكورن دان منجوفجوخ كاسيه  
 سمقنا  
 كناء يقن قشكت كلرن دان قشورنياان كلرن  
 5 ربيع الآخر 1425 برسماءن 24 ي 2004



## Berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran, Menjunjung Kasih

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika merakamkan gambar ramal bersama para penerima yang dikurniakan kenaikan pangkat gelaran dan dikurniakan gelaran di Majlis Doa Kesyukuran dan Menjunjung Kasih yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 24 Mei lalu. Juga menyertai sesi bergambar ramal itu ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani (atas).



JUNJUNG ZIARAH ... Baginda berdua menerima junjung ziarah sejourus berangkat tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa dengan diringi oleh YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim (kiri).

BAGINDA berdua ketika berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran dan Menjunjung Kasih (atas).

Gambar-gambar oleh Ramli Tengah, Hamadi HM, Masri Osman dan Pg. Rafee PDPHM



MENERIMA PESAMBAH ... Baginda berdua ketika berkenan menerima pesambah oleh penerima-penerima kurnia gelaran.



MENYAKSIKAN PAMERAN ... Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri ketika menyaksikan Pameran Gambar-gambar Istiadat Kenaikan Pangkat Gelaran dan Istiadat Mengurniakan Gelaran.

## Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

**M**ENURUT Kamus Dewan, semiotik ialah kajian mengenai tanda dan lambang terutamanya hubungan antara tanda dan lambang dengan benda atau idea yang dimaksudkan. Semiotik adalah satu teori yang dianggap penting dalam wacana bahasa dan juga sastera. Ia merupakan ilmu tanda yang memberikan teori mengenai sistem tanda.

Kemunculan teori semiotik ini diasaskan oleh Ferdinand de Saussure dan seterusnya diperkembangkan oleh Charles Sanders Pierce. Kedua-dua pelopor ini menggunakan perkataan yang berbeza terhadap pemakaian kata semiotik dalam bidang penelaahan yang dikemukakan. Pierce menggunakan kata semiotika, sementara de Saussure menggunakan kata semiologi. Pierce yang merupakan ahli falsafah dan logik berpendapat bahawa setiap hari manusia menggunakan tanda untuk berkomunikasi. Pierce memusatkan perhatian pada berfungsinya tanda pada umum. Sementara de Saussure yang merupakan seorang ahli linguistik pula mengembangkan teorinya melalui telaah linguistiknya bahawa bahasa adalah sistem tanda.

Istilah semiotik ini berasal daripada perkataan Yunani iaitu *semon* yang bererti tanda. Tanda yang dimaksudkan itu ada berbagai-bagai dan terdapat di mana-mana seperti isyarat, lambang, bendera dan lain-lain. Hal ini terjadi oleh kerana manusia adalah *homo semioticus* yang bermaksud manusia mencari erti pada barang-barang dan gejala-gejala yang mengelilinginya. Walau bagaimanapun, tanda yang dihasilkan itu dapat dibahagikan kepada tiga iaitu:-

1. Tanda yang dihasilkan oleh manusia yang wujud dari lambang dan isyarat. Misalnya menggunakan isyarat tangan bagi menunjukkan sesuatu arah, tempat dan sebagainya.

2. Tanda yang dihasilkan oleh binatang. Misalnya bunyi cicak ketika orang sedang berbicara.

3. Terdapat juga tanda yang dicipta oleh manusia. Misalnya seperti tanda-tanda di jalan raya, tanda-tanda produk yang dikeluarkan, tanda-tanda pangkat, tanda-tanda olahraga dan sebagainya.

Berdasarkan daripada asal tanda itu, maka tanda dapat ditetapkan. Lambang yang telah dihasilkan atau yang ditetapkan oleh manusia itu akan menjadi objek penelitian semantik. Lambang itu juga diistilahkan sebagai tanda yang mana tanda berkenaan merupakan objek penelitian semantik. Dari itu kedudukan semantik dalam semiotik itu dapat dijelaskan. Masyarakat itu diatur oleh pelbagai sistem. Sistem membahas sistem makna, sementara semiotik membahas teori mengenai tanda. Dari itu, masyarakat itu berdimensikan semiotik.

Dalam bidang semantik, semiotik ini terbahagi kepada sembilan bahagian iaitu semiotik analitik, semiotik deskriptif, semiotik faunal, semiotik kultural, semiotik struktural, semiotik normatif, semiotik naratif, semiotik sosial dan semiotik natural.

### 1. Semiotik Analitik

Iaitu menganalisis sistem tanda, menyatukan semiotik berobjekkan tanda dan tanda menganalisisnya menjadi idea, objek dan makna. Idea dapat dikatakan sebagai lambang, sedangkan makna adalah beban yang terdapat di dalam lambang yang mengacu kepada objek tertentu. Idea dapat dikatakan sebagai lambang yang mengacu kepada objek tertentu.

### 2. Semiotik Deskriptif

Semiotik deskriptif merupakan semiotik yang memerhatikan suatu sistem tanda yang berlaku di sekeliling kehidupan manusia. Setiap kejadian yang didahului oleh sesuatu tanda itu mempunyai maksud

yang perlu ditafsirkan oleh setiap manusia. Tanda kepada kejadian itu pula tidak akan pernah berubah dari dahulu sehingga sekarang. Misalnya, apabila hujan akan turun ke bumi tanda yang berlaku sebelum kejadian hujan itu ialah langit yang mendung. Apabila sahaja langit itu mendung maka tidak lama lagi hujan akan turun.

### 3. Semiotik Faunal

Semiotik faunal pula ialah sistem tanda yang dihasilkan oleh haiwan. Setiap pergerakan dan kelakuan haiwan itu mempunyai maksud dan tujuan tertentu. Sistem tanda yang dihasilkan oleh haiwan ini akan ditafsir oleh manusia melalui

Pemerhatian yang mendalam terhadapnya. Umpamanya, jika sekumpulan ayam (jantan dan betina) mengeluarkan nada yang riuh-rendah maka semua orang akan faham bahawa ada ayam betina sedang bertelur.

### 4. Semiotik Kultural

Semiotik kultural merujuk kepada tanda yang berlaku dalam kebudayaan masyarakat tertentu. Setiap masyarakat itu mempunyai suatu sistem tanda iaitu melalui budaya yang berbeza dengan masyarakat yang lain. Perbezaan budaya itu adalah hasil dari warisan setiap sesuatu masyarakat sejak turun-temurun. Misalnya, kita akan dapat membezakan masyarakat Dusun itu dengan masyarakat yang lain dengan perayaan Tamarok yang dirayakan oleh masyarakat Dusun itu. Dilihat dari sudut penggunaan bahasa pula setiap masyarakat itu mempunyai cara yang berlainan dengan masyarakat yang lain. Bagi masyarakat Melayu, kebudayaannya menentukan bahawa penutur-penuturnya tidak boleh menggunakan kata-kata yang kurang sopan kepada orang tua dan orang yang berkedudukan lebih

**MASYARAKAT** itu diatur oleh pelbagai sistem. Sistem membahas sistem makna, sementara semiotik membahas teori tentang tanda. Dari itu, masyarakat itu berdimensikan semiotik.

Dalam bidang semantik, semiotik ini terbahagi kepada sembilan bahagian iaitu semiotik analitik, semiotik deskriptif, semiotik faunal, semiotik kultural, semiotik struktural, semiotik normatif, semiotik naratif, semiotik sosial dan semiotik natural.

tinggi. Sebagai contoh, seorang rakyat dikatakan tidak manis kalau menggunakan ganti nama 'saya' apabila bercakap dengan raja tetapi adalah lebih sesuai jika kata 'saya' itu digantikan dengan 'patik'. Sekiranya seseorang itu menggunakan perkataan atau rujukan yang salah maka seseorang itu dikatakan melanggar tatasusila kebudayaan Melayu.

### 5. Semiotik Struktural

Menelaah sistem tanda yang dimanifestasikan melalui struktur bahasa seperti yang digunakan dalam penulisan sajak. Umpamanya perkataan 'ombak' yang boleh ditafsirkan sebagai rintangan kehidupan atau boleh juga ditafsirkan sebagai suatu kekejaman.

### 6. Semiotik Normatif

Menelaah sistem tanda yang dibuat oleh manusia yang wujud dari norma-norma. Misalnya tanda-tanda lalu lintas dan tanda-tanda papan tanda.

### 7. Semiotik Sosial

Menelaah sistem tanda yang dihasilkan oleh manusia yang berwujud lambang, baik lambang dalam bentuk kata maupun kalimat. Menelaah sistem tanda yang terdapat dalam tanda.

### 8. Semiotik Naratif

Menelaah sistem tanda dalam bentuk cerita lisan. Mitos atau cerita lisan yang memiliki kebudayaan yang tinggi. Misalnya dalam cerita Diangdangan ada terdapat perwatakan dari segi kebijaksanaan, kepahlawanan dan sebagainya.

### 9. Semiotik Natural

Semiotik natural merujuk kepada satu sistem tanda yang dihasilkan oleh alam. Ini bermakna bahawa segala yang berlaku secara alami (bukan disebabkan oleh manusia) itu adalah sebagai tanda sesuatu kejadian telah berlaku terhadap alam. Umpamanya, banjir yang melanda kawasan tanah rendah menandakan bahawa hujan lebat telah turun di kawasan sekitarnya. Selain itu, pokok yang tinggi bergoyang dengan kuat yang menandakan bahawa angin kencang telah bertiup di sekitar pokok itu.

Hubungan di antara semantik dan semiotik ini adalah penting bagi memberikan satu perincian terhadap sesuatu makna yang dihasilkan dan makna ini biasanya dihubungkan oleh sistem tanda.

Menurut pendapat Pierce, makna tanda sebenarnya adalah mengemukakan sesuatu yang disebut sebagai *representamen*. Apa yang dikemukakan oleh tanda, apa yang diacunya, apa yang ditunjukkan, disebut oleh Pierce sebagai *object*. Suatu tanda mengacu pada suatu acuan dan representasi seperti itu adalah fungsinya yang utama. Agar tanda dapat berfungsi harus menggunakan sesuatu

OLEH RAHMAT SALLEH

yang disebut *ground*. Manakala sesuatu yang dihubungkan dengan acuan, dari tanda yang asal berkembang suatu tanda baru disebut *interpretant*.

Pierce mengklasifikasikan tanda berdasarkan *ground* terbahagi kepada tiga iaitu:

1. **Qualisign** (berasal dari kata 'quality')
  - \* Tanda berdasarkan sifat
  - \* Misalnya: kasar, lembut, merdu dll.
2. **Sinsign** (berasal dari kata 'singular')
  - \* Tanda berdasarkan benda/bentuk/rupa yang nyata
  - \* Misalnya: menjerit, berdehem, kabur dll.
3. **Legisign** (lex iaitu hukum)
  - \* Tanda berdasarkan peraturan yang umum
  - \* Misalnya: tanda jalan raya dll.

Sementara itu beliau juga menjeniskan *object* itu kepada tiga:-

1. **Icon** (hubungan tanda dengan objek yang berupa kemiripan)
2. **Index** (tanda mengacu pada kenyataan)
3. **Symbol** (denotasinya ditentukan oleh peraturan umum/konvensi)

Dan *interpretant* juga dibahagikan oleh Pierce kepada tiga:-

1. **Rheme** (tanda yang memungkinkan orang mentafsirkan pilihan)
2. **Dicent sign** (tanda informasi tentang sesuatu)
3. **Argument** (tanda berdasarkan alasan yang tertentu)

Dalam semiotik pula mempunyai tiga aliran:

### 1. Konotasi : Roland Barthes

Aliran ini tidak berpegang pada makna primer dalam menelaah sistem tanda, tetapi berusaha mendapatkan makna tanda itu melalui makna konotasi.

### 2. Expansions : Julia Kristeva

Menelaah dengan menggunakan konsep yang terdapat di dalam linguistik dengan menambah analisis konsep psikoanalisis dan sosiologi.

### 3. Behaviours : Morris

Mengembangkan teori semiotik dengan jalan memanfaatkan pandangan yang berlaku dalam psikologi (skinner) yang tentu saja berpengaruh dalam linguistik. Aliran ini membahaskan bahasa sebagai stimulasi dan respon dari persoalan sistem tanda yang pengirim dan penerimanya.

### BIBLIOGRAFI:

Abdullah Hassan. 1992. *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Bloomfield, L., 1992. *Bahasa* (Ter. Alias Mahpol et al.), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

<http://www.geocities.com/kertasseni/pembahasan.htm>

<http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/jdb21/nov/jdb06.htm>

Lyons, J., 1977. *Semantics* Vol. 1 & 2, Cambridge, Cambridge University Press.

Nathes, S. 2001. *Makna Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ogden & Richards, 1956. *The Meaning of Meaning*. London, Routledge and Kegan Paul Ltd.

Palmer, F.R., *Semantics*, Cambridge, Cambridge University Press.

Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam. 1987. *Kajian Bahasa*. Fajar Bakti. Malaysia.

## PERATURAN RUANGAN SASTERA DAN BUDAYA

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar rencana mengenai Sastera dan Budaya untuk terbitan akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Rencana hendaklah dialamatkan kepada :  
PENERBIT SASTERA DAN BUDAYA,  
BAHAGIAN AKHBAR,  
TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS BB 3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Rencana mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Rencana hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer. Walau bagaimanapun gambar-gambar, lukisan, ilustrasi atau grafik boleh disertakan secara berasingan jika perlu.
4. Rencana tulisan tangan tidak akan diterima.
5. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
6. Rencana yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

# PERTAHANKAN NEGARA DENGAN SEMANGAT KUAT, KENTAL DAN BERANI

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaannya kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Tarikh 31 Mei adalah tarikh yang bersejarah dan menjadi ristaan bagi Negara Brunei Darussalam dan generasi yang akan datang iaitu tarikh Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Angkatan bersenjata mempunyai tugas yang sangat muni iaitu mempertahankan negara daripada segala ancaman dan pencerobohan musuh yang boleh menggugat keamanan dan kedaulatan negara. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam mempunyai pasukan angkatan bersenjata yang berkemampuan menjadi benteng utama kepada pertahanan negara. Dan kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini patutlah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala dan berbangga terhadap sumbangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tidak ternilai harganya kepada keamanan dan juga kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

Tugas mempertahankan agama dan negara amat besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu Wataala, seandainya kita gugur dalam menjalankan tugas tersebut insya Allah, Allah Subhanahu Wataala akan memberikan ganjaran pahala yang setimpal dengannya.

Ini bertepatan dengan maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Abi Daud dari

**"DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya di dalam syurga itu ada seratus darjat, yang disediakan Allah Subhanahu Wataala bagi orang yang berjihad pada jalan Allah. Di antara satu darjat dengan darjat yang lain seperti di antara langit dan bumi".**

Mu'az Radiallahuanhu dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Barangsiapa yang berperang di jalan Allah walaupun sebentar iaitu sekadar masa orang merah susu unta, maka wajib baginya syurga. Dan barangsiapa yang bermohon kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh untuk berjihad kemudian ia mati atau dibunuh, maka sesungguhnya baginya balasan syahid. Dan barangsiapa terluka di jalan Allah atau ditimpa kemalangan maka ia datang pada Hari Kiamat sederas darah yang mengalir ketika luka, warnanya seperti za'faran dan baunya bagaikan wangi kesturi."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda yang maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya di dalam syurga itu ada seratus darjat yang disediakan Allah Subha-


nahu Wataala bagi orang yang berjihad pada jalan Allah. Di antara satu darjat dengan darjat yang lain seperti di antara langit dan bumi." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya kemenangan dalam medan pertempuran atau pun dalam mempertahankan negara, bukan hanya terletak kepada keramaian bilangan tentera serta kalangan peralatan canggih sahaja. Tetapi memerlukan juga kepada semangat juang dan kekuatan mental, jiwa dan rohani. Inilah sikap yang patut ada pada setiap perajurit, semangat yang kuat, kental dan berani, tidak mudah mengaku kalah dan tidak takut mati. Jika mereka memiliki sifat tersebut, maka insya Allah akan melahirkan tentera yang berkualiti dan berdisiplin. Kekuatan tentera Islam itu sebenarnya berpunca dari kekuatan iman dan ikhlas berjuang kerana Allah Subhanahu Wataala semata-mata serta ketaatannya kepada ketua.

Kita imbas kembali kepada perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mempertahankan agama Islam, banyak perkara

yang dapat dijadikan iktibar dan dapat dicontohi dalam menjalankan tugas sebagai anggota angkatan bersenjata. Contohnya Peperangan Badar, angkatan tentera Islam yang bilangannya lebih kecil yang hanya seramai tiga ratus tiga belas orang, berbanding dengan bilangan tentera Musyrikin Mekah yang seramai seribu orang dengan kelengkapan yang mencukupi. Tetapi dengan keimanan yang kuat, keikhlasan dalam berjihad, dan sentiasa berdo'a kepada Allah Subhanahu Wataala, berzikir dan bersatu hati dalam mempertahankan agama, akhirnya tentera Islam dapat mengalahkan tentera Musyrikin dalam Peperangan Badar tersebut.

Di samping mengharap bantuan daripada Allah Subhanahu Wataala, perlu juga diingat bahawa peranan kebijaksanaan ketua dalam mengatur strategi peperangan juga amat penting. Itulah permulaan yang sangat-sangat perlu ditanamkan ke dalam jiwa setiap anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Negara Brunei Darus-



salam bagi menjaga dan memastikan keamanan negara, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyatnya sentiasa terjamin.

Adalah menjadi kewajipan orang yang dipimpin mentaati ketua mereka selagi perkara yang diarahkan tidak melanggar hukum Islam. Perkara mentaati ketua inilah yang dapat membentuk perajurit yang benar-benar bertanggungjawab dan rela berkorban

mempertahankan negara. Perkara taat dan patuh itu amat penting kerana tanpanya boleh memecah belahkan perpaduan dan persefahaman anggota angkatan bersenjata. Jika ini berlaku akan menyebabkan benteng pertahanan menjadi lemah. Sebagai contoh peristiwa Peperangan Uhud, di mana ketika tentera Islam mula menampakkan kematangan mereka, tentera pemanah mula keluar turun dari tempat pertahanan mereka dan melanggar perintah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sampai bertahan di lereng Bukit Uhud walaupun apa yang terjadi. Mereka juga turut mengingkari perintah ketua mereka Abdullah bin Jubair supaya taat kepada perintah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk bertahan. Maka akibatnya tentera Islam menghadapi ancaman musuh dan menyebabkan pertahanan kucar-kacir. Walau bagaimanapun tentera Islam masih dapat bertahan menghadapi serangan musuh disebabkan semangat jihad yang kental serta rasa taat dan cinta pada Allah dan Rasul-Nya,

walaupun ramai yang terkorban mati syahid.

Oleh itu, dalam kita memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata ini, para anggota tentera sekalian wajiblah mempertingkatkan keimanan dan memperbanyakkan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala. Berwaspada dan sentiasa mengharap keredaan Allah Subhanahu Wataala. Dengan niat yang suci, bekerja dengan jujur dan amanah mengikut ajaran agama Islam dengan demikian insya Allah, agama, raja, bangsa dan negara akan terpelihara dan selamat serta mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfaal ayat 45 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan musuh maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapi dan seballah serta ingatlah Allah Subhanahu Wataala dengan berdo'a banyak-banyak, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan."

## وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 13 ربيع الآخر، 1425 برسان دشن 2 جون، 2004 هيغك كهاري ثلاث، 19 ربيع الآخر، 1425 برسان دشن 8 جون، 2004 اداله سقرت دجاوه اين:-

| هجري       | ظهر   | عصر  | مغرب | عشاء | امساك | صبح  | شوروق | ضحي  | مسيحي |
|------------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|-------|
| ربيع الآخر |       |      |      |      |       |      |       |      | جون   |
| 13         | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 2     |
| 14         | 12.19 | 3.45 | 6.30 | 7.45 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 3     |
| 15         | 12.19 | 3.45 | 6.30 | 7.46 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 4     |
| 16         | 12.19 | 3.45 | 6.31 | 7.46 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 5     |
| 17         | 12.19 | 3.45 | 6.31 | 7.46 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 6     |
| 18         | 12.19 | 3.46 | 6.31 | 7.47 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 7     |
| 19         | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 | 4.33  | 4.43 | 6.06  | 6.31 | 8     |

وقت 2 سمبھيغ باكي دائره تونغ دقيه ساتو منيت دان دائره بلايت دقيه تيگ منيت، سمبھيغ فرض جمعة سلوروو نكارا بروني داراللام مولاي دري فوكل 12.45 تقهاري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda.

#### ADAKAH AZAB KUBUR BERTERUSAN ATAU SEBALIKNYA

**I**BNU Qayyim al-Jauziyah menyatakan bahawa azab itu ada dua macam iaitu azab yang tetap dan azab yang terputus. Azab yang tetap berdasarkan ayat firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Mereka didedahkan kepada bahan api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh)." (Surah Ghafir : 46).

Walaupun bagaimanapun dengan kehendak Allah Subhanahu Wataala azab boleh diringankan berdasarkan beberapa hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya:

1. Riwayat daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma, katanya:

Maksudnya: Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melalui dua buah kubur.

Lalu Baginda bersabda: "Sesungguhnya kedua-dua mayat ini sedang diazab dan bukanlah kedua-duanya diazab sebab dosa besar yang terlalu besar. Adapun salah seorangnya tidak bersuci daripada kencing dan yang seorang lagi kerana berjalan ke sana ke mari mengadu domba. Lalu Baginda mengambil pelepah buah tamar yang basah dan dipatahkan kepada dua bahagian. Kemudian Baginda pacakkan ke atas setiap kubur tersebut.

Mereka (sahabat-sahabat) bertanya: "Mengapa Tuan berbuat demikian?"

Baginda menjawab dan bersabda: "Mudah-mudahan diringankan azab kedua-dua mayat ini selama mana kedua pelepah ini belum kering." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

2. Riwayat daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang tafsirnya:

"Sesungguhnya apabila seseorang kamu meninggal dunia akan dibentangkan kepadanya tempat duduk pada waktu pagi dan petang. Sekiranya dia ahli Syurga maka dia penghuni ahli Syurga dan sekiranya dia ahli Neraka maka dia adalah penghuni ahli Neraka."

Lalu dikatakan kepadanya: "Inilah tempat dudukmu sehingga Allah membangkitkan engkau semula di Hari Kiamat." (Hadis riwayat Bukhari).

Manakala azab yang putus ialah seseorang yang diazab dengan api Neraka pada suatu waktu yang ditentukan kemudian ia dikeluarkan semula daripada azab tersebut. Sebagai contoh seseorang yang diazab disebabkan dosanya kemudian ia dikeluarkan atau diringankan daripada azab tersebut disebabkan oleh doa, pahala sedekah, pahala haji atau pahala bacaan Al-Quran yang sampai kepada si mati oleh ahli keluarga atau orang lain. Ini sesuai dengan firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (perto-

## AZAB KUBUR: SABIT BERDASARKAN AL-QURAN DAN HADIS

longan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya." (Surah Al-Baqarah : 255).

Ibnu Abi Ad-Dunia menyebutkan satu cerita Abdullah bin Nafi' katanya: "Telah mati seorang lelaki daripada orang Madinah lalu aku melihat dia seolah-olah sebagai ahli Neraka dan dia sangat berdukacita kerana yang demikian itu. Kemudian selepas beberapa ketika aku melihatnya pula seolah-olah sebagai ahli Syurga. Lalu aku bertanya: "Tidakkah engkau berkata bahawa engkau tergolong daripada ahli Neraka." Dia menjawab: "Sememangnya begitu (sebagaimana yang aku katakan kepadamu) kecuali setelah dikuburkan bersama-sama kami ini seorang yang salih dan kerananya telah mendapat syafaat seramai empat puluh orang di sekeliling kuburnya dan aku termasuk daripada mereka yang mendapat syafaat itu."

Inilah ringkasan perkataan Ibnu Qayyim di dalam kitabnya Ar-Ruh mengenai persoalan azab kubur itu berterusan atau sebaliknyanya. (Ar-Ruh : 107-109).

#### KEDUDUKAN HADIS AHAD DALAM HUJAH

Ada sebahagian orang yang mendakwa bahawa azab kubur tidak sabit kerana hadis-hadis yang mengkhabarkan kesahihan azab kubur adalah hadis Ahad.

Al-'Allamah al-Kauthari berkata: "... Kemudian memakai hadis Ahad pada dalil hukum syarak adalah sabit dan nyata dengan disokong oleh dalil-dalil qath'i dan pmutus bahawa hadis Ahad memberi ilmu yakin betul benar isi kandungannya tiadalah ada ragu-ragu padanya walaupun ia dinamakan hadis Tunggal (Ahad), bagaimana telah ditegaskan oleh Al-Imam Abul Hasan Al-Karkhi dan As-Sam'aani dalam kitab Al-Qawathi', Al-Imam Al-Ghazali dalam kitab Al-Mustashfa dan Al-Imam Abul Aziz Al-Bukhari dalam kitab Syarh Ushul Fakhru'l Islam. (Fatwa Mufti Kerajaan: 4/90 (Fatwa Berturut Bil : 71)).

Menurut pengarang kitab Al-Aqidah Al-Islamiyah wa Ususuha bahawa kebanyakan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang sampai kepada kita ialah

menerusi jalan Ahad. Jika hadisnya sahih, ia membawa ilmu zanni kepada periwayatannya. Ini memberi faedah bahawa ia difahami pasti datang daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, tetapi tidak seperti aqidah kita kepada mutawatir. Walaupun begitu, sesetengah hadis Ahad yang mengandungi persoalan aqidah ada yang diterima umat Islam pada zaman awal Islam dengan penerimaan sepenuhnya tanpa bantahan. Hadis Ahad seperti ini meningkat ke taraf 'riwayat mutawatir' dengan mengambil kira kandungannya telah diambil dan diterima pakai umat Islam tanpa bantahan. Dengan itu hadis Ahad seperti ini jadilah 'mutawatir makna', dan dari itu pula ia membawa faedah yang sama pada riwayat 'mutawatir lafzi'. (Abdul Rahman Hanakah al-Midani: h. 37).

Imam Syafi'e Rahimahullah telah mensabitkan bolehnya berhujah dengan hadis Ahad sebagaimana terdapat banyak tempat di dalam kitab-kitab beliau khasnya ketika dalam perbahasan atau munazzah. Hadis Ahad dipakai beliau apabila hujah yang diperlukan tidak jumpai dalam Al-Quran, Sunnah dan Ijmak atau yang semakna dengannya." (Ar-Risalah: 596 - 598 & Abu Zuhrah, As-Syafi'e : 308).

Al-Baqilani pula berkata: "Adalah wajib mengamalkan hadis Ahad jika perawinya bersifat adil dan tidak bertentangan dengan nas yang lebih kuat daripadanya ..." (Al-Baqilani, At-Tamhid: 164).

#### PENUTUP

Berdasarkan fakta atau hujah daripada Al-Quran, sunnah dan perkataan ulama adalah sabit wujudnya azab kubur. Al-Imam Al-Qadi Ali bin Al-Izz Ad-Dimsyqi dalam kitab Syarh Al-Akidah At-Thahawiyah menyebutkan bahawa telah mutawatir segala hadis daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada sabitnya azab kubur dan nikmatnya serta soal dua Malaikat. Maka wajib beriqtidad akan sabitnya yang demikian dan beriman dengannya. Janganlah kita per-

الْإِسْلَامُ وَالْحَقُّ

#### IRSYAD HUKUM

DARI LABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

#### Bilangan 181 Bahagian Akhir

soalkan atau bercakap mengenai kaifiyah (caranya) kerana akal tidak akan berhenti pada memikirkannya." (Syarh al-Akidah At-Thahawiyah: 456).

Imam Abu Hanifah pula menyebutkan di dalam kitabnya al-Fiqh al-Akbar bahawa sempitnya kubur dan azab kubur itu adalah benar kepada mayat kafir sekaliannya dan sebahagian daripada yang derhaka daripada orang-orang yang beriman. (Al-Fiqh Al-Akbar:)

Maka ada pula dakwaan sesetengah penganut ugama dan fahaman yang menyeleweng yang menyangka apabila jasad manusia dibakar dengan api sehingga menjadi abu atau ditenggelamkan ke dasar laut, jasad itu terlepas daripada azab barzakh iaitu azab kubur. Perkara ini telah disangkal dan ditolak oleh Al-Imam al-Qadi Ali bin Al-Izz Ad-Dimsyqi dalam kitab Syarh al-Akidah at-Thahawiyah katanya:

"Dan ketahui olehmu bahawa azab kubur itu adalah azab barzakh. Maka sesiapa yang telah mati adalah berhak bagi azab yang tertentu ke atasnya sama ada dikuburkan atau tidak dikuburkan, yang memakan akan dia oleh binatang buas atau hangus terbakar sampai menjadi abu dan diterbangkan ke udara, atau disalib atau tenggelam di laut, nescaya sampailah kepada roh dan jasadnya daripada azab sebagaimana yang sampai kepada mayat yang dikuburkan." (Syarh al-Akidah at-Thahawiyah : 457)

Dari hujah dan keterangan ini, maka tertolaklah segala pendapat dan anggapan orang yang mengingkari azab kubur sebagaimana pada akhir-akhir ini turut menaksikan adanya pendapat dan anggapan yang sedemikian daripada penulis-penulis celupar yang bertopengkan Islam tetapi sebenarnya mengingkari ajaran Islam.

WALLAHUAKLAM

## Hidup berjiran

**D**ARIPADA Ka'ab bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Empat puluh rumah di sekitar kamu adalah tetangga." (Riwayat Al-Imam At-Thabrani).

Hadis di atas menjelaskan bahawa jiran tetangga itu bukan sahaja orang-orang yang tinggal berdekatan dengan kediaman kita, bahkan dihitung hingga empat puluh rumah dari setiap penjuru sama ada kanan, kiri, depan, belakang, atas dan bawah. Mereka itulah yang dikatakan jiran tetangga.

Dari Abu Syuraih, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda di hadapan para sahabat yang bermaksud:

"Demi Allah dia tidak beriman, demi Allah dia tidak beriman, demi Allah dia tidak beriman." Kemudian Baginda

Mempunyai jiran seharusnya kita tahu menjaga nilai-nilai pergaulan hidup bermasyarakat. Apabila salah seorang jiran mendapat kesusahan, jiran yang lain seharusnya mem-

Tetapi dalam kehidupan sekarang ini, semangat kejiranan sudah semakin hambar sehinggakan ada orang yang tidak kenal siapa jiran tetangganya. Sebahagian mereka lebih

منوجو كرىضان الله  
Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

suka hidup memencilkan diri dan tidak mengambil berat dan peduli mengenai kesusahan dan masalah jiran dan menganggap ia sebagai suatu perkara peribadi yang tidak perlu campur tangan. Mereka lebih senang mengamalkan sikap individualistik. Tidak mahu bermesra dengan jiran kerana bimbang akan menyusahkan dirinya sendiri di kemudian hari. Apabila kemesraan sudah terjalin tentulah tidak ada perasaan segan untuk minta bermacam-

macam.

Oleh itu bagi mengelakkan perkara tersebut terjadi adalah lebih baik mengamalkan dasar tutup pintu terhadap jiran sehinggakan untuk menghadihkan senyuman pun terlalu mahal supaya jiran takut untuk berhubung dengannya.

Ada juga sesetengah jiran yang suka memperbesarkan-besarkan masalah kecil, kerana disebabkan anak-anak berkelahi semasa bermain, ibu bapa ikut

**OLEH** itu bagi mengelakkan perkara tersebut terjadi adalah lebih baik mengamalkan dasar tutup pintu terhadap jiran sehinggakan untuk menghadihkan senyuman pun terlalu mahal supaya jiran takut untuk berhubung dengannya.

campur sehingga membawa kepada perselisihan yang berpanjangan. Dari Abu Syuraih Al-Khuza'i Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa beriman kepada Allah dan Hari Akhirat (Kiamat), maka hendaklah ia berbuat baik kepada jiran tetangganya." (Riwayat Imam Muslim).

Oleh itu hendaklah kita membuat kebaikan sesama jiran sebagai tanda mahabih dan persaudaraan, kita digalakkan supaya sentiasa berhati-hati dalam pergaulan dan tutur kata. Kadangkala kita berjiran dengan pelbagai bangsa dan ugama yang mempunyai adat resamnya sendiri, di sinilah kita perlu menyesuaikan diri kita dengan keadaan mereka tanpa melanggar batas-batas ugama.

## Juarai Dikir Syarafil Anam

Oleh  
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 21 Mei. - Kumpulan Dikir Jabatan Bandaran muncul sebagai juhan di Pertandingan Dikir Syarafil Anam Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di sini.

Kemenangan yang mewakili Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan sekali gus mengeneikan empat buah pasukan yang lainnya termasuk me-

nyingkirkan johan tahun lalu pasukan Dikir Jabatan Penjara.

Sementara menduduki tempat kedua ialah Kumpulan Sinaran Bomba dari Jabatan Perkhidmatan Bomba dengan mengutip 86 peratus dan ketiga dimenangi oleh Kumpulan Jabatan Daerah Brunei dan Muara setelah dibezakan 0.5 peratus.

Hadir menyaksikan pertandingan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman.

Manakala pada 7 Mei yang lalu, majlis yang sama juga telah diadakan bagi Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Keme-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan plakat kepada Kumpulan Dikir Jabatan Bandaran. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

terian Perhubungan.

Hadir sama di majlis tersebut itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.

Majlis hari itu turut diserikan Pertandingan Dikir Syarafil Anam diikuti dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Drs. Mohd. Syahrini dari Pusat Da'wah Islamiah.

## Pertandingan Kebersihan dan Landskap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dengan kerjasama Pertubuhan Perumpulan Perempuan (W) pada tahun ini akan mengadakan Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap bagi Daerah Brunei dan Muara.

Dalam siaran akhbar jabatan tersebut menjelaskan di antara tujuan mengadakan pertandingan ialah bagi memberi dorongan dan penghargaan kepada individu atau pertubuhan yang menyumbang kepada kecantikan dan menjaga kebersihan kawasan masing-masing dalam Daerah Brunei dan Muara. Ianya juga diharapakan dapat menanam sifat cintakan kebersihan dan seni landskap kepada setiap ahli masyarakat.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada kategori-kategori berikut :-

**Kategori Rumah Persendirian**

Landskap bagi kawasan

Rumah Persendirian; Landskap bagi kawasan Rumah Persendirian Skim Perumahan Negara; Landskap Rumah Persendirian di Kampong Ayer dan Landskap Rumah Persendirian Skim Perumahan Perpindahan di Kampong Ayer.

**Kategori Kampung**

Landskap dan kebersihan persekitaran kampung; Landskap dan kebersihan persekitaran kampung di Kampong Ayer.

**Kategori Sekolah**

Landskap dan kebersihan persekitaran sekolah rendah; Landskap dan kebersihan persekitaran sekolah menengah.

**Kategori Premis Komersil**

Landskap dan kebersihan persekitaran stesen minyak; Landskap dan kebersihan persekitaran premis komersil (atas nama bangunan).

Orang ramai dan per-

tubuhan-pertubuhan yang layak adalah dialu-alukan untuk menyertai pertandingan tersebut bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan Perayaan Hari Keputeraan, menyumbang ke arah kecantikan dan menjaga kebersihan kawasan, dan dalam masa yang sama berpeluang untuk memenangi hadiah serta pengiktirafan.

Borang-borang penyertaan bagi Pertandingan Seni Landskap dan Kebersihan tersebut, boleh diperolehi dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Pembangunan, Kompleks Pejabat Kerajaan Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, telefon nombor : +673 2 383222 sambungan 520. Faks : +673 2 383644.

Borang penyertaan hendaklah juga dikembalikan kepada alamat di atas. Tarikh tutup menerima borang penyertaan hari Khamis 10 Jun 2004.

# Kaji implikasi dasar ekonomi perniagaan ASEAN



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin.

GADONG, 12 Mei. - Salah satu rukun dalam masyarakat ASEAN adalah integrasi ekonomi sebagai petunjuk jalan ke arah penubuhan Masyarakat Ekonomi ASEAN (AEC) iaitu kesinambungan ASEAN mengenai kerjasama dalam bidang ekonomi, sementara di bawah AEC, ASEAN akan menjadi pasaran dan pangkalan bagi penghasilan pengaliran makanan yang bebas, pelaburan, pekerjaan yang berke-

mahiran dan menjadi pusat pada tahun 2020.

Manakala untuk melancarkan proses tersebut, ia perlu diberi perhatian, membawa pembaharuan dalam menarik ASEAN ke arah suasana kepelbagaian ekonomi dan menjadi lebih responsif dalam memenuhi penglibatan masyarakat perniagaan, pendapat dan keperluan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin di Majlis Pembukaan Forum Serantau Pusat Pengurusan ASEAN EC (AEML) Mengenai Perdagangan dan Dasar Pelaburan ASEAN : Apa Implikasinya?, berlangsung di Pusat Peng-

Oleh  
Siti Aishah HS

urusan ASEAN-EC.

Beliau menambah, dengan adanya forum sedemikian akan dapat mengenal pasti isu-isu utama dasar yang kritikal dalam perlaksanaannya dan penghalang dasar berkenaan serta perlunya pembelajaran terhadap implikasi dasar yang berkaitan ekonomi dan perniagaan ahli negara ASEAN.

Justeru itu, forum yang diadakan dapat dijadikan sebagai arena untuk menambah jaringan kerjasama bersama para pembentang kertas kerja

dan peserta melalui pertukaran pandangan, pengetahuan dan pendapat masing-masing.

Forum sehari itu akan membentangkan lima buah kertas kerja daripada pakar dalam bidang perekonomian ASEAN dari dalam dan luar negeri.

Antara matlamat utama forum tersebut diadakan ialah untuk membentangkan dan membincangkan pembangunan status perdagangan ASEAN serta dasar pelaburan, di samping menyediakan mekanisme di bidang perniagaan dan mewujudkan kerjasama di antara ahli negara rantau ASEAN bagi mencapai keupayaan

dalam perdagangan ASEAN selain mengukuhkan jaringan kerjasama di antara ahli perniagaan dan pelabur dengan menyediakan tempat dan mengadakan forum individu, menjemput mereka yang berkemahiran dan ahli dalam beberapa bidang untuk bertukar pandangan, pengetahuan dan pendapat.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin juga hadir di majlis itu selaku tetamu kehormat.

## PENTADBIRAN POS KOREA TEGAH PENGIMPORAN DAGING

JABATAN Perkhidmatan Pos memaklumkan bahawa Pentadbiran Pos Republik Korea telah memaklumkan bahawa daging dan jenis makanan dibuat dari daging binatang ditegah masuk ke negara berkenaan.

Tegahan ini dibuat kerana untuk mengelak dari jangkitan penyakit :

1. Penyakit kuku dan mulut
2. Bovine Spongiform Encephalopathy (BSE)
3. Avian Influenza
4. Chronic Wasting Disease (CWD)

Sehubungan dengan itu, Pentadbiran Pos Korea mengingatkan supaya pengimportan barang-barang berkenaan tidak dilakukan.

## PGGMB adakan Kursus Motivasi Penuntut

Oleh  
Siti Aishah HS

mengadakan Kursus Motivasi Penuntut bagi Tingkatan Tiga dan Empat.

Pembukaan rasmi kursus tersebut berlangsung di sekolah berkenaan yang dirasmikan oleh Timbalan Presiden PGGMB, Awang Haji Badar Ali selaku wakil peribadi tetamu kehormat,

Awang Haji Antin bin Ahad, Presiden PGGMB.

Majlis dimulakan Lagu Kebangsaan, kemudiannya disusuli dengan persembahan koir oleh PGGMB dan doa penuntut.

Setelah itu, Pengetua PGGMB berucap disusuli ucapan wakil tetamu kehormat, Awang Haji Badar Ali kemudiannya menyampaikan sijil-sijil kepada beberapa orang penuntut yang mempunyai disiplin yang tinggi dan baik.



TIMBALAN Presiden PGGMB, Awang Haji Badar Ali ketika hadir di Kursus Motivasi Penuntut sebagai wakil peribadi Presiden PGGMB.

## MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

# MENINGKATKAN DISIPLIN PELAJAR

**A**DALAH menjadi satu matlamat bagi sesebuah negara untuk sentiasa maju dan membangun dalam suasana aman dan sejahtera. Negara Brunei Darussalam tidaklah terkecuali dari kenyataan ini dan adalah menjadi hasrat dan matlamat negara untuk melahirkan masyarakat dan individu yang berkualiti dan berdisiplin. Salah satu mekanisme untuk mencapai hasrat dan matlamat tersebut ialah dengan memberi tumpuan kepada pembangunan akhlak rakyatnya yang mana hendaklah bermula dari bangku persekolahannya. Ini adalah kerana pelajar-pelajar merupakan kumpulan rakyat yang akan menjadi pemimpin hari esok. Untuk menjadi seorang pemimpin, pelajar-pelajar hendaklah menanam sifat-sifat positif ke dalam hati sanubari masing-masing. Ini bermakna setiap pelajar perlulah mendisiplinkan diri untuk menjadi seorang yang berguna dan berbakti kepada

negara.

Memanglah diakui bahawa tidak semua pelajar dalam sesebuah sekolah atau maktab itu mempunyai disiplin yang baik tetapi apa yang perlu dilaksanakan ialah supaya pihak sekolah tersebut sentiasa berusaha untuk menanganikan sebarang masalah yang boleh menjejaskan disiplin di sekolah berkenaan.

Dalam konteks meningkatkan disiplin pelajar, disiplin perlulah dilihat dari pelbagai sudut iaitu dengan mengenal pasti asas-asas dan perkara-perkara yang membawa ke arah pembentukan disiplin seseorang pelajar itu. Terdapat beberapa perkara yang boleh mempengaruhi disiplin seorang pelajar dan tiga daripadanya yang perlu diberi perhatian ialah sistem dan Peraturan Sekolah, Sistem Kaunseling dan Kepimpinan Pendidik.

Sistem dan Peraturan Sekolah merupakan perkara penting dalam meng-

awal disiplin pelajar-pelajar tetapi ianya perlulah disediakan supaya tidak akan mendatangkan masalah dalam pelaksanaannya. Namun begitu, ia perlulah diperketatkan dan dipatuhi oleh semua pihak dalam sekolah berkenaan, iaitu pelajar-pelajar, pengajar-pengajar dan pekerja-pekerja yang lain. Pelajar yang baik dan berdisiplin hendaklah dijadikan modal atau contoh dalam sekolah berkenaan dan jika boleh pihak sekolah perlulah menyediakan sistem pendorong atau perangsang dalam perkara tersebut.

Sistem Kaunseling merupakan satu mekanisme atau proses dalam menangani masalah disiplin. Ia perlulah dilaksanakan untuk mengenal pasti perkara-perkara yang menjadikan seseorang pelajar itu bermasalah disiplin dan melalui proses kaunseling ini, bimbingan dan nasihat yang positif akan dapat disalurkan kepada pelajar sedemikian.

Kepimpinan Pendidik atau guru merupakan kunci utama dalam sistem pendidikan sekolah dan seorang guru itu perlulah mempunyai kualiti dan sifat kepimpinan yang positif. Islam menyuruh setiap individu supaya mendisiplinkan diri dengan berkelakuan baik dan berakhlak mulia. Dalam hubungan ini, menerapkan nilai-nilai Islam dalam pendidikan sangatlah penting untuk diamalkan. Guru-guru yang mempunyai kualiti kepimpinan sedemikian sudah setentunya akan dapat membentuk dan melahirkan pelajar-pelajar yang baik, berguna serta berakhlak mulia.

Walaupun perkara-perkara yang disentuh itu adalah tertumpu kepada isu-isu persekolahan, ini tidaklah bermakna disiplin pelajar itu diserahkan dan dipertanggungjawabkan kepada pihak sekolah sepenuhnya untuk membentuknya. Pihak keluarga adalah juga mempunyai peranan dalam perkara ini

dan begitu juga dengan pelajar itu sendiri. Dalam pada itu, pihak atau agensi tertentu yang lain perlulah juga memberi sumbangan ke arah meningkatkan disiplin pelajar-pelajar melalui aktiviti-aktiviti taklimat dan ceramah yang mana bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat dan pendedahan ke atas kesan-kesan negatif akibat dari gejala-gejala sosial yang tidak sihat.

Apa yang penting dalam meningkatkan disiplin pelajar ialah kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat iaitu keluarga, pihak sekolah, agensi berkaitan dan pelajar. Dalam konteks ini, pembentukan disiplin pelajar dapatlah diibaratkan sebagai sehelai kain putih yang akan diukir oleh pemiliknya.

**Mahmud bin Haji Ibrahim,**  
No. 11A, Jalan Serusop,  
Kampong Serusop,  
Berakas, BB 2313.  
No. k/p : 00-042584

**MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Meningkatkan Disiplin Pelajar'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

## Kenakan tindakan tegas

**S**EORANG pelajar yang mempunyai kepintaran dan kepandaian dalam pelajaran itu tidak berguna sekiranya tidak mempunyai disiplin diri yang baik. Ada juga sesetengah pelajar yang sangat teruk pada pelajaran dan bertambah buruk pula kerana tidak berdisiplin sama sekali. Seorang pelajar yang patut menjadi contoh ialah pelajar yang mempunyai disiplin diri yang baik dan prestasi pelajaran yang cemerlang.

Untuk mendidik anak bangsa kita supaya dapat menjadi pemimpin yang berwibawa di masa depan, ia hendaklah bermula dari pendidikan yang diperolehinya di peringkat sekolah. Guru-guru bukan saja mendidik anak murid mereka supaya berjaya dalam pelajaran, malahan juga disiplin dan akhlak mereka perlu diasuh dan dibentuk dengan corak yang sempurna. Sebagai pengajar dan pendidik, kita perlu memperlihatkan contoh yang baik untuk menjadi ikutan mereka. Umpamanya dalam soal kehormatan, sekiranya seorang guru itu datang lewat semasa mengajar sudah pasti anak muridnya akan membuat perkara yang sama. Inilah yang menyebabkan disiplin pelajar kurang baik. Seperti kata pepatah Melayu 'harapkan pagar, pagar makan padi'.

Hidup sebagai seorang pelajar, mempunyai tanggungjawab yang besar pada pelajaran dan peraturan sekolah. Pelajaran yang diajarkan di sekolah adalah untuk memberi jaminan hidup masa depan mereka, akan tetapi setiap peraturan yang ada di sekolah itu adalah bertujuan untuk

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Suburkan Sikap Bersopan Santun Berbudhi Bahasa'. Tarikh tutup 9 Jun 2004.
2. 'Hi-Tech Memerlukan Pendidikan Vokasional dan Teknikal'. Tarikh tutup 16 Jun 2004.

Pendapat awda hendaklah ditulis jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,**  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.  
emel: pelita@brunet.bn

membangun disiplin dan peribadi yang baik bagi pelajar itu sendiri. Seorang pelajar yang peka pada pelajarannya dan mempunyai akhlak serta disiplin diri yang baik adalah seorang pelajar yang cemerlang dan berjaya. Ini kerana pelajar itu akan sentiasa memberi perhatian semasa guru mengajar dan akan menghormati guru dengan merendahkan suara dan berkata-kata yang baik di depan mereka. Pelajar itu juga akan patuh pada peraturan sekolah seperti berpakaian kemas, tidak poteng, melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum yang diadakan di sekolah dan banyak lagi.

Baru-baru ini terdapat kes pergaduhan yang terjadi semasa pelajar sekolah menengah sewaktu ibu bapa mengambil anak-anak mereka pulang dari sekolah. Keadaan ini sungguh memalukan dan mengaibkan kerana telah mendapat perhatian media lebih-lebih lagi disebabkan pada pihak luar yang ikut campur dalam pergaduhan itu, bukan untuk menghentikan perkelahian itu malahan turut serta menyakiti mangsa yang teraniaya tersebut.

Kes ini bukan yang pertama malahan sudah lama terdapat kes-kes pergaduhan budak sekolah seperti ini dan ia telah melanggar disiplin dan peraturan sekolah. Pelajar yang tidak mempunyai disiplin dan tidak bermoral seperti mereka ini patut diambil tindakan yang tegas supaya mereka sedar perbuatan yang tidak baik itu dan tidak mengulangnya lagi.

Mencegah itu lebih baik daripada mengubati, maka pihak sekolah patut mengadakan sesi kaunseling atau pembimbingan rakan sebaya bagi pelajar yang bermasalah supaya dapat menasihati mereka agar tidak terjerumus dengan kegiatan yang tidak baik seperti memakan dadah dan banyak lagi.

Pelajar yang tidak mempunyai pendidikan agama dari sekolah agama tidak akan mengetahui selok-belok ajaran agama yang menyuruh pada kebaikan dan melarang pada keburukan iaitu 'Amar makruf nahi mungkar'. Dengan adanya ilmu agama, seorang pelajar itu akan dapat menanamkan sifat-sifat yang mulia dan terpuji supaya mempunyai akhlak murni. Dalam Islam, kita dituntut untuk mentaati Allah dan Rasul-Nya kita juga perlu mentaati kedua-dua ibu bapa dan menghormati orang yang lebih tua dan sesama saudara. Dengan adanya penerapan agama pada individu pelajar, ia pasti sedar betapa pentingnya penjagaan disiplin dan akhlak yang sempurna untuk dirinya sendiri dan juga untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

**Nor Azalina binti Haji Abdullah,**  
No. 1A, Kampong Pelambayan, Simpang 482-40,  
Jalan Kota Batu, BD 2317.  
No. k/p: 00-299338

## Guru-guru, ibu bapa sama-sama berperanan

**P**ENDIDIKAN walau apa jua bentuknya sangat penting bagi semua orang, apatah lagi bagi penuntut-penuntut sekolah mahupun institusi pendidikan tinggi. Mereka perlulah pendidikan yang berterusan supaya dapat digunakan di dalam dunia yang serba berubah lagi mencabar ini. Oleh itu adalah penting bagi penuntut dan juga pengajar untuk bekerjasama agar proses pendidikan ini dapat berjalan ke tahap maksima.

Terdapat pelbagai masalah yang menghalang belakunya proses pembelajaran. Sebagai contoh, disiplin pelajar. Masalah disiplin bukanlah sesuatu yang baru, tetapi ia sudah wujud dari dulu lagi. Pelbagai masalah ditimbulkan di antaranya ponteng sekolah, memogut, merokok dan lain-lain lagi.

Persoalan yang timbul sekarang, bagaimana hendak menghadapi atau menyelesaikan masalah disiplin di kalangan pelajar? Ini merupakan satu persoalan yang selalu dibangkitkan di mana-mana saja.

Jika dilihat pada perkataan 'pelajar' memang nyata ia berhubung kait dengan persekolahan dan disebabkan ini ramai pihak beranggapan masalah disiplin harus dipikul

oleh pihak sekolah sahaja.

Tetapi harus diingat pelajar tidak berada 24 jam di sekolah. Mereka juga merupakan ahli di dalam sebuah keluarga. Oleh itu pihak ibu bapa juga perlu bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah disiplin. Pendek kata meningkatkan disiplin pelajar adalah tanggungjawab bersama di antara guru-guru dan juga ibu bapa.

Seorang pelajar mempunyai minat masing-masing. Guru-guru dan ibu bapa selalu lupa akan kenyataan ini sehingga tanpa menyedari telah memaksa pelajar untuk membuat sesuatu yang mereka kurang minat atau tidak suka. Akhirnya mereka berasa tertekan dan membuat perkara-perkara yang dilarang, sekali gus melanggar disiplin sekolah mahupun di rumah.

Sebagai alternatif, seorang pelajar seharusnya diberikan ilmu pengetahuan mengenai akibat sesuatu perbuatan sama ada baik mahupun buruk. Dengan mengetahui akibat yang boleh dihadapi hasil perbuatan sesuatu perkara seorang penuntut secara logiknya tidak akan membuat perkara yang akan memusnahkan diri mereka.

Ilmu pengetahuan

yang dirasakan sesuai untuk menyedarkan pelajar ialah ilmu agama. Pihak sekolah ada menyediakan beberapa mata pelajaran yang berunsur agama. Seperti 'pengetahuan agama Islam' dan juga 'Melayu Islam Beraja'. Kedua-dua mata pelajaran ini dapat memberikan seorang penuntut 'kayu penyukat' yang boleh digunakan sebelum membuat perkara-perkara yang melanggar disiplin. Sementara itu pihak ibu bapa boleh mengingatkan anak-anak (pelajar) mereka dengan melihatkan perkara-perkara yang baik agar menjadi amalan kehidupan.

Sebagai kesimpulan, masalah disiplin adalah tanggungjawab bersama baik untuk guru-guru dan juga ibu bapa serta merupakan perkara yang perlu dititikberatkan agar tidak memusnahkan masa hadapan pelajar. Ini kerana jika masalah disiplin dibiarkan berleluasa ia boleh 'membesar' dan bukan sahaja memusnahkan hidup pelajar di masa hadapan, malah membawa kesan negatif kepada bangsa dan negara.

**Haji Mohd. Hairul Azaman,**  
No. 38B, Kampong Tamoi Tengah, BL 2112.  
No. k/p : 00-284683

## REMAJA

# BILA MEDIA INTERNET MERUBAH KEHIDUPAN DAN MINDA KITA

OLEH H. A. MANAP

RAMAI yang merasakan dalam kemelut dan pergolakan perubahan yang berlaku sekarang terlalu banyak kemudahan yang mempercepat hubungan dan penyebaran maklumat. Kecepatan dan ketangkasan ini bukan sahaja menjadikan maklumat masa kini semakin menjadi tumpuan semua akan tetapi ia telah mempelbagaikannya dengan beraneka macam. Kesan dari perubahan ini juga telah membawa bersama perubahan setiap individu kepada pelepasan maklumat yang didedahkan. Cara berfikir juga tidak terlepas dari perubahan dan kemudahan teknologi yang dianggap paling canggih di zaman kita ini. Maklumat di hujung jari sudah menjadi salah satu dari kiasan untuk menyatakan betapa pantas dan cepat perubahan sekeliling yang berlaku.

Penyebaran maklumat yang salah semakin menjadi-jadi, penyebaran maklumat yang tidak sesuai dengan kehendak agama, tatasusila yang halus dan baik tidak lagi diambil kira. Akhirnya jadilah medan ini sebagai wadah yang diisikan dengan perisian maklumat di antara kebaikan dan negatif. Justeru bila kita menjadi pengguna yang bijak kita akan dapat melihat perubahan ini sebagai salah satu jalan membina diri dan bukan jalan membawa kepada kerosakan diri. Misalnya penyaringan maklumat, lawatan ke laman-laman web harus diambil kira dari pelbagai perspektif yang betul. Banyak orang mungkin akan mudah terbawa-bawa dengan kemudahan maklumat dan bentangan beraneka perkara hanya dengan menekan punat di hujung jari.

Namun kemudahan teknologi yang terbentang di hadapan kita juga tidak kurang membawa gejala dan kesan negatif yang bukan sahaja menjadi perosak fikiran, malahan ia juga merubah kebiasaan seseorang dengan menjadikannya sebagai platform yang tidak tepat. Orang sekarang sudah semakin tidak kekuk lagi dalam menentukan apa yang mereka inginkan untuk didedahkan di khalayak ramai. Kita sekarang juga tidak henti-hentinya terus dibanjiri dengan pelbagai maklumat yang betul dan salah, tohmahan, kritik dan bermacam lagi yang hanya menjurus kepada inilah perubahan yang sudah memasuki ruang kehidupan kita.

Cemuh, kritikan dan tohmahan juga semakin menjadi-jadi, seolah-olah ini adalah cara

terbaik dan betul untuk dilakukan. Ternyata bila ini berlaku banyak yang menjadi mangsa dan tidak mampu dan berdaya untuk mempertahankan diri dan sebagainya. Akhirnya terjadilah penyebaran maklumat yang salah dan tidak bermoral. Semuanya berlaku dengan mudah, pantas dan tiada sempadan. Inilah salah satu dari gejala perubahan yang mengakibatkan perubahan berfikir dan bertindak bagi kita. Segalanya terbentang dan didedahkan tanpa ada lagi batas yang boleh menghadangnya. Kitalah sebenarnya yang berperanan sama ada mahukan yang positif atau sebaliknya. Sebenarnya teknologi masa kini menjadikan kita semakin dekat dengan dunia sekeliling. Lawatan ke tempat-tempat lain melalui internet juga sudah semakin pantas dan mudah. Kita dapat sahaja mengetahui akan pelbagai perkara dengan hanya memintas dan meneliti melalui jari ke punat komputer ke mana kita inginkan.

Inilah dunia internet dan teknologi canggih masa kini yang menghiasi ruang lingkup hari-hari yang kita lalui. Bagi pelajar dan penuntut-penuntut sekolah mereka semakin mudah mendapatkan pelbagai maklumat pendidikan yang sangat membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka. Tahap dan kualiti yang mereka lahirkan juga sudah semakin meningkat ke satu tahap, bila mana kita merasakan perubahan besar berlaku di dalam daya fikir dan pandangan mereka. Banyak yang merasakan mereka semakin cepat dewasa. Kedewasaan ini adalah kerana kemudahan yang berligar di per-sekitaran dan kemudahan maklumat yang mudah diperolehi.

Mereka boleh menjadikan dunia internet sebagai akses segera yang menjadi rujukan dan panduan bagi mana-mana perkara pelajaran yang kurang jelas pada mereka. Perubahan ini secara tidak disedari mewarnai dunia kehidupan kita masa kini. Namun dalam kita menghadapi dan melalui perubahan yang pesat dan pantas ini, kemudahan inilah juga menjadikan cara dan minda kita berubah. Perubahan inilah yang mesti kita nilai dan perhatikan, apakah cara kita berfikir berubah dengan betul atau sebaliknya. Walaupun demikian kita mestilah sedar bahawa kemudahan teknologi yang canggih ini adalah kurnia besar dari Allah Subhanahu Wataala untuk meningkatkan kesedaran kita, betapa kecilnya kita ini dan hendaknya kemudahan ini kita pergunakan dengan sebaiknya.

## PERADUAN MENULIS RENCANA 2004 JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN MENANGANI ISU SOSIAL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PENDAHULUAN

JAWATANKUASA Kebangsaan Menangani Isu Sosial telah mengenal pasti tiga isu utama masalah sosial iaitu keganasan rumah tangga, seks bebas di kalangan remaja dan penyalahgunaan dadah.

Dalam hal yang berkaitan, salah satu aktiviti bagi tahun 2004 yang telah dirancang oleh jawatankuasa ini bagi menangani tiga isu utama tersebut ialah Peraduan Menulis Rencana Antisocial.

Melalui Peraduan Menulis Rencana ini, dihasratkan supaya masyarakat akan dapat memberi inspirasi dalam membentuk dan mewujudkan keluarga bahagia dan harmoni yang mana akan dapat menghindari dari berlakunya tiga isu sosial yang disebutkan di atas dan menyumbang idea/pendapat yang bernas yang dapat memberi/ meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan keluarga. Ini adalah kerana keluarga memainkan peranan yang penting dalam sama-sama membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang serta bebas dari tiga isu utama antisocial.

### OBJEKTIF

- 2.1 Memberi peluang kepada pelajar-pelajar dan orang awam mengeluarkan idea melalui penulisan.
- 2.2 Untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam menulis rencana.
- 2.3 Untuk mendapatkan idea-idea yang bernas bagi mengenal pasti:
  - 2.3.1 Punca-punca masalah antisocial.
  - 2.3.2 Cara-cara mengatasinya.

### KATEGORI PENYERTAAN

- 3.1 Sekolah Menengah Atas (Menengah 4 dan Menengah 5)
- 3.2 Maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi
- 3.3 Sektor awam/swasta

### SYARAT PERADUAN

- 4.1 Rencana mestilah menumpukan/memfokus kepada keluarga bahagia dan harmoni bagi mengelakkan/mengurangkan kejadian:
  - 4.1.1 Keganasan rumah tangga
  - 4.1.2 Seks bebas
  - 4.1.3 Penyalahgunaan dadah

- 4.2 Jumlah perkataan adalah mengikut kategori yang ditetapkan.

- 4.2.1 Sekolah menengah atas - tidak kurang 350 perkataan.
- 4.2.2 Maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi - tidak kurang 500 perkataan.
- 4.2.3 Sektor awam/swasta - tidak kurang 800 perkataan.
- 4.3 Menggunakan bahasa Melayu.
- 4.4 Rencana hendaklah ditaip dalam jarak dua langkah.
- 4.5 Rencana yang berjaya akan dipilih untuk dicetak.
- 4.6 Semua borang penyertaan bolehlah didapati dan dihantar tidak lewat 17 Julai 2004, jam 3.00 petang kepada:

- \* Penyambut Tetamu, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama.
- \* Penyambut Tetamu, Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tungku.
- \* Bahagian Bantuan Kebajikan Am, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- 4.7 Borang yang lewat sampai pada tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 4.8 Hanya lima (5) hadiah berserta sijil akan diberi pada setiap kategori, iaitu hadiah pertama, kedua, ketiga dan dua (2) hadiah saguhati.

- 4.9 Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan diterima/dilayan.

### HADIAH

- 5.1 Sekolah Menengah Atas
 

|                   |   |          |
|-------------------|---|----------|
| Pertama           | - | \$150.00 |
| Kedua             | - | \$100.00 |
| Ketiga            | - | \$ 75.00 |
| Dua (2) sagu hati | - | \$ 50.00 |
- 5.2 Maktab dan Institusi Pengajian Tinggi
 

|                   |   |          |
|-------------------|---|----------|
| Pertama           | - | \$200.00 |
| Kedua             | - | \$150.00 |
| Ketiga            | - | \$100.00 |
| Dua (2) sagu hati | - | \$ 75.00 |

### 5.3 Sektor Awam / Swasta

|                   |   |          |
|-------------------|---|----------|
| Pertama           | - | \$250.00 |
| Kedua             | - | \$200.00 |
| Ketiga            | - | \$150.00 |
| Dua (2) sagu hati | - | \$100.00 |

### BORANG PERADUAN MENULIS RENCANA JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN MENANGANI ISU SOSIAL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 2004

#### Kategori Penyertaan:

Sekolah Menengah Atas  
Maktab-maktab dan Institusi Pengajian Tinggi  
Sektor awam/swasta

Nama Penuh : .....

Tarikh Lahir: ..... Warganegara: .....

No. Kad Pengenalan Pintar/Warna: .....

Alamat: .....

Sekolah/Maktab (jika berkenaan): .....

No. Tel.: ..... No. Tel. Pejabat: .....

Saya bersetuju menerima sebarang keputusan hakim seperti yang terkandung dalam syarat-syarat Peraduan Menulis Rencana.

Tandatangan peserta: Tandatangan Pengetua (jika berkenaan)

Tarikh: Cop Sekolah / Maktab



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin Abdullah menyempurnakan perletakan batu asas bangunan baru asrama lelaki dan perempuan Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Kuala Belait.

## Pelbagai promosi sempena Hari Telekom Sedunia

KUALA BELAIT, 17 Mei. - Sempena menyambut Hari Telekom Sedunia tahun ini 'Hari Mesra Pelanggan' Jabatan Telekom Brunei (JTB) Cawangan Daerah Belait mengadakan beberapa promosi selama tiga hari bagi menarik perhatian pelanggannya.

Antara promosi yang diadakan termasuk promosi tanpa pembayaran pendaftaran bagi mendapatkan pemasangan e-speed diteruskan dan akan

berakhir esok. Selain promosi itu jabatan berkenaan juga memberikan tawaran pembelian halo kad dan prepaid kad sejumlah \$10.00 ke atas diberikan percuma \$2.00 kad-kad berkenaan selain itu hadiah-hadiah diberikan kepada pelanggan yang membeli atau membayar bil telefon sejumlah \$50.00 ke atas.

Para pelanggan yang datang ke jabatan tersebut juga dihidangkan dengan

beraneka jenis makanan dan minuman serta berpeluang menyertai permainan sepanjang sambutan kelmari antaranya memasukkan bola ke lubang golf serta membaling dat dengan tepat akan diberikan hadiah istimewa. Para pelanggan juga berpeluang membawa pulang pen sebagai hadiah cenderamata. Tema sambutan tahun ini ialah 'ICT Menerajui Ke Arah Pembangunan Yang Berpanjangan'.



PELANGGAN yang membayar bil telefon sejumlah \$50.00 ke atas diberikan hadiah istimewa sempena menyambut Hari Telekom Sedunia.

## 10 sekolah rendah sertai Kejohanan Senaman

KUALA BELAIT, 19 Mei. - Sebanyak 10 sekolah menyertai Kejohanan Senaman Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Ke-27 yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar di sini.

Setiap sekolah menghantar dua pasukan lelaki dan perempuan di kejohanan tersebut yang bertujuan untuk melaksanakan dan memenuhi kalender Jabatan Ko-kurikulum, Kementerian Pendidikan, di samping memilih wakil sekolah dari daerah ini

untuk dipertandingkan ke peringkat senegara yang akan diadakan nanti di Bandar Seri Begawan.

Sehubungan itu tahun ini, Sekolah Rendah Sungai Tali diamanahkan untuk menjalankan kejohanan tersebut dan peng-

# Perletakan batu asas asrama MKJB

KUALA BELAIT, 19 Mei. - Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) akan mempunyai bangunan baru asrama pelajar-pelajar lelaki dan perempuan maktab berkenaan pada awal tahun depan.

Sehubungan itu, Majlis Perletakan Batu Asas bagi pembinaan asrama tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaaq bin Abdullah yang diadakan di kawasan tapak bangunan tersebut di sini.

Kerja-kerja pembinaan

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

bangunan tersebut telah bermula pada akhir bulan Disember 2003 yang mengambil masa 18 bulan untuk menyiapkan keseluruhan bangunan tersebut dijangka siap pada 13 Mei tahun depan berharga \$5,303,204.00 merupakan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-7.

Kawasan tapak bangunan tersebut seluas 3.5 ekar. Satu blok asrama lelaki

tiga tingkat mempunyai 77 unit tidur boleh menampung 154 pelajar setiap unit bagi dua orang dilengkap dengan tandas, tempat mandi dan mencuci tangan. Selain itu lain-lain kemudahan yang akan diperolehi di blok asrama berkenaan bilik sembahyang tempat berwuduk, bilik pelawat, pejabat warden, tempat mencuci pakaian, stor dan gelanggang sukan.

Sementara itu satu blok asrama perempuan dua tingkat pula mempunyai 37 unit bilik tidur setiap unit menempatkan dua orang pelajar yang juga dilengkapi dengan kemudahan yang sama seperti blok asrama lelaki. Selain itu juga dibina rumah warden lelaki dan perempuan, blok dewan makan, laluan beratur yang menghubungkan bangunan asrama lelaki dan perempuan dengan dewan makan, tempat letak kereta bagi kedua-dua asrama berkenaan, pondok pengawal keselamatan dan tempat pembuangan sampah.

## Peraduan Tulisan Jawi mendapat sambutan menggalakkan

KUALA BELAIT, 15 Mei. - Pengerusi Peraduan Tulisan Jawi bagi sekolah-sekolah bukan kerajaan Daerah Belait, Cikgu Hajah Ragimah binti Amat berkata, tulisan jawi boleh diterima oleh semua guru dan pelajar-pelajar tanpa mengira bangsa dan agama.

Ekoran sambutan menggalakkan daripada tujuh sekolah bukan kerajaan yang menyertai peraduan tersebut sempena sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di Sekolah St. John di sini. Seramai 18 pelajar menengah bawah beragama Islam, bukan beragama Islam pula seramai 16 orang manakala menengah atas beragama Islam seramai 18 orang dan bukan beragama Islam 12 orang dan 11 orang guru menyertai peraduan berkenaan.

Beliau menambah dengan adanya peraduan tersebut sebagai langkah yang amat penting bagi melahirkan generasi yang benar-benar berkesan serta mampu menyumbangkan tenaga bagi dan negara di masa akan datang disamping untuk mengeratkan persahabatan di antara sekolah-sekolah bukan kerajaan di daerah ini.

Beliau juga berkata perkembangan tulisan

jawi tiada dapat ditandingi oleh mana-mana tulisan di muka bumi ini, sehubungan itu, beliau menekankan agar tulisan tersebut dipelihara dan mengendahkan tulisan tersebut hingga ke akhir zaman.

Peraduan dibahagi kepada lima kategori A1 (menengah bawah 1, 2 dan 3) beragama Islam, kategori A2 (menengah 1, 2 dan 3) bukan beragama Islam, kategori B1 (menengah atas 4 dan 5) beragama Islam, kategori B2 (menengah atas 4 dan 5) bukan beragama Islam kategori C (guru-guru) lelaki dan perempuan.

Tetamu kehormat Pegawai Pengajian Islam Daerah Belait, Hajah Norlia binti Haji Mohd. Yusof menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Johan kategori A1, Nurul Ikmar binti Othman dari Sekolah St. James, naib johan Firdaus bin Julaihi dari Sekolah St. Michael dan tempat ketiga, Dahyah binti Mohd. Yunus dari

Sekolah St. Margaret, sementara johan kategori A2, Lau Hong Ho dari Sekolah Chung Hua Kuala Belait; naib johan, Yonne Yunnika Jamal dari Sekolah St. Angela dan tempat ketiga, Han Kar Yee dari Sekolah Chung Hua Kuala Belait.

Kategori B1 pula johan, Elza binti Wahab dari Sekolah St. Margaret, naib johan, Nur Aisyah binti Mohammad dari Sekolah St. Angela dan tempat ketiga, Rozyeannah binti Joebit dari Sekolah St. James, manakala kategori B2 johan, Vivian Kuan Lee Hung dari Sekolah St. Angela; naib johan, Debbie Yew Siew Khim dari Sekolah St. James dan tempat ketiga, Magson anak Manggau dari Sekolah St. Michael dan bagi kategori C, johan, Cikgu Liew Shin Min dari Sekolah St. James; naib johan, Cikgu Yusmaida binti Haji Yunus dan tempat ketiga, Cikgu Marsidah binti Haji Mohd. Yahya dari Sekolah St. Angela.

Peraduan bertujuan bagi menggalakkan dan memberi peluang kepada para peserta menguasai bakat dan minat yang sedia ada semata-mata untuk membentuk tulisan jawi dengan betul dan lebih sempurna.

Sementara itu kelmari juga diadakan peraduan yang sama peringkat Daerah Belait yang dibuka kepada guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah-sekolah rendah dan menengah yang diadakan di Sekolah Agama Paduka Sultan Omar Ali Saifuddin di sini.

Peraduan dianjurkan oleh jawatankuasa tertinggi sambutan bagi Daerah Belait kali ke-14 dibahagikan kepada tujuh kategori termasuk kategori pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam, kanak-kanak istimewa dan saudara-saudara baru. Peraduan bertujuan bagi mengasah dan minat yang sedia ada dalam menulis tulisan jawi dengan kaedah betul.



TEKUN ... Pelajar-pelajar ini mencuba kebolehan masing-masing di Peraduan Tulisan Jawi bagi sekolah-sekolah bukan kerajaan Daerah Belait.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Yusof menyampaikan hadiah kepada pemain pasukan Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

## Penyerahan bangunan baru Mahkamah KB

KUALA BELAIT, 17 Mei. - Mahkamah Majistret dan Mahkamah Rendah Syariah akan mula beroperasi di bangunan baru Mahkamah Kuala Belait pada 24 Mei ini. Sehubungan itu majlis penyerahan rasmi bangunan baru itu telah disempurnakan di antara Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kehakiman Negara.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Talipudin bin DSP Haji Talib selaku konsultan projek mewakili Jabatan Kerja Raya, manakala Pemangku Pengarah Kehakiman Negara,

Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang mewakili Jabatan Kehakiman Negara. Majlis diadakan di bangunan tersebut di Jalan Maulana di sini.

Hadir menyaksikan majlis penyerahan tersebut Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Md. Yusop bin Bakar dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan jabatan kerajaan yang terlibat. Projek pembinaan bangunan baru mahkamah tersebut menelan belanja \$4,882,170.16 itu menempatkan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Rendah Syariah.

Sebelum ini Mahkamah Majistret ditempatkan di bangunan lama Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait.

Dengan adanya bangunan tersebut ianya diharapkan akan dapat sedikit sebanyak memberikan peningkatan kepada mutu dan keberkesanan perkhidmatan kedua-dua mahkamah iaitu dengan menyediakan suasana kerja yang lebih kondusif, lengkap dan sebagai pusat bagi memudahkan lagi orang ramai khususnya penduduk daerah ini berurusan dengan pihak kedua-dua mahkamah berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Talipudin bin DSP Haji Talib menyampaikan kunci bangunan kepada Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dengan disaksikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Md. Yusop bin Bakar.



BANGUNAN baru Mahkamah Kuala Belait yang akan menempatkan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Rendah Syariah.

## Jabatan Bandaran KB - Seria muncul juara

KUALA BELAIT, 16 Mei. - Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria muncul juara setelah menumpaskan Jabatan Daerah Brunei Muara 5-0 dalam Kejohanan Akhir Bola Sepak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan di Padang Bandaran di sini.

Muhd. Azri Jeri menjadi wira Jabatan Bandar-

Berita dan gambar-gambar oleh  
Dk. Hajah Saidah PHOA

an Kuala Belait dan Seria menyumbat tiga gol ke pintu pihak lawan. Gol pertama dibuat pada minit ke-7 dan gol keduanya pada minit 13. Pintu gol Jabatan Daerah Brunei-Muara dibolosi lagi melalui sepakan kencang Muhd. Said Johari.

Sekali lagi Muhd. Azri menambah satu gol dan sebelum perlawanan tamat, Haji Muhd. Affendi Julaihi menambah satu lagi gol. Tetamu kehormat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Yusof hadir me-

nyaksikan perlawanan dan menyampaikan hadiah.

Kejohanan tersebut kali kedua dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, kali pertama diadakan pada tahun 1993. Piala pusingan disumbangkan oleh Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Sebanyak enam pasukan mewakili Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Format perlawanan dibahagikan dua kumpulan dan dua pasukan daripada tiap-tiap kumpulan meneruskan ke perlawanan suku akhir, separuh akhir dan akhir.

Perlawanan bola sepak tersebut bagi mencungkil pemain-pemain bola sepak yang berbakat untuk diserapkan dalam pasukan kementerian berkenaan, di samping itu bagi menjalinkan kemesraan di antara pegawai-pegawai atasan dan kakitangan di semua peringkat dalam jabatan masing-masing serta meninjau perkembangan daerah terutama sekali jabatan-jabatan yang mempunyai cawangan di semua daerah.



KETUA Pasukan Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria menjulang piala kemenangan sambil disaksikan oleh tetamu kehormat.

## Sekat tumpahan minyak di perairan negara

KUALA BELAIT, 13 Mei. - Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) sentiasa peka dalam menjaga kebersihan alam sekitar negara ini dari sebarang pencemaran baik di laut, darat mahupun udara.

Sehubungan itu, syarikat tersebut menganjurkan Kursus Persediaan Menangani dan Bertanggungjawab Penyelesaian Tumpahan Minyak Bertahap Organisasi Maritim Antarabangsa peringkat pertama yang diadakan di Perkhidmatan, Pengangkutan dan Logistik BSP di sini.

Kursus lima hari itu disertai oleh 25 peserta BSP dan beberapa buah jabatan kerajaan seperti Jabatan Bomba, Laut, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Daerah Belait yang bertujuan mengenal pasti peralatan digunakan bagi membantu menyekat tumpahan minyak di kawasan laut daripada merebak, di samping mengenal pasti keadaan alam sekitar negara ini jika kejadian itu berlaku seperti yang pernah berlaku di

luar negara.

Kursus yang sama akan diadakan secara berperingkat-peringkat sehingga peringkat kelima dengan penyertaan berkumpulan diketuai pelatih yang mempunyai pengalaman dalam tugas berkaitan.

Peringkat pertama kursus tersebut menunjukkan

cara memasang dan menggunakan peralatan penting ketika menjalankan tugas di luar pantai bagi menyekat tumpahan minyak daripada merebak ke dasar laut dan pantai perairan negara.

Sepanjang kursus yang dikendalikan bersama Jabatan Kesihatan dan

Keselamatan Alam Sekitar serta Pusat Pembelajaran dan Pembangunan BSP itu peserta mengikuti latihan secara praktikal termasuk latihan pembersihan, pengawalan dan penyekatan minyak yang disusuli taklimat mengenai tugas-tugas berkaitan yang disampaikan oleh Kaptain Yogara.



PESERTA kursus melakukan kerja-kerja memasang dan menggunakan peralatan menyekat tumpahan minyak di pantai perairan Kuala Belait.

# RUMAH AWDA ADALAH 'LOMBONG EMAS'!

**R**AHSIA memperoleh pendapatan dari B\$100 - B\$1,000 setiap hari di rumah sendiri atau di mana-mana saja awda berada merupakan anugerah Allah Taala yang tiada nilainya. 'Ibarat si buta mendapat tongkat!' dan 'Bulan jatuh ke riba'. Kaedahnya sungguh PRAKTIKAL dan mudah. Berupaya memberikan kejayaan dengan cara yang lebih mudah dan cepat. Kaedah yang mudah dipelajari dan difahami. Orang lain boleh berjaya, awda pun diJAMIN boleh BERJAYA, insya-Allah. Ini adalah PANDUAN BEBAS MASA DAN WANG yang amat bernilai yang boleh awda laksanakan.

Awda tentu tertanya-tanya bagaimana cara untuk memperoleh pendapatan sehingga B\$1,000 sehari hanya dari meja makan di rumah awda. Sekarang awda boleh mempelajari RAHSIA BAGAIMANA untuk mencari wang yang banyak hanya dari rumah. Bagaimana awda boleh melepaskan diri daripada belenggu masalah kewangan dan hutang-piutang serta memperoleh nilai kebebasan diri, masa dan juga yang paling UTAMA ialah kebebasan kewangan sepanjang hayat awda. Bagaimana merasai hidup yang SEBENAR. Buku ini mengandungi RAHSIA tersebut.

Bagaimanakah caranya untuk TIDAK BERGANTUNG hidup kepada orang lain ataupun dengan maksud lain tidak perlu hidup awda diuruskan oleh orang lain. Awda tidak perlu diarahkan untuk melakukan kerja itu dan ini dan ditimbuni kerja-kerja yang tidak berkesudahan walaupun pendapatan yang diterima tidak seberapa. Yang bertambah kekayaannya dan semakin tinggi status dan pangkatnya ialah majikan atau BOSS awda, bukan awda!

Pelajarilah cara untuk mencari wang di rumah dengan penuh selesa, tanpa perlu menghadapi kesesakan jalan raya, tekanan di tempat kerja dan masa bekerja yang panjang, yang semuanya telah menyebabkan semakin bertambah golongan pesakit jiwa dan mental. Pelajari bagaimana untuk menggunakan masa yang 'minima' tetapi dapat menghasilkan pendapatan yang MAKSIMA. Seperti kata pepatah bahawa 'masa itu EMAS'. Dan bekerjalah dengan 'BIJAK' bukannya bekerja 'KUAT'.

Rumah awda sebenarnya adalah 'Lombong EMAS'. Juga merupakan 'Bank Kewangan' yang menghasilkan pendapatan dan kewangan yang berlipat ganda. Ramai orang tidak mengetahui hakikat ini. Mungkin mereka tahu, tetapi oleh kerana 'Mind-Set' (Set Minda)

**"DIGALAKKAN atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilan persepuluh daripada rezeki."**

kita telah 'diprogram' oleh pemikiran 'sekular', 'pendidikan sekular' yang kita terima, maka kita hanya 'dikhabarkan' semasa bersekolah formal 'bersekolah hingga ke universiti, hidup untuk 'makan gaji'. Dan di rumah ibu bapa mengajar anak-anak: 'Sekolah tinggi-tinggi, masuk universiti, cari kerja makan gaji...' Jarang, atau tiada langsung ibu bapa atau guru menggalakkan anak, dan anak muridnya, belajar tinggi-tinggi, masuk universiti... tamat kuliah, BEKERJA SENDIRI! Sedangkan Islam dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan:

*"Digalakkan atas*

*kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilan persepuluh daripada rezeki."* - (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

'Bekerja Bijak' dan mengamalkan Perniagaan Dalam Rumah dengan masa yang minima sahaja pun sudah dapat menghasilkan timbunan emas. Buku panduan ini bukannya menyediakan peluang pekerjaan kerana kami tidak mahu awda bergantung hidup kepada kami, sebaliknya awda sendiri boleh berusaha dengan jayanya melalui TUNJUK AJAR kami. Jika kami memberi kepada awda 'seekor ikan setiap hari', sampai bila kami mampu meny-

diakan ikan untuk awda? Dan awda juga sudah tentu akan muak dan jemu jika makan ikan yang sama setiap hari. Tetapi jikalau kami memberikan JORAN atau alat-alat untuk menangkap ikan dan mengajar awda cara untuk menggunakannya, sudah tentu awda boleh menangkap dan makan pelbagai jenis ikan sampai bila-bila. Dan sudah tentu awda mempunyai banyak pilihan untuk menikmati rasa pelbagai ikan. Malah awda boleh mendapatkan jumlah ikan yang lebih banyak lagi.

"Jika saya berikan satu ekor ikan, dia akan makan ikan satu kali. Jika saya berikan dia ilmu menangkap ikan, dia akan makan ikan seumur hidupnya." - Pepatah Cina.

## BUAT WANG (DUIT/DOIT)

Inilah yang dicari oleh ramai manusia kerana jika tahu caranya maka ia boleh menjadikan seseorang itu kaya raya. Ia-

nya bukan bererti mencetak wang atau membuat wang palsu kerana melakukan hal ini merupakan suatu dosa dan jenayah. Tetapi USAHA ini menghasilkan sesuatu yang dibayar dengan harga yang lumayan dan boleh menghasilkannya dengan banyak. Sebagaimana penulis buku ini (saya) yang boleh menghasilkan wang dengan lumayan hanya menggunakan sedikit idea dan kertas biasa serta mesin fotokopi sahaja. Saya hanya MENJUAL IDEA yang dapat menghasilkan wang yang banyak. Harus diingat bahawa dari segi membuat wang, awda tidak akan menjadi kaya jika tidak dilakukan tiga perkara berikut:

1. Buat wang yang banyak;
2. Simpan sebahagian wang yang diperolehi dan
3. Leburkan wang untuk memperoleh wang yang lebih banyak.

INGATLAH! Mereka yang menjadi kaya raya itu ialah mereka yang BIAK buat dan simpan wang. Mereka ini mampu berfikir untuk membuat wang dan mampu pula menjadikan wang beranak pinak. Mereka tidak bekerja terlalu kuat tetapi bekerja dengan bijak (WORK SMART) dan tahu FORMULA mencipta kekayaan. Mereka mampu membuat lebih banyak wang sedangkan masa bekerja mereka singkat sahaja. Mereka mempunyai masa untuk melancong bersama ke-

gram-program tambahan seperti kelas tambahan dan remedial bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran berkenaan.

Pairama Bahasa Melayu dan budaya Melayu yang bermaksud, musim bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kebahasaan dan budaya Melayu diungkapkan oleh Sekolah Saint Andrew's dan merupakan kali kedua dengan harapan akan dapat merangsang minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu serta dapat menggunakan Bahasa Melayu itu secara praktikal dalam pelbagai media antaranya syarahan, bahas, bercerita dan menyanyi.

Majlis pagi itu turut disajikan dengan persembahan budaya dari penuntut-penuntut pelbagai bangsa di samping berpuisi dan bercerita.

# BERNIAGA .... 'DUIT' DoI:T di rumah

Rahsia 2  
Bahagian Kedua

Cetusan minda Ummi Salmah

SIRI  
MINDA KREATIF

luarga atau pergi membeli belah. Jika boleh, memang semua orang mahu untuk membuat wang tetapi hanya sedikit sahaja yang tahu cara-caranya untuk menjadi kaya.

## DERITANYA BILA TIADA WANG

Ini terjadi bila awda tiada wang dan awda malas berfikir dan bekerja. Lebih teruk lagi ialah keadaan apabila awda rajin bekerja tetapi tiada wang. Alangkah beruntungnya orang yang tidak (lagi) bekerja tetapi banyak wang. Dari mana dia dapat wang? Itu rahsia ... tetapi jika awda ingin mengetahui caranya, awda boleh terus membaca buku ini di mana saya akan menerangkan bagaimana hidup seperti tidak bekerja tetapi mempunyai banyak wang dan masa. Ia adalah sebahagian kecil sahaja yang dapat didedahkan. Bacalah buku ini berkali-kali dan cubalah fahami setiap saranan dan idea yang diberikan. Dan paling utama ialah awda mahu mencubanya sendiri.

Tidak ada gunanya jika awda hanya membaca banyak judul buku motivasi kejayaan dan program serta saranan cara untuk membuat duit tetapi awda tidak mengamalkannya. Tetapi AWAS jangan sampai awda terperangkap dalam 'SKIM CEPAT KAYA' kerana ia bukannya boleh menambahkan kekayaan awda tetapi akan lebih memiskinkan lagi hidup awda. BUKA MINDA dan cara pemikiran awda dan pelajarilah perkara baru serta

jangan takut kesilapan dan kegagalan. MINDA awda adalah seperti PAYUNG TERJUN, apabila DIBUKA ia BERFUNGSI. Tanpa kegagalan sudah pasti tiada kejayaan kerana kedua-duanya adalah pasangan kembar yang sentiasa berjalan seiringan. Awda tidak boleh memisahkan di antara duanya. Jika awda gagal sekali kemudian awda mencari punca kegagalan tersebut dan awda mencuba lagi dengan keadaan yang lebih baik dan bersedia, insya-Allah awda akan memperoleh kejayaan tersebut. Kejayaan memang sangat hampir dengan awda jika awda mahu mencuba.

## FIKIRAN DAN MINDA SERING MENJADI PENGHALANG JIKA TIDAK DIARAHKAN HALA TUJUNYA

Fikiran dan minda kita adalah 'KEHIDUPAN KITA'. KITA adalah HASIL daripada APA YANG KITA FIKIRKAN! Jika kita fikirkan hidup ini susah, maka susahlah kita! Jika kita fikirkan hidup ini senang maka senanglah kita! AWDA adalah APA YANG AWDA FIKIRKAN! Kesusahan, kemiskinan, kegagalan, kesenangan, kekayaan dan kejayaan BERSUMBER dari AKAL FIKIRAN KITA. OTAK kita adalah seperti 'MAGNET'. Apabila ia menguasai FIKIRAN kita, maka kekuatan itu akan menjadi daya tarikan yang kuat terhadap kekuatan yang lain terhadap orang lain dan terhadap keadaan sekitarnya. Semangat ENTHUSIAS dan DESIRE merupakan SYNERGI yang LUAR BIASA untuk menghasilkan kekayaan dan kejayaan diri awda!

"Sesiapa saja mampu memulakan sesuatu tetapi hanya orang yang bersungguh-sungguh sahaja yang mampu menamatkannya." - Kata Pujangga.

Bersambung

## Pelajaran Bahasa Melayu penting dipelajari

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 April. - Penolong Pengarah Sekolah-Sekolah Bukan Kerajaan, Jabatan Sekolah-Sekolah Datin Hajah Asmah berkata, bagi membolehkan setiap calon atau pelajar disokong untuk dinaikkan darjah, seterusnya mestilah lulus peperiksaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan PSR, PMB, BGCE Peringkat 'O' dan 'N'.

Sementara bagi pelajar-pelajar yang memohon dermasiswa belajar di peringkat pengajian tinggi sama ada dalam mahupun luar negeri, tegasnya, mestilah lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mendapat keputusan kredit bagi mendapatkan pengurniaan dermasiswa.

Penolong Pengarah Sekolah-Sekolah Bukan Kerajaan, Jabatan Sekolah-

Oleh  
Abu Bakar HAR

Sekolah menyatakan perkara tersebut di Majlis Pairama Bahasa Melayu dan Budaya Melayu Kedua Sekolah St. Andrew's dekat ibu negara di sini.

Awal dari itu Datin Hajah Asmah menerangkan Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara dan pernyataan tersebut telah tertakut dalam Perlembagaan Ber-tulis Negara Brunei Darussalam 1959 Perenggan 82 (1).

Sehubungan dengan itu, katanya, selaku masyarakat yang bermastautin di negara ini wajiblah mengamalkan, mempraktikkan, mempelajari dan membudayakan Bahasa Melayu kerana mata pelajaran Bahasa Melayu me-

rupakan salah satu mata pelajaran wajib bagi pelajar-pelajar sekolah di negara ini.

Kerana itu, katanya, untuk membantu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Melayu Islam Beraja (MIB), Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah telah menempatkan guru Bahasa Melayu ke beberapa buah sekolah bukan kerajaan yang mana menurutnya sedikit sebanyak dapat menampung kekurangan guru yang berkemahiran dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Kepada pengetua dan guru-guru sekolah, beliau menyeru supaya akan dapat menggandakan lagi usaha dalam meningkatkan pencapaian pelajar-pelajarnya dalam mata pelajaran tersebut, di samping mengadakan pro-

# ASEAN akan tubuhkan badan iktiraf kemahiran tenaga kerja



PARA Pegawai Kanan Buruh ASEAN + 3 dalam Sidang Akhbar di akhir mesyuarat yang berlangsung di negara ini baru-baru ini. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

JERUDONG, 12 Mei. - Negara-negara ASEAN akan menubuhkan sebuah badan yang bertanggungjawab mengiktiraf tahap kemahiran tenaga kerja sebelum mereka diterima bekerja di kalangan negara-negara anggota.

"Selaras dengan penubuhan badan pengiktirafan kemahiran itu satu piawaian mengenai tahap kemahiran tenaga kerja akan dirumuskan dan bertindak sebagai garis panduan dan pengukur bagi negara-negara anggota sebelum menerima kemasukan pekerja asing," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang

Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin dalam sidang akhbar selepas berakhir Mesyuarat Pegawai Kanan Buruh ASEAN + 3, hari ini.

Menurutnya, program yang sudah diluluskan pelaksanaannya oleh ASEAN yang dijangka dapat membantu negara yang memerlukan khidmat pekerja asing mengenal pasti tahap kemahiran, pengalaman dan kesesuaian setiap pekerja asing dengan pekerjaan yang menanti mereka.

Pengiktirafan kemahiran itu yang tidak membabitkan penilaian terhadap pencapaian tahap akademik pekerja

Oleh Samle HJ

sedang di peringkat kajian dan pengumpulan data mengenai corak dan tahap kemahiran tenaga kerja yang dihasilkan oleh setiap negara anggota.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan sumber tenaga kerja bagi Brunei pada masa ini masih dibawa masuk dari negara-negara pembekal tenaga kerja tradisional bagi mengisi ruang permintaan tenaga kerja tempatan.

Ketika ditanya mengenai

isu lain yang dibincangkan, beliau menerangkan beberapa isu lain turut dibentang di mesyuarat bersama rakan dialog ASEAN + 3, (China, Jepun dan Korea) seperti isu pengangguran belia dan program pembangunan sumber manusia.

Sementara itu, Pengarah Biro Pembangunan Sumber ASEAN yang berpangkalan di Jakarta, Cho Kah Sin turut menyentuh mengenai pengangguran golongan belia di mana program untuk menangani masalah belia menganggur yang dialami kebanyakan negara anggota telah disusun.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam dijangka akan menjadi tuan rumah Pertandingan Kemahiran ASEAN pada 2006 yang diharap bagi merangsang usaha ASEAN menerapkan latihan kemahiran kepada semua negara anggota.

JERUDONG, 15 Mei. - Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-18 berakhir kemarin dan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN bersama rakan dialog (ASEAN + 3) iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea telah membuat persetujuan dan ketetapan yang telah diambil dalam mesyuarat tersebut.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika sidang akhbar bersama para wartawan tempatan yang berlangsung di Empire Hotel & Country Club di sini.

Sementara itu Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dalam sidang akhbar itu berkata, beberapa agenda

dalam Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN kemarin telah dibincangkan. Antaranya mengenai perkara-perkara yang berbangkit daripada Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-17 di Mataram, Indonesia.

Mesyuarat itu telah memerlukan Sekretariat ASEAN untuk membuat penilaian projek-projek yang telah dijalankan di bawah Program Kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN yang juga telah menggariskan program-program kerja untuk dilaksanakan dan mesyuarat tahun lepas projek-projek tersebut diadakan penilaian keberkesannya dan sebagainya.

Dalam penilaian Sekretariat ASEAN, kesemua projek-projek di bawah Program Kerja Menteri-menteri Buruh ASEAN itu berjalan dengan baik dan ada di antaranya telah pun siap dilaksanakan.

## Menteri Buruh ASEAN capai beberapa persetujuan

Oleh Haji Ahmad HS

Sebahagian projek masih berjalan seperti mengenai Program Hubungan Industri ASEAN yang dibantu oleh Jepun. Manakala Enhancing Mutual Skills Recognition System ASEAN dibantu oleh Australia dan yang ketiga masih berjalan ialah Program Bantuan Teknikal Menteri-menteri Buruh Mengenai Sumber-sumber Tenaga Manusia (HRD) bagi negara-negara baru iaitu Kemboja, Laos dan Viet Nam.

Projek yang lain ialah mengenai Pelan Sumber-sumber Manusia dan Labour Market Monitoring yang dibantu oleh

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kesatuan Eropah (EU) juga akan membantu melaksanakan projek 'Strengthening Social Security/Protection', yang akan meneroka pelaksanaan bagaimana untuk menguatkan jaringan keselamatan sosial bagi mereka yang selalu terkeluar dari sistem atau kaedah (orang-orang kurang bernasib baik).

"Projek yang lain lagi ialah Projek Pentadbiran Pekerja Luar Negeri Bagi CLMV (Kemboja, Myanmar, Laos dan Viet Nam), yang mana akan dilaksanakan oleh Republik Filipina dan akan

bermula dalam bulan September tahun ini. Projek sebenarnya adalah untuk membantu bagaimana negara-negara seperti CLMV menggunakan kaedah-kaedah yang ada ataupun amalan yang terbaik yang wujud masa ini untuk menghantar pekerja-pekerja mereka ke negara-negara yang memerlukan," jelas beliau.

Jika sesebuah negara memerlukan tenaga pekerja dari Kemboja, Myanmar, Laos dan Viet Nam, mereka tidak akan dihantar sebarang atau saja-saja, mereka mesti mempunyai satu kaedah iaitu latihan dan kemahiran serta kepakaran yang men-

cukupi dan mereka juga mesti faham bahasa yang akan digunakan.

Dato Paduka dalam sidang itu seterusnya berkata, projek lain ialah 'Liberalising and Facilitating Movement of Natural Persons' di bawah Perkhidmatan Perjanjian Rangkakerja ASEAN. Pergerakan pekerja-pekerja ini mempunyai implikasi kepada dasar-dasar imigresen, buruh dan tatacara negara-negara yang menerimanya dan dalam hubungan ini perlu juga diketahui oleh bukan sahaja negara-negara penghantar tetapi lebih penting ialah negara yang menerima.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

**PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan. Alai jawablah soalan tercatat.**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

### TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN**

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 19 Mei 2004

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.



Sila berikan nama penuh gambar di atas?

.....

Siti Noradibah Syafiqah Md. Juhari,  
Sekolah Rendah Dato Bastr.  
Umur : 7 tahun

## ALAI PINTAR

### BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 620

Nama : .....  
Umur : .....  
Alamat : .....  
Telefon rumah (jika ada) : .....  
Sekolah : .....  
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
Ruangan Alai Pintar, 620,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

### SOALAN ALAI PINTAR

Apakah jawatan yang dipegangnya dalam kerajaan sekarang?

.....

### Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 19 Mei 2004

Nur Syazwani Saroz,  
Sekolah Rendah Dato Marsal,  
Umur : 9 tahun

Md. Zul Muqri Haji Tamam,  
Sekolah Tunas Jaya PGGMB,  
Umur : 11 tahun

# CIKGU

OLEH AMELLY ANNE KISSING

## WARKAH CIKGU AMISAH

**S**IAL! Celaka! Arun menyumpah-nyumpah dalam hati. Kelibat Cikgu Amisah yang sudah hilang di sebelah dinding konkrit diekori dengan sumpah-seranah dari hati panas yang menggelegak. Guru Bahasa Melayu yang juga guru kelasnya itu selalu saja menimbulkan perasaan tidak puas hati Arun. Ketidakpuasan hati itu akhirnya membawa kepada kebenaran yang amat dalam.

Mulut Cikgu Amisah terlalu lancang. Mulutnya macam laser. Yang paling menggeramkan Arun dan rakan-rakannya ialah Cikgu Amisah mengetahui hampir semua aktiviti yang dilakukan oleh mereka di kelas mahupun selepas waktu persekolahan. Cikgu Amisah seperti seorang wanita sihir yang mempunyai tujuh mata.

"Aku benci!" Jeritnya. Kecil tetapi cukup jelas pada pendengaran beberapa orang pelajar yang masih belum keluar dari kelas itu.

"Apa hal dengan kau ini Arun?" tiba-tiba saja mengamuk. Mariah, gadis bertudung yang duduk di meja sebelah kehairanan.

"Cikgu Amisah kesayang kau tu! Aku meluat tengok muka dia."

"Tak baik kau cakap macam tu Arun. Dia guru kita."

"Guru kau! Bukan guru aku!"

"Amboi, kau ni seperti kacang lupukan kulit! Siapa yang mengajar Bahasa Melayu di kelas ini? Bukan Cikgu Amisah?" kata Mariah dengan sinis.

"Memang dia yang mengajar, tapi aku tak rasa aku belajar dengan dia. Dia tu bukannya hebat sangat. Dia bukan guru bertaulah dan berijazah seperti guru-guru lain."

"Bertaulah atau tidak, berijazah atau tidak, yang penting dia mengajar kita dengan baik," kata-kata Mariah itu disampaikan dengan nada yang lebih keras.

"Ikut suka hati kaulah Mariah. Kau pujalah dia tapi aku memang benci sangat kepadanya."

"Kau terlalu memandang serong terhadap Cikgu Amisah," kata Mariah dengan kesal. Sikap Arun sungguh

mengecewakan hatinya.

"Cikgu Amisah tu minta puji."

"Hei, apa yang kau cakap ni!" Mariah mengerutkan dahi.

"Dia tu tidak faham perasaan orang."

"Perasaan siapa yang dia tidak faham? Kau cakap!" bentak Mariah.

"Perasaan aku. Kau ingat aku tidak malu disindir depan kamu semua?"

"Disindir? Cikgu Amisah tidak pernah sebut nama kau, tapi aku faham... peribahasa ada mengatakan, siapa makan lada dia terasa pedasnya," ejek Mariah.

"Sudahlah Mariah! Bercakap dengan kau pun tiada gunanya. Kau tu sudah kabur mata sampai kejahatan Cikgu Amisah tidak kau nampak."

"Sebenarnya bukan aku yang kabur mata. Kau tu yang buta. Cikgu Amisah sekadar memberi nasihat supaya kita tidak lalai."

"Argh!!" Arun tidak peduli. Dia menyambar beg di atas meja. Mariah ditinggalkannya sendirian. Arun menggelengkan kepala. Dia sungguh tidak faham dengan sikap Mariah yang mengagungkan Cikgu Amisah.

Seperti pelajar lain di dalam kelas yang diajar oleh Cikgu Amisah, Mariah juga pernah menjadi mangsa kebengisan Cikgu Amisah kerana

PAGI tadi Cikgu Amisah masuk ke dalam kelas seperti biasa. Selepas merekodkan kedatangan para pelajar, Cikgu Amisah menggunakan saki-baki masa yang ada dengan berceramah atau paling tepat berleter. Cikgu Amisah memperkatakan silap laku yang dibuat oleh beberapa orang pelajar lelaki yang suka memakai anting-anting, tidak mengemaskan pakaian seragam, tidak membuat tugas dalam kelas, berambut panjang dan diwarnakan serta pelbagai kesalahan lain.

Mariah tidak menghantar kerja rumah yang diberi. Mariah dimarahi dalam kelas. Depan pelajar lain. Hairannya Mariah melupakan hal itu dengan mudah.

Pagi tadi Cikgu Amisah masuk ke dalam kelas seperti biasa. Selepas merekodkan kedatangan para pelajar, Cikgu Amisah menggunakan saki-baki masa yang ada dengan berceramah atau paling tepat berleter. Cikgu Amisah

memperkatakan silap laku yang dibuat oleh beberapa orang pelajar lelaki yang suka memakai anting-anting, tidak mengemaskan pakaian seragam, tidak membuat tugas dalam kelas, berambut panjang dan diwarnakan serta pelbagai kesalahan lain.

"Kamu datang ke sekolah untuk belajar. Bukan untuk bergaya. Bukan untuk menunjukkan kekayaan yang kamu miliki. Kalau kamu datang ke sekolah sekadar untuk suka suka, lebih baik jangan datang ke sekolah. Membuang tenaga, masa dan menghabiskan wang ibu bapa!"

Buang duit? Kenapa Cikgu Amisah harus mempersoalkan hal itu? Ibu bapanya sendiri tidak pernah mengungkit jumlah wang yang dibelanjakan untuk membiayai persekolahannya. Apa hak Cikgu Amisah untuk bercakap seperti itu? Arun melayan mainan perasaan.

"Belum pulang Arun?" pertanyaan itu mengujutkannya. Dia mendo-ngak. Kim Seng, Kanan, Masri dan Chung Ting sedang berdiri di hadapannya.

"Belum," jawabnya dengan ringkas. Dia memandang sekeliling. Di hadapan pintu bilik guru kelihatan Cikgu Amisah sedang memandang ke arah mereka.

"Malam ini kau pergi

rumah Cikgu Pormis?" tanya Kim Seng.

"Ya."

"Okeylah, kalau begitu kita jumpa di sana nanti. Aku hendak tunjukkan sesuatu kepada kau," kata Kim Seng.

Arun menganggukkan kepala. Kumpulan Tingkatan Empat itu beredar menuju ke kantin sekolah. Arun masih duduk di ruang legar bangunan sekolah. Pemandu yang diupah oleh ayahnya belum tiba.

Arun sedar sebagai pemimpin, ayahnya mempunyai masa yang amat terhad untuk dihabiskan bersama keluarga. Ibu bapanya terpaksa menghadiri mesyuarat, perjumpaan, majlis makan malam, majlis perasmian, pelancaran dan lawatan-lawatan ke luar bandar. Arun sering bersendirian. Hidup dalam keadaan sepi.

Mujurlah dia mengikut kelas bimbingan yang dibuat oleh Cikgu Pormis. Di rumah Cikgu Pormis, Arun dan rakan-rakan bertemu sebanyak tiga kali seminggu. Mereka mengikuti kelas Bahasa Melayu. Pada pendapat Arun, Cikgu Pormis berpuluh kali ganda lebih baik berbanding Cikgu Amisah yang terlalu kolot. Cikgu Pormis bukan sahaja mengajar mereka tetapi juga selalu membawa mereka keluar untuk makan-makan selepas kelas.

Dengan cara itu, Arun dapat mengisikan kesunyian dalam hati. Dia merasakan dirinya amat dihargai, diperlukan dan disayangi ketika bersama-sama dengan Cikgu Pormis dan kumpulan Kim Seng. Hatinya terhibur. Wajah ibu, ayah dan Cikgu Amisah dapat dihapuskan daripada fikiran.

"Arun! Arun!"

Bahunya dicuit. Sekali lagi dia tersentak. Cikgu Amisah sudah duduk di hujung bangku tempat dia duduk. Arun mengerutkan dahi. Kedatangan Cikgu Amisah yang tidak diundang itu menimbulkan rasa tidak senang hati.

"Belum pulang?" tanya Cikgu Amisah.

"Belum," jawab Arun ringkas berbau nada benci. Cikgu Amisah terse-nyum. Hati Arun menjadi panas.

"Cikgu hendak cakap sedikit dengan Arun," kata Cikgu Amisah. Bersahaja.

Hendak berleter lagi-lagi ni! Benci! Benci! Desis Arun dalam hati. Dia rasa meluat setiap kali melihat muka guru yang baru berusia tiga puluh tahun itu.

"Cikgu tengok Arun selalu bersama-sama dengan kumpulan Kim Seng," kata Cikgu Amisah tanpa menunggu sebarang kata izin dan kerelaan daripada Arun. Arun menje-ling tajam. Dugaannya ternyata tidak silap. Cikgu Amisah hendak berleter lagi. Cikgu Amisah hendak mengutuk rakan-rakan baiknya. Cikgu Amisah ingin mengkritik keberkesanan kelas bimbingan yang diadakan oleh Cikgu Pormis.

"Arun, kalau memilih kawan biarlah yang baik. Jangan sampai terpengaruh dengan aktiviti yang tidak sihat. Mereka bukan kumpulan yang baik," kata Cikgu Amisah dengan lancar. Arun membatuk diri. Dia memandang hujung kasutnya. Dalam hati dia berdoa agar dapat meninggalkan tempat itu dengan segera.

"Cikgu faham, Arun rasa sunyi dan diabaikan oleh keluarga Arun. Tapi kita tidak patut jadikan kekurangan itu sebagai alasan untuk menjerumuskan diri sendiri ke lembah kehancuran."

"Cikgu terlalu memandag serong terhadap kawan-kawan saya," kata Arun.

"Tidak ... Cikgu tidak berniat begitu. Mereka juga murid cikgu, cikgu bukannya prejudis tetapi kenyataannya jelas sekali. Kim Seng dan kawan-kawannya sudah sukar untuk ditarik ke jalan yang lurus."

"Mereka tidak melakukan sebarang kesalahan."

"Arun silap. Arun belum mengenali mereka sepenuhnya."

"Habis tu, cikgu kenal mereka? Cikgu masih baru di sekolah ini!" tingkah Arun. Hatinya sungguh sakit apabila Cikgu Amisah menyentuh hal-hal peribadi Kim Seng yang sudah dianggapnya sebagai saudara sendiri.

"Benar cikgu masih baru di sekolah ini. Tapi itu tidak bermakna cikgu tidak mengetahui perkara yang

berlaku dulu, sekarang, dalam dan luar sekolah."

"Saya tahu cikgu memang suka mencampuri urusan peribadi orang lain. Cikgu suka menjaga tepi kain orang untuk mendapatkan publisiti di sekolah ini."

Kepala Cikgu Amisah tertunduk. Kemudian, tergeleng-geleng kecil. Wajah Cikgu Amisah merah-padam. Mungkin malu, mungkin marah. Arun tidak tahu sebab yang sebenarnya. Arun tidak kisah.

"Arun, kamu salah sangka terhadap cikgu. Kalau kamu terus berkawan dengan mereka, kamu sendiri yang menderita susah. Kamu yang akan rugi."

"Eh, cikgu ingat cikgu tu Tuhan?" kata Arun dengan nada yang agak kasar. Dia tidak dapat bersabar lagi.

"Arun ..."

Kata-kata Cikgu Amisah mati begitu saja. Arun berdiri apabila melihat kereta BMW yang dipandu oleh Norman. Kereta mewah itu berhenti benar-benar di hadapan ruang legar sekolah. Tanpa mengendahkan kehadiran Cikgu Amisah, dia melangkah gagah ke kereta tersebut.

Sesudah memasuki perut kereta, Arun sempat memalingkan kepala ke arah Cikgu Amisah. Wanita itu masih kaku di tempat duduknya. Hati Arun puas apabila terfikir kemungkinan Cikgu Amisah menitis air mata selepas pemergian-nya.

Kepulangannya pada petang itu disambut oleh dua orang pembantu rumah mereka. Ibu bapanya sudah dua hari mengadakan lawatan ke kampung-kampung di pedalaman. Setelah minum segelas jus oren, dia masuk ke dalam bilik tidurnya. Dia mandi, lalu berbaring melepaskan lelah di atas katil.

Tepat jam enam petang dia sudah berada dalam kereta untuk ke rumah Cikgu Pormis. Dia tidak sabar-sabar hendak berborak dengan Kim Seng dan rakan-rakan lain. Dia lemas dan bosan dihipit kesepian.

"Kau mau cuba?" Kim Seng menyuaikan empat biji pil berwarna hijau dan biru tua kepada Arun.

"Apa ini?" tanya Arun



Dari muka 12

ragu-ragu.

"Pil ini? Kau tidak tau? Pil ini boleh menajamkan ingatan kita. Ini bererti kita tidak perlu menghabiskan masa yang terlalu lama untuk memahami sesuatu topik dan yang paling penting, pil ini boleh memberi ketenangan kepada kita," kata Kim Seng dengan bersungguh-sungguh.

"Betul berkesan?"

"Kau tidak percaya? Kau cubalah."

Arun serba salah. Cikgu Pormis yang keluar membeli makanan di kedai makan tidak jauh dari rumahnya masih belum pulang.

"Kau takut? Aku ingat

kau ini berani. Rupa-rupanya kau tikus," kata Kim Seng lagi. Kali ini kata-katanya disusuli gelak tawa.

Mata Arun membulat mendengar kata-kata Kim Seng itu. Sebagai anak lelaki, dia rasa maruahnya sangat tercabar. Cabaran itu perlu disahut. Tanpa berfikir panjang Arun mengambil empat biji pil dari tangan Kim Seng. Semua pil yang tidak diketahu namanya dimasukkan ke dalam mulut lalu ditelan bersama sedikit air minum yang disediakan oleh Cikgu Pormis.

"Hah, begitulah yang dikatakan anak bapa!" kata Kim Seng sambil menepuk-nepuk bahunya. Arun tersengeh. Mulanya dia tidak terasa apa-apa kesan pil itu.

"Kau kata ubat itu mujarab. Mana ada kesan-nya," keluh Arun.

"Belum lagi. Tunggu dulu sehingga sepuluh minit."

Detik demi detik berlalu. Arun mula berasa sangat bertenaga. Dia seperti berada di awang-awangan. Dunia berputar. Ketika dia hendak ke bilik air, dia terjepok di muka pintu. Cikgu Pormis yang baru balik terkejut. Arun diangkat ke sofa. Dia tidak sedarkan diri. Mujurlah Norman datang dan membawa Arun ke hospital swasta berhampiran perumahannya itu.

Pemeriksaan yang dijalankan oleh doktor membuktikan Arun mengambil sejenis bahan khayal dalam sukatan yang

tidak sepatutnya. Arun terpaksa diberi rawatan lanjut kerana menurut doktor yang bertugas, pengambilan secara berlebihan akan menyebabkan kesan yang teruk seperti halusinasi, sakit kepala, muntah-muntah dan sebagainya.

"Kau tahu Arun, kisah kau ini sudah jadi buah mulut sekolah," beritahu Mariah ketika melawatnya pada petang keesokannya.

"Aku tahu ... itu tentu kerja Cikgu Amisah."

"Ya Allah! Apa yang kau cakap ini Arun? Kau memfitnah seorang guru yang baik."

"Guru yang baik? Mengarut! Cuba kau beritahu aku Mariah. Di sekolah kita, siapa guru yang serba tahu mengenai pelajaran? Cikgu Amisah bukan?"

"Ya. Memang benar Cikgu Amisah macam itu, tapi tidak bermakna dia yang sebar cerita pasal

kau."

"Habis tu siapa yang sebar cerita?"

"Itu aku tidak tahu. Yang aku pasti, bukan Cikgu Amisah."

Arun terdiam. Dia tidak sanggup bertegang leher dengan Mariah. Dia tahu Mariah pro Cikgu Amisah.

"Nah, surat!" kata Mariah. Sepucuk surat diserahkan kepada Arun.

"Daripada siapa?"

"Kau bukalah sendiri. aku terpaksa pergi sekarang."

"Baiklah. Terima kasih."

Setelah Mariah keluar dari bilik itu, Arun mengoyakkan tepi sampul surat berwarna putih di tangannya. Sekeping kertas berlipat kemas ditarik keluar ketika lipatan itu dibuka, sekeping gambar terjatuh di atas ribanya. Gambar itu diamati-amati. Wajah orang yang ada dalam gambar itu iras

wajahnya. Di belakang gambar itu tertulis nama Adam Asmad. Dia kehairanan. Tanda tangan pengirim diselidik.

"Cikgu Amisah? Siapa Adam?" Dia tertanya-tanya. Rasa ingin tahunya melonjak naik dengan tiba-tiba sehingga kebencian terhadap Cikgu Amisah musnah.

Arun,

'Cikgu tahu Arun tidak suka kepada cikgu. Arun sakit hati kerana cikgu selalu menegur Arun. Namun, cikgu tidak pernah menyimpan dendam terhadap Arun. Tentu Arun berasa hairan apabila menatap gambar yang cikgu kirimkan bersama surat ini.

Untuk pengetahuan Arun, gambar itu bukan gambar Arun. Orang dalam gambar itu ialah adik cikgu yang meninggal dunia kira-kira sepuluh tahun lalu.

Seperti yang Arun katakan selama ini, cikgu

banyak menyelidik latar belakang Arun. Oleh sebab itulah cikgu tahu, Kim Seng dan rakan-rakannya mengambil pil khayal. Bukan tujuan cikgu hendak mencampuri urusan peribadi Arun, sebaliknya cikgu tidak mahu Arun menjadi seperti adik cikgu yang tersilap memilih kawan sehingga akhirnya menjadi penagih dadah yang tidak dapat disembuhkan lagi.

Sepuluh tahun lalu, adik cikgu dilanggar kereta apabila dia melintas jalan raya dalam keadaan khayal. Cikgu harap Arun faham maksud cikgu. Cikgu tidak mahu Arun menerima nasib serupa Cikgu juga berharap agar Arun kembali ke sekolah dengan azam baru yang menjadikan Arun manusia baru.

Cikgu Amisah.

Air mata Arun menitis. Warkah Cikgu Amisah dilekapkan ke dadanya.

## PERATURAN RUANGAN CERPEN

SUKACITA menarik perhatian kepada penulis-penulis yang ingin menghantar karya cerpen ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Cerpen hendaklah dialamatkan kepada: PENERBIT CERPEN, BAHAGIAN AKHBAR, TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BB 3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Cerpen mestilah ditulis dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.
3. Karya hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (karya tulisan tangan tidak akan diterima).
4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan alamat bank, alamat penuh, nombor telefon dan nama samaran (jika ada).
5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.

## IBB terus berikan sumbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 Mei. - Bank Islam Brunei Berhad (IBB) hari ini menyerahkan sumbangan bernilai B\$2,600.00 dalam bentuk bawcar Akaun Simpanan Al Wadi'ah dan hadiah sampingan yang akan diberikan kepada 19 orang pelajar anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan awam 2003.

Majlis penyerahan sumbangan berlangsung di Pejabat Eksekutif Ba-

ngunan IBB dan disempurnakan oleh Pengarah Urusan IBB, Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud yang kemudian menyerahkan kepada Pengarah Jabatanarah Keanggotaan dan Pentadbiran Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Napih bin Haji Pajian.

Menurut siaran akhbar IBB, sumbangan itu akan digunakan di Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang 2003 bagi anak-anak anggota Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei (ABDB) yang akan dikendalikan oleh Pejabat Pendidikan ABDB, Jabatanarah Keanggotaan dan Pentadbiran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei 31 Mei tahun ini.

Siaran akhbar itu menambah, sumbangan IBB adalah untuk menyahut hasrat misi IBB yang peka dan prihatin terhadap keperluan masyarakat negara ini dengan memberikan mereka penghargaan ke atas kecemerlangan dalam bidang pelajaran.



PENGARAH Urusan IBB, Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud menyampaikan sumbangan kepada Pengarah Jabatanarah Keanggotaan dan Pentadbiran, Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Napih bin Haji Pajian.

## PERADUAN MENULIS ESEI BERIGA

ANJURAN  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN  
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

### 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Peraduan diadakan sebagai kesinambungan Peraduan Menulis Esei Sempena 30 Tahun Penerbitan Beriga.
- 1.2 Peraduan ini dibuka mulai 25 Februari 2004 hingga 25 Jun 2004.

### 2. TUJUAN

- 2.1 Menampilkan penulis-penulis baru yang berpotensi dalam bidang penulisan esei.
- 2.2 Memberi peluang kepada para penulis mengemukakan pandangan atau pendapat yang bernilai dan mempunyai landasan yang kukuh dan konkrit sama ada dalam bidang budaya, ekonomi, sejarah, adat istiadat, agama dan sebagainya sekira-kira dapat diangkat menjadi kajian ilmiah yang berlandaskan sumber penyelidikan yang luas, terperinci dan ber sistematik.
- 2.3 Sebagai imbuhan kepada para penulis agar terlibat dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu menjadi bahasa yang berfungsi selengkapnyanya dan dominan.

### 3. SYARAT DAN PERATURAN

- 3.1 Terbuka kepada warga negara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
- 3.2 Penulis mestilah berumur 18 tahun ke atas.
- 3.3 Tajuk dan isi esei hendaklah dalam bentuk penulisan umum dan bukan kreatif serta mestilah tidak bertentangan dengan dasar kerajaan. Penulis dibenarkan menulis apa sahaja tajuk esei tetapi yang lebih digalakkan ialah mengenai hal-hal kemasyarakatan Negara Brunei Darussalam seperti dalam perkara 2.2.
- 3.4 Esei mestilah ditulis dalam bahasa Melayu.
- 3.5 Panjang esei mestilah tidak kurang daripada 3,500 perkataan dan hendaklah ditulis jarak langkau dua baris pada sebelah muka kertas ukuran A4 sahaja (tidak termasuk bahan rujukan dan nota kaki yang disertakan dalam esei).
- 3.6 Esei hendaklah dihantar dalam empat salinan termasuk salinan asal bersama disket.
- 3.7 Esei mestilah karya asli, bukan terjemahan, saduran atau apa sahaja pengertian yang boleh menyebabkan esei itu bukan karya asli. Bagaimanapun sebarang kutipan dan nota kaki adalah dibolehkan dengan syarat tidak menjejaskan keaslian esei.
- 3.8 Esei mestilah bukan terdiri daripada cabutan tesis, disertasi atau tugas kuliah yang pernah dibuat atau dikemukakan di sebarang institusi pengajian tinggi atau universiti baik dalam mahupun luar negeri.
- 3.9 Penulis hanya dibenarkan mengemukakan sebuah esei dan secara keseluruhannya esei

tersebut belum pernah tersiar dalam media massa atau media elektronik baik dalam mahupun luar negeri.

- 3.10 Pihak penganjur berhak menarik balik hadiah yang telah dimenangi jika didapati melanggar syarat dan peraturan.
- 3.11 Nama penulis dan nama pena (jika ada), nombor kad pengenalan dan alamat penuh mestilah ditulis dalam borang berasingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan.
- 3.12 Esei dan borang penyertaan yang telah diisi lengkap mestilah sampai kepada : Setiausaha, Peraduan Menulis Esei Beriga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam. (U.P. Awang Haji Asri bin Haji Puteh) Tidak lewat pada 25 Jun 2004.
- 3.13 Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan skrip esei semasa dalam pengiriman. Walau bagaimanapun setiap penyertaan akan disusuli dengan pengakuan penerimaan oleh Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan.
- 3.14 Jikalau ada sesuatu perkara yang berbangkit di luar daripada syarat dan peraturan ini, Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan berhak mengambil sebarang tindakan dan keputusan.
- 3.15 Ahli Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan dan panel hakim tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.

### 4. HADIAH

- 4.1 Tiga hadiah penghormatan akan diberikan : Pertama : \$3,000.00 diiringi dengan sebiji plak dan sijil. Kedua : \$2,000.00 diiringi dengan sebiji plak dan sijil. Ketiga : \$1,000.00 diiringi dengan sebiji plak dan sijil.
- 4.2 Lima hadiah penghargaan masing-masing bernilai \$500.00 dan diiringi dengan lima biji plak dan sijil.
- 4.3 Hadiah penghormatan tidak akan diberikan sekiranya panel hakim mendapati tidak ada sebuah pun esei yang mencapai taraf yang memuaskan.

### 5. PANEL HAKIM

- 5.1 Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan akan melantik sebuah Panel Hakim.
- 5.2 Keputusan panel hakim adalah muktamad.

### 6. KEPUTUSAN PERADUAN

- 6.1 Keputusan peraduan akan diumumkan semasa Majlis Penyampaian Hadiah.

# Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

## PERAJURIT BANGSA

Perajurit  
oh, perajuritku  
di pundakmu terpikul tanggungjawab  
yang hakiki dan mutlak  
adalah hamparan yang mesti dijejaki  
berpantang mundur berputih mata  
teruslah melangkah  
teruslah berjuang  
menuju cita-cita dan impian  
ke mercu kejayaan.

Atas nama perajurit bangsa  
berkhidmatlah dengan gigih dan waspada  
sematkan semangat waja dan juang  
biar bersemarak, membara di dada  
berakar umbi di hati nuranimu  
demi membela dan mempertahankan  
bumi yang kita pusakai ini  
dari penderhakaan dan pencerobohan  
musuh yang durjana!

Wahai perajurit bangsaku  
purih perkasa, setia!  
di sini bumi kita  
di sini tumpah darah kita  
curahkanlah bakti dan jasamu  
pada tanah air yang tercinta  
yang berdaulat lagi merdeka.

## PERWIRA TANAH AIR

Perwira tanah air  
namamu jadi sanjungan  
tegak bersatu selamanya  
mempertahankan bumi pusaka.

Lihatlah perwira kita  
gagah perkasa  
bersedia menentang musuh durjana  
berani menempuh bahaya  
tak rela berputih mata.

Perwira kita  
siap siaga setiap masa  
tabah dan cekat berusaha  
berkemahiran!  
sedang semangat juang  
kian berkobaran.

Perwira tanah air  
kaulah benteng pertahanan  
mempertaruhkan jiwa raga  
demi menjaga dan membela  
agama, bangsa dan negara tercinta.

Perwira tanah air  
kaulah WIRA  
dan aku pasti bahawa  
segala jasamu  
dan bakti sucimu!  
akan terus dikenang  
abadi sepanjang zaman.

Rahim M. S.

## KUPINTA SINAR DARI-MU

Kau hidup dalam kegelapan  
kau disisih ke mana kau pergi  
deritamu tiada siapa tahu  
seksa hidup kau harungi  
sendirian ...  
tanpa teman melindungi.

Kini kau sedar  
hidupmu tiada beza  
suka!  
duka!  
senang!  
susah!  
semuanya sama sahaja  
menjadi sahabat hidupmu  
tanpa siapa mengetahui.

Hatimu hancur remuk  
mendengar setiap ungkapan  
dilempar kepadamu  
tanpa belas kasihan  
tanpa rasa simpati  
terus dan terus  
berterusan selamanya.

Sedihmu tiada berteman  
kau keseorangan cuma  
mengharungi hidupmu  
penuh kegelapan  
tanpa cahaya menyinari  
terus dan terus  
dalam kegelapan.

Kini kau sedar  
hidup perlu diteruskan  
walau ke mana kau pergi  
walau berat hati menanggung  
walau berat kaki melangkah  
perjuangan tetap diteruskan  
terus dan terus  
kau hadapi sendirian  
kerana kau sedar  
kau manusia serba kekurangan  
penuh dengan hinaan.

Hatimu berkata  
manusia masih tidak sedar  
hanya tahu berkata-kata  
tapi kurang akal  
hanya tahu mempersenda  
tapi lupa diri  
hanya tahu melakukan  
sebenarnya diri sendiri terluka.

Dan kau sedar kini  
kau ditakdirkan begini  
terus dan terus  
hidup tanpa teman  
hanya Dia menemanimu  
hanya Dia setia bersamamu  
selama-lamanya  
bersamamu  
hingga ke akhir hayatmu.

Putih EHW

## MANGSA

Disembunyi di sebalik tembok hati  
sebuah babak hitam  
ditemani seribu rasa yang menyeksa  
mengundang, berbagai-bagai derita ...

Bibirnya tidak lagi semerah saga  
matanya redup, seredup senja  
wajahnya sayu tiada bermaya  
senyumannya cuma selindung duka ...

Jeritannya yang diam  
kedengaran cuma di batin sendiri  
menusuk bagai sejuta duri  
cuba memerangi keperitan semalam ...

Api itu masih membara  
walau semalam sudah berabad  
perginya  
kesan zahir memang tiada  
tapi di jiwa, bagai hidup di neraka ...

Marahkan pada diri sendiri  
berulang kali hatinya menghasut;  
biar mati!!! biar mati!!!  
kerana di benaknya sering saja kusut ...

Mengapa semalam mesti terjadi?  
mengapa maruah diragut, dicuri?  
mengapa dosanya sendiri yang merasa?!  
bukan diserahkan, tapi dipaksa!

Bayangan wajah-wajah kasar berlegar  
masih terasa tangan-tangan keji  
kedengaran kaki-kaki mengejar  
terhidu, bau bangkai-bangkai neri ...

Kasihannya dirinya  
bagai mawar pudar warna  
seperti permata yang hilang seri  
siang tanpa cahaya  
lautan tak bertepi ...  
hidupnya digenggam malu  
bahagiannya dipermainkan waktu  
cintanya diancam benci  
mengadu hanya pada diri sendiri;  
tentang dirinya, yang menjadi mangsa.

Iq'mal

## KAU PERGI JUA

Cinta terjalin  
tiada di rencana  
sejambak bunga  
tumbuh mekar nan harum  
di taman hati.

Cinta terjalin  
sungguh mesra  
dingin sesuci embun pagi  
secerah mentari  
menyinari alam  
dunia cinta kita.

Tak terduga  
kau pergi jua  
hanya kerana badai  
melanda lautan asmara  
lalu dirimu tersungkur  
di kandang duka  
tanpa pendirian.

Tugu yang kau bina  
telah kau musnahkan  
lalu pergi membiarkan  
aku kelemasan  
di lautan kedukaan.

Maryatee

## RAHSIA DI SEBALIK WAJAH

Sesungguhnya aku rindu  
pada kerlipan matamu  
melindungi ungkapan rasa hemah  
penuh lirikan memikat pesona.

Aku juga rindu  
merenungi senyuman bibirmu  
di situ terukir niat murni maknawi  
luhurnya makrifat kasihmu  
pada gerakan bibirmu tercermin  
menyentap tangkai jantung hatiku.

Aku terus rindu  
untuk melihat engsotan keningmu  
di situ termaktub bicara nurani  
punya erti dalam hati  
punya matlamat dalam hakikat  
persis diri dalam diri  
tergabung jalin menjadi Satu.

Rindu ini tak terbandung lagi  
untuk kutatap wajahmu  
penuh serlahan dengan wajah  
cinta.

Kembalilah ...  
meski kita berbeza keturunan  
namun cinta kita tetap sama  
dan dibalik wajahmu nan seraut  
firasat kasih kupaut  
agar wasilah ikatan ini  
kembali bertaut.

Bahmin KTT

## ANAK-ANAK TERBIAR

Anak-anak mereka lahirkan  
kian dewasa ...  
terbiar tiada periksa  
tak tentuan  
tak haluan  
mereka biarkan hidup dalam gelap.

Dulu waktu pulang sekolah  
terbiar tiada periksa  
tak ketentuan  
tak haluan  
tak kesampaian  
mereka dibiarkan mengurus haluan  
sedang mereka ikut-ikut api-api menyala  
sedang mereka ikut singa kelaparan  
sedang mereka berteman monyet  
mengayut pisang  
sedang mereka belum mengerti  
hidup ini untuk apa ...?  
Waktu malam  
tanpa pengetahuan

hilang ditelan gelap  
menyusur jauh lebih gelap ... lebih kelam  
berkawan dengan gagak-gagak hitam  
berteman si burung murai cerdik manis  
ke pesta pelacuran  
ke parti weski  
ke jarum-jarum doktor sundal  
makan tepung membunuh jiwa  
berperang medan kehancuran  
memuja dewa-dewi hantu malam.

Kini anak-anak mereka  
menuju medan kehancuran  
menuju hari muka yang gelap  
hanya nasib menentukan  
ibu dan bapa mereka di mana silapnya?

As. Sam 2004

## MATAHARI

Sebihi bola panas  
yang terbit pada awal pagi  
sinarnya menyirami kehijauan  
pohon-pohon serta tumbuhan  
di alam maya  
lebih dari itu percikan habanya  
mengeringkan jemuran gadis di ampai.

la tak pernah mungkir pada janji  
malah sentiasa menepati waktu  
muncul di kala Subuh  
dan terbenam di kala senja.

Matahari  
bahang panasnya membakar  
meskipun kau tergantung tinggi di dada langit  
namun bagaimana nanti  
jika di akhirat kelak  
ia terletak sejengkal dari atas kepala!

Hanirah

## SESEKALI AKU

Terkadang ...  
Sesekali aku teringat  
akan ceritera  
sekuntan bunga hati  
letaknya di taman balada  
balada yang terbit dari  
ungkapan sanubari.

Terkadang ...  
sesekali aku terimbas  
akan sebuah daerah  
permatang jiwa namanya  
letaknya di negeri kecewa  
kecewa yang lahir dari  
hempasan sedih.

Terkadang ...  
sesekali aku terkenang  
akan sakit tertusuk duri  
dari batang hati  
letaknya di hutan raga  
raga yang menular dari  
bahana cinta duka.

Terkadang ...  
sesekali aku terdampar  
akan hempasan ombak  
dari pantai mengalir  
letaknya di daratan muara  
muara yang berlabuh  
di tepi sungai hampa.

Terkadang ...  
sesekali kau merasakan  
akan getaran di jiwa  
berlagu di balik kehamburan  
letaknya di tanah usang perasaan  
perasaan yang hadir di balik kemelut  
yang berdenyut di pintu rindu ...

Cinderella



ستيا سراسم بيسكيت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنچاغن تيليشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

|                                  |      |                               |                         |              |                                         |               |                 |       |                      |
|----------------------------------|------|-------------------------------|-------------------------|--------------|-----------------------------------------|---------------|-----------------|-------|----------------------|
| R<br>A<br>B<br>U<br><br>2<br>JUN | PAGI | 9.15                          | RAMPAI PAGI - Sambungan | 4.10         | SUSUNAN RANCANGAN                       | 6.45          | SINAR           | 8.50  | DRAMA - 'Implan'     |
|                                  | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 10.00                   | SIARAN TAMAT | 4.15                                    | SESAME STREET | MALAM           | 9.30  | THE ORANGE ROOM      |
|                                  | 6.02 | MUTIARA FIRMAN                | PETANG                  | 5.10         | RETURN TO ATHENS                        | 7.00          | LIPUTAN SEMASA  | 10.00 | NEWS AT 10           |
|                                  | 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |                         | 5.45         | BERITA                                  | 7.25          | E.C.A.          | 10.30 | B-LEAGUE 2004        |
|                                  | 9.00 | BERITA                        |                         | 6.00         | WORLD APART SR. 2 'Little Love Stories' | 7.45          | AZAN ISYAK      | 11.00 | RITA DAN RAIHAN      |
|                                  |      | 4.00                          | LAGU KEBANGSAAN         |              |                                         |               |                 | 11.30 | THE INVESTIGATOR III |
|                                  |      | 4.02                          | MUTIARA FIRMAN          | 6.30         | AZAN MAGHRIB                            | 8.00          | BERITA NASIONAL | 12.15 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

|                                            |      |                               |                         |              |                          |                           |                     |                      |                                                     |
|--------------------------------------------|------|-------------------------------|-------------------------|--------------|--------------------------|---------------------------|---------------------|----------------------|-----------------------------------------------------|
| K<br>H<br>A<br>M<br>I<br>S<br><br>3<br>JUN | PAGI | 9.00                          | BERITA                  | 4.10         | SUSUNAN RANCANGAN        | MALAM                     |                     | 10.00                | NEWS AT 10                                          |
|                                            |      | 9.15                          | RAMPAI PAGI - Sambungan | 4.15         | KIDS HOUR - 'EDY & CICI' | 7.00                      | SURAH-SURAH PILIHAN | 10.30                | BOLASEPAK LIGA                                      |
|                                            | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 10.00                   | SIARAN TAMAT | 5.00                     | ON THE BALL               | 7.25                | WARTA ISLAM          | PERDANA MALAYSIA - 'Brunei Darussalam Lwn Johor FC' |
|                                            | 6.02 | MUTIARA FIRMAN                | PETANG                  | 5.30         | SPY MASTER               | 7.45                      | AZAN ISYAK          |                      |                                                     |
|                                            | 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |                         | 5.45         | BERITA                   | 8.00                      | BERITA NASIONAL     | 11.15                | WAYANG PILIHAN - 'True Crimes'                      |
|                                            |      | 6.30                          |                         | AZAN MAGHRIB | 8.50                     | AN-NUUR - Siaran Langsung | 12.55               | DOA DAN SIARAN TAMAT |                                                     |
|                                            |      | 4.02                          | MUTIARA FIRMAN          | 6.45         | FIQHUL MIRATS            |                           |                     |                      |                                                     |

|                                            |      |                               |                                          |                             |                                    |                           |                          |                    |                                          |                  |
|--------------------------------------------|------|-------------------------------|------------------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|---------------------------|--------------------------|--------------------|------------------------------------------|------------------|
| J<br>U<br>M<br>A<br>A<br>T<br><br>4<br>JUN | PAGI | 10.15                         | SESAME STREET                            | 2.00                        | GOLI GOLI BRUNEI - Siaran Langsung | 5.55                      | VET SCHOOL               | 8.00               | BERITA NASIONAL                          |                  |
|                                            |      | 11.15                         | BUNYI                                    |                             |                                    |                           | CONFIDENTIAL - Siri Baru | 9.00               | TABIR SR.2                               |                  |
|                                            | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 11.30                                    | BERITA                      | 2.30                               | LAGENDA                   | 6.30                     | AZAN MAGHRIB       | 9.30                                     | GLOBAL GUARDIANS |
|                                            | 6.02 | MUTIARA FIRMAN                | 11.45                                    | JEJAK RASUL SR. 8 - Ulangan | 3.00                               | TAYANGAN GAMBAR           | 6.45                     | JALAN MENUJU ALLAH | 10.00                                    | NEWS AT 10       |
|                                            | 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 12.15                                    | DIVE THE WORLD              |                                    | HINDI - 'Dil Hai Tumhara' | MALAM                    |                    | 10.40                                    | KHUTBAH JUMAAT   |
|                                            |      | 12.30                         | SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung | 3.45                        | AZAN ASAR                          |                           |                          | 10.50              | MENJELANG EURO 2004                      |                  |
|                                            |      |                               |                                          | 3.50                        | TAYANGAN GAMBAR                    | 7.00                      | LIPUTAN SEMASA           | 11.20              | TELEDRAMA - 'Nama Dia Pak Jawa' - Bhg II |                  |
|                                            |      |                               |                                          |                             | HINDI - Sambungan                  | 7.25                      | TAMAN SARI -SR.3         |                    |                                          |                  |
|                                            |      |                               |                                          |                             | BERITA                             | 7.46                      | AZAN ISYAK               | 12.55              | DOA DAN SIARAN TAMAT                     |                  |

|                                       |      |                               |                                                      |                            |                         |                    |                       |               |                                      |
|---------------------------------------|------|-------------------------------|------------------------------------------------------|----------------------------|-------------------------|--------------------|-----------------------|---------------|--------------------------------------|
| S<br>A<br>B<br>T<br>U<br><br>5<br>JUN | PAGI | 10.05                         | KIDS HOUR : 'TOMAN/CHE NAT'                          | PETANG                     | 5.00                    | MONSTER BY MISTAKE | 7.25                  | ANIMALIA      |                                      |
|                                       |      |                               |                                                      | 12.50                      | PANGGUNG PETANG         | 5.25               | JAY JAY THE JET PLANE | 7.48          | AZAN ISYAK                           |
|                                       | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 10.55                                                | OCEANS OF MYSTERY          | SABTU - 'What Rats Do'  | 5.45               | BERITA                | 8.00          | BERITA NASIONAL                      |
|                                       | 6.02 | MUTIARA FIRMAN                | 11.20                                                | DRAMA : 'Amanah' - Ulangan | Won't Do'               | 6.00               | WILD RESCUE           | 8.50          | HIBURAN MINGGU INI - Siaran Langsung |
|                                       | 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 11.30                                                | BERITA                     | 2.20                    | ROBOCON 2003       | 6.32                  | AZAN MAHGTRIB |                                      |
|                                       |      | 12.05                         | DOKUMENTARI : POTRET - 'Nostalgia Warisan' - Ulangan | 2.50                       | MAGAZINE - Siri Baru    | 6.45               | PEDOMAN AQIDAH SR. 7  | 10.00         | NEWS AT 10                           |
|                                       |      |                               |                                                      | 3.20                       | LADY COP - 'The Amulet' | MALAM              |                       | 10.30         | TAYANGAN GAMBAR - 'Lucky Day'        |
|                                       |      |                               |                                                      | 3.45                       | AZAN ASAR               |                    |                       |               |                                      |
|                                       |      | 12.20                         | AZAN ZUHUR                                           | 4.15                       | BEYOND 2000             | 7.00               | DUNIA ASIA            | 12.45         | DOA DAN SIARAN TAMAT                 |

|                                  |      |                               |                                      |                                 |                                                 |                        |                             |              |                                       |                            |
|----------------------------------|------|-------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------------------------|------------------------|-----------------------------|--------------|---------------------------------------|----------------------------|
| A<br>H<br>A<br>D<br><br>6<br>JUN | PAGI | 10.10                         | SESAME STREET                        | 1.45                            | RETURN TO ATHENS                                |                        | World Of Tex Avery'         | 8.00         | BERITA NASIONAL                       |                            |
|                                  |      | 11.10                         | PADA SUATU HARI SR.3                 | 2.40                            | GOLI GOLI BRUNEI - Siaran Langsung              | 5.35                   | TOYOTA WORLD WILDLIFE SR. 5 | 8.50         | TIRAI KELUARGA - 'Nujum Pak Belalang' |                            |
|                                  | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 11.30                                | BERITA                          |                                                 |                        | BERITA                      | 10.00        | NEWS AT 10                            |                            |
|                                  | 6.02 | MUTIARA FIRMAN                | 11.45                                | SUNDAY MATINEE - 'Galaxy Quest' | 3.15                                            | DINOTOPIA : THE SERIES | 6.10                        | BIOLOGIC     | 10.30                                 | TIRAI KELUARGA - Sambungan |
|                                  | 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 12.20                                | AZAN ZUHUR                      | 3.47                                            | AZAN ASAR              | 6.31                        | AZAN MAGHRIB |                                       |                            |
|                                  |      |                               |                                      | 4.15                            | SEMARAK BUDAYA                                  | 6.45                   | PENGAJARAN DARI AL- QURAN   | 11.00        | MUTANT X - 'Dark Star Raising'        |                            |
|                                  |      |                               |                                      | 4.40                            | MOTIVASI PELAJAR                                |                        |                             |              |                                       |                            |
|                                  |      |                               |                                      |                                 | 'Persediaan Emosi Untuk Menghadapi Peperiksaan' | MALAM                  |                             |              |                                       |                            |
|                                  |      |                               |                                      |                                 | ANIMATION - 'The Wacky                          | 7.00                   | PRISMA SR. 3                | 11.45        | DOA DAN SIARAN TAMAT                  |                            |
|                                  |      | 1.30                          | ASIAN X GAMES TOUR 2003 - 'Malaysia' | 5.10                            |                                                 | 7.46                   | AZAN ISYAK                  |              |                                       |                            |

|                                       |        |                               |                       |              |                    |            |                                                         |                                |                      |
|---------------------------------------|--------|-------------------------------|-----------------------|--------------|--------------------|------------|---------------------------------------------------------|--------------------------------|----------------------|
| I<br>S<br>N<br>I<br>N<br><br>7<br>JUN | PAGI   |                               | Sambungan             |              | SANDMAN/THE ADVEN  | MALAM      |                                                         |                                | SEMUSIM'             |
|                                       |        |                               |                       |              | TURES OF MUHAMMAD  |            |                                                         |                                |                      |
|                                       | 6.00   | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 10.00                 | SIARAN TAMAT | ALI                | 7.00       | LIPUTAN SEMASA                                          | 9.30                           | INFOSIHAT            |
|                                       | 6.02   | MUTIARA FIRMAN                | PETANG                | 5.15         | CYBERNET           | 7.25       | DAPUR WARISAN - 'Kuih Madu Kesirat dan Kuih Pengelaban' | 10.00                          | NEWS AT 10           |
|                                       | 6.12   | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |                       | 5.45         | BERITA             |            |                                                         | 10.30                          | SUKAN GLOBAL         |
| 9.00                                  | BERITA | 6.31                          |                       | AZAN MAGHRIB | 7.47               | AZAN ISYAK | 11.00                                                   | DOKUMENTARI - 'Famous Diamond' |                      |
|                                       |        | 4.15                          | KIDS HOUR - NILUS THE | 6.45         | BIMBINGAN KELUARGA | 8.00       | BERITA NASIONAL                                         |                                |                      |
|                                       |        |                               |                       |              |                    | 8.50       | DRAMA: 'KEMBANG                                         | 12.00                          | DOA DAN SIARAN TAMAT |

|                                            |      |                               |                         |              |                             |                 |                                 |           |                      |
|--------------------------------------------|------|-------------------------------|-------------------------|--------------|-----------------------------|-----------------|---------------------------------|-----------|----------------------|
| S<br>E<br>L<br>A<br>S<br>A<br><br>8<br>JUN | PAGI | 9.15                          | RAMPAI PAGI - Sambungan | 4.15         | KIDS HOUR - 'Cedric'        | MALAM           |                                 | 9.30      | INSAF                |
|                                            |      |                               |                         | 5.00         | DOKUMENTARI - 'Blue Wonder' | 7.00            | SITKOM TV 2004 - 'Jadi Pelakon' | 10.00     | NEWS AT 10           |
|                                            | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN     | 10.00                   | SIARAN TAMAT |                             |                 |                                 | 10.30     | MENJELANG EURO 2004  |
|                                            | 6.02 | MUTIARA FIRMAN                | PETANG                  | 5.45         | BERITA                      | 7.25            | DOKUMENTARI                     | 11.00     | GENE RODDENBERRY'S   |
|                                            | 6.12 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung |                         | 6.10         | SINAR @ TV - Siri Baru      | 7.47            | AZAN ISYAK                      |           | ANDROMEDA YR. 2      |
|                                            |      | 6.30                          |                         | AZAN MAGHRIB | 8.00                        | BERITA NASIONAL | 11.55                           | MDA SR. 2 |                      |
|                                            |      | 4.02                          | MUTIARA FIRMAN          | 6.45         | AL ISLAM                    | 8.50            | KAMPUNG KITA                    | 12.45     | DOA DAN SIARAN TAMAT |
|                                            |      | 4.10                          | SUSUNAN RANCANGAN       |              |                             |                 |                                 |           |                      |

# ITB berusaha kembangkan pelbagai kursus

JERUDONG, 20 Mei. - Pemangku Pengarah Institut Teknologi Brunei (ITB), Awang Haji Suhaila berkata, graduan-graduan yang dikeluarkan oleh ITB masih mendapat permintaan pasaran pekerjaan sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1986 hingga sekarang.

Katanya, dari maklum balas para bakal majikan dan pihak-pihak yang berkepentingan atau stakeholders adalah dirasakan kursus-kursus yang ditawarkan dijangka dapat menampung dan sesuai dengan permintaan pasaran sekarang dan sekiranya pun ada segera wujud

industri-industri atau kegiatan-kegiatan ekonomi baru di negara ini.

Ke arah itu, jelasnya, ITB sedang berusaha membuat persediaan untuk mengembangkan beberapa kursus-kursus yang ada ke tahap ijazah pertama, di samping mengenalkan kursus-kursus baru yang telah dikenal pasti ada keperluan baginya.

Awang Haji Suhaila menyatakan perkara tersebut sewaktu menyembahkan kata-kata aluan di Majlis Konvokesyen ITB Ke-13 yang berlangsung di Berkshire Hall, Jerudong Park Polo and Country Club di sini.

**Liputan Abu Bakar HAR**  
**Gambar-gambar oleh**  
**Harun HR dan Pengiran Rafee PDPHM**

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan Diploma-diploma Tertinggi Kebangsaan kepada pelajar-pelajar pengambilan ke-17 setelah berjaya menamatkan pengajian mereka.

Nyata Awang Haji Suhaila yang juga selaku Pengerusi Majlis, ITB dari segi pengendalian kursus-

kursus pengajian di peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan dan satu jurusan iaitu jurusan kejuruteraan awam hingga ke peringkat ijazah pertama telah dapat memantapkannya sesuai dengan usianya.

Namun dari segi penyelidikan institut tersebut, jelasnya, ada sedikit rintangan terutama dari segi keupayaan membiayainya.

Segala penyelidikan yang bersifat 'applies research', tegas Pemangku Pengarah ITB, adalah bergantung kebanyakannya kepada biaya dari pihak swasta yang berminat untuk terlibat dalam 'collaborative research' dan ini barang setentunya akan banyak ditentukan oleh kepentingan dan faedah kepada pihak berkenaan.

Tekannya, sejauh ini pihak-pihak yang aktif berganding bahu dan membiayai penyelidikan-penyelidikan berkenaan ialah Brunei Shell Marketing, DST Com., Brunei Shell Petroleum dan JICA, Jepun melalui Pertubuhan AUN-SEED Net.

Di majlis itu seramai



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menganugerahkan Diploma kepada seorang graduan Institut Teknologi Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan majlis.

123 graduan telah menerima diploma masing-masing dalam pelbagai jurusan.

Dari jumlah tersebut seramai 28 orang menerima diploma dalam bidang perdagangan dan kewangan, 32 orang dalam bidang komputer, 28 orang dalam bidang kejuruteraan elektrik, 12 orang kejuruteraan awam dan 23

orang dalam jurusan kejuruteraan mekanikal.

Di majlis itu, seramai tujuh orang telah menerima Anugerah Pelajar Terbaik iaitu Dayang Wendy Lim Hui Hoon dalam jurusan Komputer; Dayang Nur Annisa binti Haji Sarbini dalam jurusan Perdagangan dan Kewangan; Awang Lim Sei Pin jurusan Kejuruteraan Elek-

trik dan Komunikasi; Awang Haziq Hidayatullah dalam Kejuruteraan Mekanikal; Awang Junaidi bin Haji Mohd; Salleh dalam jurusan Kejuruteraan Awam; Awang Haji Kamaluddin bin Haji Apeng dalam Kegiatan Tambahan dan Pengiran Anak Siti Norbaya binti Pengiran Anak Haji Ibrahim dalam jurusan Tambahan.



SEORANG graduan yang menerima Diploma Tertinggi Kebangsaan dari Duli Yang Teramat Mulia di Majlis Konvokesyen ITB Ke-13 yang berlangsung di Jerudong.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengabadikan gambar kenangan sejourus selepas berakhirnya Majlis Konvokesyen ITB Ke-13.



**JABATAN  
PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**1) MERINYU PEMASANGAN  
BILANGAN KOD : 030-70-115**

**TANGGAGAJI : C.2 EB.3 - (\$1,450.00 - \$2,270.00 SEBULAN)**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

- (a) Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (b) Mempunyai pengetahuan tentang kemasinan Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- (c) (i) Mempunyai Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang dikira sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Merinyu Pemasangan atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 7 tahun. ATAU
- (d) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menyelia, memeriksa dan menguji alat-alat kelengkapan elektrik yang dipasang dan peraturan-peraturan pendawai IEE atau aspek keselamatan atau lain-lain adalah merupakan satu kelebihan.
- (e) Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap SANGAT BAIK bagi tempoh (3) tahun kebelakangan. Mempunyai laporan Penilaian Prestasi ditahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

- (1) Memastikan kesesuaian kedudukan Bangunan yang akan dibina, tempat bekalan boleh diambil dan sebagainya (site plan approval);

- (2) Memastikan 'single line' diagram dan electrical layout drawing mengikut/dibuat berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
- (3) Membantu Jurutera dalam perancangan Projek di Daerah Temburong;
- (4) Mengetuai dan mengawasi pegawai-pegawai di Bahagian Pembaca Meter dan Lejar;
- (5) Membantu Ketua Sub Unit Pemotongan mengawasi krew pemotongan mengawasi krew pemotongan;
- (6) Menyediakan laporan segera pemotongan kepada Ketua Sub Unit tentang hasil kerja-kerja harian pemotongan;
- (7) Membuat 'survey' dan melukis peta lakaran, mengenai bacaan 'Amperes & Voltage Loading' di Stesen Kecil Elektrik dan membuat laporan ringkas bagi permohonan bekalan elektrik bagi rumah/bangunan persendirian/Kerajaan untuk memastikan dari mana punca bekalan elektrik akan diambil;
- (8) Memberi laporan bagi permohonan bekalan elektrik yang memerlukan kerja-kerja penambahan kawat atas voltan rendah ataupun mini-feeder pillar;
- (9) Menyelia penyerahan kerja-kerja pemeliharaan Sekolah-Sekolah dan Rumah-Rumah Kerajaan;
- (10) Menaikkan kawat ketiang Overhead lines; dan
- (11) Membuat pengujian ke atas pendawaian pelanggan;

**2) PENYAMBUNG KEBAL  
BILANGAN KOD : 030-85-750**

**TANGGAGAJI : D.4 EB.5 - (\$1,225.00 - \$1,625.00 SEBULAN)**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

- (a) Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (b) Mempunyai pengetahuan tentang kemasinan ugama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
- (c) (i) Mempunyai Sijil Tertinggi Kebangsaan Biasa (OND) dalam bidang Teknik atau kelulusan yang dikira sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (ii) Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
- (iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam dalam tanggungaji D.3 sekurang-kurangnya 3 tahun atau dalam tanggungaji D1 sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang kerja-kerja memasang 'joint and termination' kebal dibawah tanah. ATAU

Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penyambung kebal Rendah atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 8 tahun.

- (d) Mengetahui saiz-saiz kebal bagi kegunaan yang ditentukan, berpengalaman dalam penyambungan LV & HT.
- (e) Mengetahui dan berkebolehan, mengawasi segala peraturan-peraturan keselamatan kerja.
- Bagi calon-calon di para a (ii) dan (iii) pernah mengikuti kursus jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Peringkat Pertama adalah satu keutamaan.
- (f) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap SANGAT BAIK bagi tempoh (3) tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi ditahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

- (1) Membantu tugas jawatan Jurutera/Ketua Pembantu Teknik Kanan atau Pembantu Teknik Kanan;
- (2) Merancang, mengarahkan dan bertanggungjawab ke atas Bahagian penyambungan Kebal Zon Timur;
- (3) Menyediakan perkakas, alat dan kits penyambungan dan penamatan kebal;
- (4) Membuat penyambungan dan penamatan (Termination) Kebal Voltan Tinggi (11KV) dan Voltan Rendah (415V);
- (5) Bersiap sedia setiap masa untuk menghadapi aduan kerosakan 11kv Aerial Kebal dan Undergrauign Kebal;
- (6) Mengarahkan dan mengawasi kerja yang dibuat oleh kontrik (Pemborong); dan
- (7) Menerima arahan daripada Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian/Cawangan/Unit masing-masing dari masa kemasa.

**PERINGATAN :-**

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama Jawatan serta Bilangan Kod yang berfentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji ke alamat:

URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, TINGKAT 3  
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup Permohonan : 30 Jun 2004.



**JABATAN  
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN SEBUTHARGA BAGI MEMBEKALKAN EPPAULETTE DAN TUDONG PEGAWAI KASTAM WANITA WARNA CREAM**

**BIL TAWARAN : KASTAM/8/2004 (SH)**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan tarikh tutup iklan pada 14 Jun 2004 jam 2.00 petang.
2. Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Names Act Section 16 dan 17 atau List of Members to accompany annual return (List of person holding shares) hendaklah disertakan.
3. Penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Penolong Penguasa Kastam, Bahagian Logistik, Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
5. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat dan sampul surat hendaklah ditulis dengan terang: **SULIT - BILANGAN TAWARAN: KASTAM/8/2004 (SH) TAWARAN SEBUTHARGA BAGI MEMBEKALKAN EPPAULETTE DAN TUDONG PEGAWAI KASTAM WANITA WARNA CREAM** JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR BB 3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tanpa membubuh sebarang nama pengirim, Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

| Bilangan Sebutharga Kastam | Jenis Barang Keperluan              | banyak   |
|----------------------------|-------------------------------------|----------|
| KASTAM/8/2004 (SH)         | Epaulette 1 PIP (kurja)             | 50 sets  |
|                            | Epaulette Kosong (Tidak bergaris)   | 40 sets  |
|                            | Epaulette garis I                   | 50 sets  |
|                            | Epaulette garis II                  | 50 sets  |
|                            | Epaulette garis III                 | 50 sets  |
|                            | Epaulette 1 PIP (Malam)             | 50 sets  |
|                            | Epaulette Kosong (Tidak bergaris)   | 30 sets  |
|                            | Epaulette garis I                   | 30 sets  |
|                            | Epaulette garis II                  | 30 sets  |
|                            | Epaulette garis III                 | 30 sets  |
|                            | Tudong pegawai wanita (warna cream) | 50 sets  |
|                            |                                     | 50 helai |



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal "PENUKARAN RUBBER SEALANT DAN MEMBAIKI PERMUKAAN CONCRETE BAGI KAWASAN GERAK LANDASAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan:-  
Tawaran bagi "TAWARAN BAGI "PENUKARAN RUBBER SEALANT DAN MEMBAIKI PERMUKAAN CONCRETE BAGI KAWASAN GERAK LANDASAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA".  
Bilangan Tawaran: JPA/AME/2004/LTN-02. Tarikh Tutup : 7 Jun 2004.  
Tawaran hendaklah ditujukan kepada:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 7 Jun 2004.  
Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Am Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran dokumen \$ 25.00 (tidak dikembalikan) bermula dari 19 Mei 2004 sehingga 3 Julai 2004 iaitu pada hari-hari bekerja (setiap Hari Isnin hingga Khamis mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan dari jam 2.00 hingga 3.00 petang. Manakala pada setiap Hari Sabtu mulai jam 8.00 hingga 10.30 pagi sahaja).
5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam melalui telefon 2330142 Ext 1342 Teleks BU 2267, Fax 2332050.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau apa jua tawaran.



**JABATAN PERANCANGAN DAN  
KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tawaran dibuka kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas III, IV dan V kategori 2 sahaja bagi tawaran semula projek seperti keterangan berikut:

Nombor tender : JKR/DOD/10/20/04  
Projek : JKR/HSS/203D [a]

**SKIM PENYUSUNAN SEMULA KG. AYER KG KATOK 'A'  
TAWARAN SEMULA BAGI PEMBINAAN DAN PENYIAPAN  
BAKI KERJA-KERJA PERUMAHAN PAKEJ 1 [R] - 24 UNIT JENIS 'E'**

**Syarat-syarat tawaran:-**

1. Dokumen tawaran boleh mula diperolehi pada 2 Jun 2004 di Unit Pembahagian Dokumen Kontrak, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dengan dikenakan yuran tawaran \$250.00
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, kaunter penyambut tetamu, Level 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 petang pada 14 Jun 2004.



## PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

**BILANGAN TAWARAN : T/01/PHQ/2004 - B : WATERPROOFING WORK TO ALL TOILET (12 NOS) AND RETILING TO RANK & FILE BLOCK NO. C1A, C1B, C1D, C1E, C1H, C4B, C4D, C4G, C4H, C5B, C5D & C5F AT POLICE ROYAL GUARD, KG. BERIBI GADONG.**

**BILANGAN TAWARAN : T/04/PHQ/2004 - B : WATERPROOFING WORK TO ALL TOILET (18 NOS) AND RETILING TO RANK & FILE BLOCK NO. F1A, F1B, F1D, F1E, F1F, F1H, F2A, F2B, F2C, F2D, F2E, F2F, F2G, F2H, F3B, F3C, F3F & F3G AT POLICE ROYAL GUARD, KG. BERIBI GADONG.**

**BILANGAN TAWARAN : T/05/PHQ/2004 - B : SLOPE REPAIR USING SOIL REINFORCEMENT USING MIRAGRID GEOGRID WITH GABION TOE PROTECTION AND MIRACELL SLOPE COVER TO SURAU AREA AT POLICE ROYAL GUARD, JALAN BABU RAJA KG. BERIBI GADONG.**

**BILANGAN TAWARAN : T/06/PHQ/2004 - B : SLOPE PROTECTION USING CELLULAR CONFINEMENT SYSTEM MIRACELL SLOPE COVER BLOCK 'C' AREA AT POLICE ROYAL GUARD, JALAN BABU RAJA KG. BERIBI GADONG.**

**BILANGAN TAWARAN : T/08/PHQ/2004 - B : RECONSTRUCT R. C. DRIVEWAY AT POLICE ROYAL GUARD, ISTANA DARUL HANA JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN.**

**BILANGAN TAWARAN : T/09/PHQ/2004 - B : NEW WIRING FOR BAREK KELAMIN BLOCK 'D' AT BERAKAS POLICE STATION. 3 UNIT FOR FIRST FLOOR USING TPN WIRING 6 UNIT FOR GROUND FLOOR USING SPN WIRING.**

1. Dokumen-Dokumen tawaran, Borang Tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Procurement - Kewangan, Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.
